



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS**  
**PENGGAL KELIMA**  
**MESYUARAT KETIGA**

---

**Shah Alam, 26 November 2012 (Isnin)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

**Y.B. Dato' Teng Chang Khim, DPMS (Sungai Pinang)  
(Tuan Speaker)**

**Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)  
(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)

**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

Y.B. Tuan Lee Kim Sin (Kajang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Lau Weng San (KampungTunku)

Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Malawati)

Y.B. Tuan Dr. Mohd Nasir bin Hashim (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Philip Tan Choon Swee (Telok Datok)

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Amirudin bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Lee Ying Ha (Teratai)

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Dato' Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK. JBM.,Dr.(Hc) (Sementa)

Y.B. Dato' Haji Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., JSM., SSA (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

Y.B. Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro,  
DPMS., ASA. (Jeram)

Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Hasiman bin Sidom, PJK. (Morib)

Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol  
DSIS., AMS., SMS., AMN., PJK. (Sabak)

Y.B. Dato' Marsum bin Paing,  
DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus,  
KMN., SIS., ASDK. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz,  
DMSM., JP., AMS. (Semenyih)

Y.B. Datuk Mohd Isa bin Abu Kasim,  
DPSM., AMS. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Yap Ee Wah (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Wong Koon Mun,  
JMN., SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Haji Sulaiman bin Haji Abdul Razak  
SMS., PPN. (Permatang)

Y.B. Tuan Ismail bin Sani,  
SMS., PJK. (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Kelang)

## **TIDAK HADIR**

Y.B. Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Dr. Mohamad Khir bin Toyo, PJK (Sungai Panjang)

Y.B. Dato' Sri Subahan bin Kamal,  
SSAP., DIMP. (Taman Templer)

Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DPMS., DIMP., SMS. (Gombak Setia)

## **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman, DPMS., SIS.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

**Encik Suliman bin Abd Rahman, PPT  
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

**Puan Noor Asdiana bt. Abd Kadir  
Ketua Penolong Setiausaha**

**Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
Penolong Setiausaha**

**Puan Siti Salbiah bt. Masri  
Penolong Pegawai Tadbir**

**Encik Ismail bin Habib  
Bentara**

**Encik Ahmad Hafizan bin Yusof  
Encik Mohamad Redzuan bin Adam  
Encik Izal Izlan bin Misnon  
Encik Mohd Saiful Nizam  
Penolong Bentara**

**Puan Noor Syazwani bt. Abd Hamid  
Puan Hajah Noridah bt. Abdullah  
Pelapor Perbahasan**

## ( Puan Timbalan Speaker Mempengerusikan Mesyuarat )

**SETIAUSAHA DEWAN :** *Bismilahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatuallah wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Kedua belas bagi hari keenam, 26 November 2012 dimulakan dengan bacaan doa.

### I. DOA

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Pertanyaan-pertanyaan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** *Assalamualaikum Warahmatuallah Wabarakatuh* dan selamat pagi. Suka saya mengingati semula kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, Perintah Tuan Speaker Bilangan 1/2012 yang telah pun mengehadkan masa untuk menjawab selama 3 minit dan apabila lampu kuning bernyala tinggal 30 saat. Dan, bagi soalan tambahan dihadkan untuk 30 saat. Saya mempersilakan Teluk Datok. Teluk Datok!

**Y.B. TUAN. PHILIP TAN CHOON SWEE :** Soalan saya Nombor 118 puan speaker. Timbalan Speaker.

### PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE (TELUK DATOK)

#### TAJUK: PEMBERIAN AIR PERCUMA

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar:-

- Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah sesetengah rakyat Selangor yang masih gagal mendapatkan air percuma?

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih Yang Berhormat tetapi soalan ini telah dijawab bersama soalan nombor 73.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Seterusnya, Kota Damansara.

**Y.B. TUAN DR MOHD NASIR BIN HASHIM :** Soalan 119.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN TANAH DI SELANGOR**

119. Kerajaan pusat/persekutuan melaksanakan pelbagai projek pembangunan dalam Negeri Selangor

Bertanya kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar:-

- a) Apa kuasa yang ada pada Kerajaan Negeri Selangor terhadap penggunaan tanah tersebut?
- b) Sekiranya pembangunan ini menimbulkan kesesakan jalan raya, apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadapnya.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Puan Timbalan Speaker. Soalan yang dikemukakan oleh pembangunan tanah. Pembangunan tanah di Selangor ini, kita telah mula usahakan supaya terdapat beberapa bentuk pembangunan yang mana kita sendiri telah rancang dan pembangunan-pembangunan ini dilihat dari segi bentuk yang dirangka oleh Jabatan Perancang Negeri. Jadi saya, saya akan menghantar maklumat terperinci tentang pembangunan-pembangunan tersebut kepada Yang Berhormat.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Saya mohon penjelasan mengenai pembangunan tanah di Selangor oleh jabatan-jabatan, agensi kerajaan khususnya persekutuan seperti contoh di Kuala Selangor ada tanah-tanah yang dibangunkan oleh pihak-pihak persekutuan melalui Jabatan Pertanian. Mereka membuat jeti dan sebagainya. Dan apabila di check memang tidak ada sebarang permohonan, KM apa-apa pun tidak dilakukan. Jadi keadaan sebegini telah menimbulkan pelbagai masalah kepada pihak Pejabat Tanah, pihak Majlis dan sebagainya. Jadi apa bentuk tindakan dan kuasa pada negeri untuk mengambil tindakan atau pemantauan dalam perkara ini? Sekian terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Timbalan Speaker ada dua perkara yang jelas. Satu, ialah pemilikan tanah. Kedua, pembangunan tanah. Pemilikan tanah iaitu apabila tanah itu dimiliki disahkan umpamanya Kerajaan Negeri dari masa ke semasa memberikan tanah untuk kegunaan awam pada pihak kerajaan melalui penelitian tanah negara, itulah. Tetapi pembangunan yang dibuat di atas tanah tersebut, sekarang mesti

mendapat kelulusan dari Pihak Berkuasa Tempatan. Dua perkara yang jelas. Satu, kita tidak mempersoalkan dari segi pemberian-pemberian tanah yang lepas. Kita terima bahawa ini adalah keputusan yang telah dibuat. Tetapi pembangunan untuk tanah-tanah tersebut mestilah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan kerana dapat diselaraskan. Saya mengambil masa sedikit hendak bagi contoh. Kalau pembangunan itu dibuat dengan tidak diselaraskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan terutama parit, kedua takungan air, ketiga saluran apa yang dipanggil tenaga, kesemuanya itu mesti disalirkan termasuk jalan-jalan yang diperlukan. Saya mengambil keputusan ini. Sekarang selepas 2008 Kerajaan Negeri tidak akan membenarkan pembinaan sehingga kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan diselaraskan.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Soalan Tambahan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Bangi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Bangi ingin tahu sejauh manakah Kerajaan Negeri, maksudnya Negeri Selangor memberi kerjasama dengan Kerajaan Pusat mengenai pengambilan tanah yang berhubung umpamanya bagi kepentingan awam seperti sekolah-sekolah, jalan-jalan dan sebagaimananya. Dan bagaimana pula umpamanya dari segi pengambilan tanah untuk membina MRT yang tidak dipersetujui oleh penduduk setempat kerana mereka tidak ada, tanah itu sahaja. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Timbalan Speaker, Bangi membangkitkan satu isu sosial yang mesti kita imbangi. Satu adalah kehendak sosial dan satu lagi kehendak persendirian. Saya, Kerajaan Negeri berpendapat kita tidak dapat menghalang pembangunan kerajaan negeri Selangor. Kita mesti bekerjasama dengan sesiapa pun demi menentukan pembangunan Negeri Selangor ini dapat diteruskan terutamanya pembinaan prasarana *infrastructure*. Jadi kalau perlu dibuat. Walaupun terdapat kesalahan terdahulu, iaitu kita tidak rancangkan perkara-perkara ini dengan lebih awal. Umpamanya dalam pembinaan MRT, MRT tidak dirancang tetapi apabila kita sudah buat kajian, kita perlukan kawasan-kawasan tersebut untuk diambil alih binaan itu dibuat. Kerajaan Negeri mengambil sikap dua perkara. Satu, ialah sikap keadilan kepada mereka-mereka yang terkena. Kedua, dari segi pampasan. Maknanya pampasan itu mestilah sesuai. Dan, apa yang dibangkitkan oleh Bangi tentang kalau orang itu tidak ada tanah lagi, tiada rumah lagi, jadi sebelum apa-apa keputusan alternatif ataupun gantian itu mestilah dipersetujui. Walaupun pada dasarnya tidak dapat menyelesaikan masalah apa yang dipanggil *sentimental*.

*Sentimental* maknanya dia sudah duduk di rumah itu begitu lama jadi dia tidak hendak keluar. Jadi masalah itu kita tidak dapat selesaikan. Tetapi masalah pampasan yang sesuai kita selesaikan. Masalah yang terbesar ialah rakyat setuju tentang

pembangunan tetapi asal jangan kena pada kawasan rumah mereka itu. Kalau itu ertinya, kalau tidak kena rumah mereka, mereka setuju. Kalau begitu memang kita tidak boleh buat pembangunan yang menyeluruh.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kota Alam Shah.

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM :** Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Soalan saya No.120.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM  
(KOTA ALAM SHAH)**

**TAJUK: LITTLE INDIA DI JALAN TENGKU KELANA, KLANG**

120. Bertanya kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan Negeri untuk mempromosikan Little India, Jalan Tengku Kelana sebagai satu Pusat Pelancongan?
- b) Mengapakah sehingga ke hari ini Pintu Gerbang untuk menyambut para pengunjung masih belum dibina di Jalan Tengku Kelana, Klang?
- c) Adakah Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk membuka dan menggalakkan lebih banyak lagi pusat beli belah seperti Little India di tempat-tempat lain selain dari Klang?

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Puan Timbalan Speaker, soalan Kota Alam Shah - Little India. Pihak UPEN, EXCO Pelancongan serta MPK ada menyediakan Program Klang Heritage Walk yang dilaksanakan sejak tahun 2011 di mana program tersebut termasuk dalam kawasan Little India. Contohnya, Galeri Diraja, Istana, bangunan-bangunan warisan sekitar Klang. Dan, setiap tahun pihak swasta ada menaja program sambutan dan pesta Deepavali dijalankan di Tengku Kelana. Untuk makluman, bahawa pintu gerbang di Jalan Tengku Kelana masih belum lagi dapat diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM :** Puan Timbalan Speaker, soalan tambahan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ya, Kota Alam Shah.

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM :** Soalan C masih belum dijawab.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIW :** Adakah Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk membuka dan menggalakkan lebih banyak lagi pusat beli-belah seperti Little India di tempat-tempat lain selain dari Klang? Ini akan ditinjau dan dikaji oleh Pejabat Tanah dan Daerah. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Dengkil.

**Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING:** Terima kasih Puan Timbalan Speaker, soalan saya nombor 121.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING**  
**(DENGKIL)**

**TAJUK: KEMPEN ANTI ZINA**

121. Gejala sosial yang melibatkan generasi muda terutama kelahiran bayi tidak sah taraf begitu berleluasa di negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan kerajaan terutama kempen anti zina yang tidak berkesan langsung hanya sekadar *banner* sahaja?
- b) Apakah langkah pencegahan yang diambil dalam mengatasi gejala tersebut?
- c) Berapa ramai yang telah diberi bimbingan oleh kerajaan kepada mereka yang terlibat?

**Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI :** Terima kasih Dengkil. Puan Timbalan Speaker. Dengkil bertanya tentang kempen anti zina yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Pertamanya, saya ingin menegaskan kepada Dengkil bahawa Kerajaan Negeri Selangor sentiasa mengambil tindakan yang holistik, berjangka panjang dan inklusif dengan menggunakan segala sumber yang sudah ada. Dan, mengupayakan segala sumber rakyat dan pimpinan rakyat untuk menyokong dan mendukung satu gerakan bersama membantu dan membasmi kegiatan zina yang tidak mahu diatasi oleh kerajaan UMNO Barisan Nasional dahulu. Dan, keseriusan pihak kerajaan atau *political will* dengan izin, Pakatan Rakyat membuktikan dengan langkah-langkah seperti berikut. Pertama, mewujudkan jawatankuasa khas gejala sosial dan memperuntukkan khusus sebanyak RM1 juta setahun. Berbanding kerajaan BN sebelum ini yang hanya memperuntukkan RM10.00 sahaja setahun. Sedang mewujudkan sistem pengurusan sosial dibangunkan dan diuruskan untuk fasa pertama di fakulti pendidikan dan sains sosial UNISEL untuk membangun sistem data prasarana, sumber fizikal dan sumber tenaga manusia yang akan dikursuskan untuk

menangani masalah sosial kawasan setempat dan sistem sokongan. Dan, laporan terus kepada pusat pengurusan sosial Selangor secara maya. Dan, melalui penyelia setempat seperti ketua kampung, penghulu mengenai insiden dan gejala sosial dan akan memasukan data terkini. Dan membantu untuk Kerajaan Negeri daripada mengesan *trend* dan memantau keberkesanan dan kecekapan dengan izin *key personnel* untuk mengambil tindakan. Dan, penerima input terus daripada masyarakat umum dan pengajur kursus.

Melalui program Generasi Idaman Selangor (GEMS) Kerajaan Negeri Selangor, mahu mengatasi isu gejala sosial bukan sahaja masalah zina di Negeri Selangor Langkah dan tindakan Kerajaan Negeri terutamanya kempen anti zina bukan sekadar *banner* tetapi Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan Jawatankuasa menangani gejala sosial peringkat induk dan peringkat semua daerah, peringkat daerah yang dianggotai oleh jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan pemimpin akar umbi seperti JKKK, ibu bapa, masjid, surau, PIBG, PEBT dan sebagainya. RELA, ketua komuniti, pesara, kaunselor dan peranan jawatankuasa ini untuk menjadi penyelaras yang dapat menghasilkan perancangan strategik dalam meningkatkan usaha menangani gejala sosial secara efektif dan hasil daripadanya insya-Allah telah terlaksana dan kempen anti zina 7 siri GEMS bersama 40 NGO Islam, seminar pengurusan cinta, jom jodoh, kursus kepimpinan masyarakat, pusat sehenti (*one stop centre*), pengupayaan sistem sokongan masyarakat termasuk pengukuhan keluarga, menonjolkan ikon remaja belia positif sebagai idola alternatif seperti selebriti berakhhlak dan tunas ilmuwan mewujudkan *trend* budaya positif, di kalangan pemimpin dan pelaksanaan...

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat masa sudah cukup.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih.

**Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING:** Soalan tambahan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Dengkil.

**Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING:** Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat EXCO saya melihat bukan banyaknya program yang dianjurkan tapi apakah kejayaan yang telah pun dicapai kerana semakin hari kita melihat semakin banyak keskes pembuangan bayi barangkali ini di sumbang oleh banyaknya hotel-hotel bajet dan sebagainya. Jadi apakah tindakan yang lebih berkesan lagi supaya kita dapat mengurangkan kelahiran tanpa sah ini? Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih kepada Dengkil, untuk makluman Tuan Dengkil seperti makluman Dengkil pun sedia maklum saya rasa, zina ini dia bukan berlaku dekat bajet hotel sahaja, dia rata-rata, termasuk dekat tasik,

termasuk dekat Dataran Merdeka dan sebagainya, jadi bukanlah satu itu sahaja yang kita kena fikirkan tapi secara menyeluruh. Yang pertamanya kalau kita nak mengatasi masalah zina apa punca utamanya. Punca utamanya kalau seseorang itu tidak bahagia, kita cakap fasal zina ini adalah masyarakat orang Islam. Kalau dia ini bahagia, dia tidak perlu berzina, pertama yang perlu kita fikirkan yang menyumbang itu banyak, bukan sahaja bajet hotel, di antaranya ialah kalau pemimpin pun dia buat program k-pop, gangnam apa itu, itu sudah menjadikan satu indikasi kepada remaja belia yang terpengaruh kerana mereka mudah terpengaruh. Jadi kita sebagai pemimpin negeri dan pemimpin negara itulah yang sepatutnya membuatkan satu trend yang positif. Remaja belia mempunyai satu wawasan, satu *futuristic thinking* yang tidak memerlukan perlakuan zina ini untuk mencapai kebahagiaan dan kepuasan. Ini yang kita kena fikirkan Dengkil ya.

**Y.B. TUAN DR. HAJI ABD RANI BIN OSMAN:** Soalan Tambahan

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya Meru.

**Y.B TUAN DR. HAJI ABD RANI BIN OSMAN:** Saya ingin nak bertanya kepada EXCO satu data, satu statistik yang menunjukkan penurunan kes-kes zina ini lepas kempen dijalankan.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Sebenarnya zina ini daripada bilangan tangkapan daripada siri pertama, kita tidak buat tangkapan, siri kedua sehingga siri ketujuh kempen anti zina. Saya cakap ini satu hari sahaja daripada 365 hari, statistik yang kita ada daripada siri kedua yang kita mula sampai siri yang ke tujuh lebih kurang sahaja dia punya jumlah. Tetapi seperti yang saya kata tadi orang berzina bukan hari itu sahaja ada 300 lebih hari lagi kalau dia nak berzina. Kempen anti zina ini adalah untuk mewujudkan satu kesedaran di kalangan masyarakat terutamanya kepada pemimpin lagi-lagi, pemutus polisi Kerajaan Negeri ataupun negara supaya memikirkan tentang masalah zina ini dan ibu bapa, keluarga, pemimpin di daerah, di kampung, di taman dan sebagainya, pemimpin komuniti, pemimpin di dalam masjid dan surau memikirkan zina ini adalah satu masalah. Zina ini perlu ditangani, dan alhamdulillah di antara yang kita, kalau ikut statistik yang kita, nanti saya bagi secara menyeluruh ya kepada Meru. Ok tangkapan siri 2 – 7, yang pertama 118, siri kedua kempen anti zina 118, siri ketujuh 121, lebih kurang sahaja, siri kelima 116 sahaja lebih kurang sahaja. Banyak lagi yang tidak boleh kita tangkap lagi. Sebab yang kita tangkap ini adalah yang di pusat-pusat hiburan tetapi seperti yang saya kata tadi ada di dalam rumah orang, ada di dalam asrama, ada di dalam rumah pakcik dia, ini berlaku. Jadi saya mengharapkan saudara kita daripada Dengkil boleh membantu menyampaikan kepada pemerintah peringkat kebangsaan itu sendiri., supaya mereka lebih cergas lagi dan bersama dengan kita menyokong.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**Y.B. DATO' DR. KARIM BIN HAJI MANSOR:** Puan Timbalan Speaker soalan nombor 122.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B DATO' DR. KARIM BIN HAJI MANSOR  
(TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK: AIR TIDAK BERHASIL (NRW)**

122. Antara alasan mengapa tarif air tidak boleh dinaikkan di Selangor kerana kegagalan SYABAS mengurangkan kadar air tidak berhasil (NRW).

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah sasaran NRW negeri kepada SYABAS?
- b) Apakah faktor-faktor kegagalan tersebut?
- c) Benarkah Kerajaan Negeri menghalang SYABAS mendapatkan pinjaman untuk menggantikan paip-paip lama bagi mengatasi NRW?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Speaker Tanjung Sepat membangkitkan isu air tidak berhasil, iaitu *non review water* dan mengapa SYABAS tidak dapat mengurangkan kadar *non review water*? Di bawah perjanjian konsesi yang ditandatangani oleh SYABAS dan juga Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan terdapat semakan ataupun tentang *target* untuk NRW disasarkan. Iaitu pada tahun 2006 (NRW), *non review water* ialah 37.78% tetapi pada tahun 2009 perjanjian itu menyasarkan supaya NRW turun kepada 27%. Pada tahun 2012 NRW yang dalam perjanjian itu mesti turun kepada 19.98%. Pada 2015 dia turun kepada 15.48% dan kemudian dia ada *target* supaya dia sampai ke peringkat 15%. Apa yang berlaku sekarang NRW yang dicapai SYABAS sehingga Oktober 2012 ialah 32.68% jadi itu yang berlaku. Terima oleh SYABAS, terima oleh SPAN. Apa yang jelas penelitian kita SYABAS tidak fokus kepada apa yang dipanggil *water resources management*. Jadi satu kajian yang dibuat oleh Audit Negara mengenai penggunaan dana-dana atau pun kapital dipinjamkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada pemilik-pemilik saham SYABAS untuk tujuan pembangunan SYABAS. Kajian itu mendapati bahawa sebahagian besar perbelanjaan awal adalah untuk memperbaiki *office* dan juga membeli kenderaan. Jadi daripada situ kita tunjukkan dia tidak fokus kepada pembetulan paip-paip. Kedua juga saya dapati pembetulan paip-paip buat secara umum ialah kita adakan tender terbuka. Tender terbuka ialah memanggil petender-petender. Kajian menunjukkan kita telah dapat itu yang menyebabkan berlakunya undang-undang baru pada 2006 pemilik

saham SYABAS, Puncak Niaga termasuk pemilik saham utama Puncak Niaga, Tan Sri Razali sangat berminat untuk menjadi agen menyediakan paip-paip tersebut. Jadi oleh sebab itu terdapat bangkangan oleh masyarakat kerana dia tidak dibuat secara kompetitif. Kalau tidak buat dari *competitive prices* makna kosnya akan dijangkakan lebih tinggi dan ini telah berlaku dan kerajaan, Audit menunjukkan pinjaman yang dibuat kepada SYABAS tidak digunakan mengikut tatacara yang berlaku yang sepatutnya berlaku. Saya telah mencadangkan perkara ini dibetulkan mengikut kelulusan undang-undang iaitu *water act* yang mana penyusunan semula industri air dilakukan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih.

**Y.B. DATO' DR. KARIM BIN HAJI MANSOR:** Soalan Tambahan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya Tanjung Sepat.

**Y.B. DATO' DR. KARIM BIN HAJI MANSOR:** Adakah kata-kata yang menyatakan, komen yang menyatakan bahawa Kerajaan Negeri *retain capex* yang menyebabkan pembaikan paip-paip ini tidak dapat dijalankan kerana Kerajaan Negeri tidak membantu SYABAS hal *capex* ini, minta ulasan dari Menteri Besar?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Tanjung Sepat, Kalau Kerajaan Negeri menyediakan *capex* katalah dengan itu kalau Kerajaan Negeri, saya Kerajaan Negeri menyediakan kapital jawapannya lebih baik saya buat. Bukan suruh SYABAS buat sebab apabila dia buat, dia ada komisen untuk buat tersebut, siapa yang membayar komisen tersebut, rakyat Selangor. Jadi oleh sebab itu dan itu sebab kalau saudara teliti saya mengambil masa, bukan saya tidak, saya hantar surat-menurut kepada Kerajaan Persekutuan, saya hantar untuk tatapan Dewan ini, saya buat secara terbuka, jadi kalau Ahli Dewan tahu dalam kertas-kertas yang kita hantar kepada Dewan termasuk surat-menurut tentang perkara tersebut saya masukkan. Dan saya juga telah meminta pakar-pakar termasuk empat pakar yang kita untuk menilai keupayaan pengurusan SYABAS dalam menyelesaikan perkara ini. Kajian itu telah dibuat, dibandingkan dengan syarikat-syarikat air negara, saya bandingkan. Kita dapati SYABAS dan Puncak Niaga tidak mempunyai keupayaan dari segi teknikal kerana dia tidak pernah buat perkara ini dulu. Kedua dari segi keupayaan modal, jadi untuk menjimatkan perkara ini, saya minta supaya penyusunan semula itu dilakukan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Soalan tambahan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ya Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Terima kasih Puan Speaker. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, isu *capex* ialah isu yang dana mesti disediakan oleh SYABAS bukan Kerajaan Negeri atau pun mana-mana. Tapi saya nak

mendapatkan pendapat Menteri Besar bahawa satu daripada kegagalan NRW ini adalah kerana ada arahan daripada pihak Kerajaan Negeri Selangor kepada SYABAS supaya urusan-urusan NRW ini diberhentikan ataupun dibekukan. 2009, 2011, 2012 dan 2014 dengan alasan Kerajaan Negeri dalam proses penstrukturkan semula pengambilan air. Maka itu SYABAS tidak menjalankan NRW ini kecuali kerja-kerja yang kritikal sahaja. Yang kedua soalan saya ialah mengenai tender terbuka setahu saya tender yang dibuat secara terbuka untuk penggantian paip yang lama.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Masa dah cukup.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Puan Speaker, kalau Permatang berminat tentang perkara ini kita juga akan jemput Permatang untuk hadir tiap-tiap hari, itu yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri mengenai penyelenggaraan dan juga pengurusan SYABAS. Ada ia berlaku. Jadi dengan cara itu pihak Yang Berhormat akan faham tentang perkara ini. Kedua, tender terbuka bererti, itu sebab kita kata kita minta SYABAS...

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Soalan tadi kena jawab dulu Menteri Besar. Sama ada arahan membekukan itu dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri atau SYABAS. Ada surat ini. Saya ada laporan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Saudara boleh dapat surat daripada SYABAS sebab lobi SYABAS sangat tinggi. Sebab lobi SYABAS ni kalau belanjanya ialah.....

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Kena jawab soalan bukan....

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Ya, saya nak bagi tahu. Permatang, jangan jadi wakil SYABAS. Jadi wakil rakyatlah. Jadi itu yang paling penting, saudara tak boleh jadi wakil....

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Isu rakyat bukan isu SYABAS ni Menteri Besar.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Permatang.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Ya, saya nak bagi tahu saudara ni nampaknya saudara nampaknya menjadi wakil SYABAS bukan wakil rakyat. Jangan tunjuk kepada saya, saya dah jawab soalan itu. Saya dah kata kalau SYABAS tak boleh buat beri tender itu supaya boleh dilakukan oleh Unit Perancang Ekonomi.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Kerajaan Negeri yang suruh bekukan.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Peraturan Tetap 36.6 Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli lain.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Apa dia sangkaan jahat.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Dia kata kita wakil SYABAS. Dia mengatakan Permatang wakil SYABAS. Saya mohon dia tarik balik.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Itu bukan sangkaan jahat. Batang Kali Pengerusi berhak memutuskan apa-apa sahaja keputusan. Duduk.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Bertanggungjawablah sikit.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Teruskan Yang Berhormat Ijok.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Saya dah minta Permatang hadir dan ini boleh kita tunjukkan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Jawab soalanlah Menteri Besar.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Permatang, saya tidak benarkan awak bangun tanpa kebenaran.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Saya tak boleh terima kata-kata wakil rakyat....

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Saya dah jawab, umpamanya sebagai contoh kita dah bagi surat tentang perkara ini, kita lakukan untuk SYABAS, kita dah bagi contoh. Jadi semua itu akan kita lakukan kalau Kerajaan Persekutuan benar-benar nak tolong rakyat kenapa dia tidak susun semula industri air.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Baik, Semenyih. Tidak hadir. Teratai.

**Y.B. PUAN LEE YING HA :** Puan Timbalan Speaker, soalan saya soalan no. 124.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. PUAN LEE YING HA**

**(TERATAI)**

**TAJUK : TAPAK UNTUK MENEMPAT ANJING LIAR DI NEGERI SELANGOR**

124. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah kos untuk membina tapak tersebut dan di manakah tempat itu?
- b) Siapakah yang menjaga kawasan tersebut dan cara untuk memproseskan anjing liar.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIW :** Puan Timbalan Speaker, Teratai ingin bertanya mengenai tapak untuk menempat anjing liar di Negeri Selangor. Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam menangani masalah anjing liar di PBT satu proses akan dilaksanakan mengikut mekanisme PBT masing-masing. Secara dasarnya anjing liar yang ditangkap akan ditahan dan disimpan oleh PBT dalam tempoh 7 hari atau sehingga ia dituntut oleh mana-mana pihak jika ada. Maaf, mana-mana pemilik jika ada. Jika anjing-anjing liar berkenaan tidak dituntut maka proses pelupusan akan dilaksanakan mengikut prosedur sedia ada. Berikut adalah peruntukan yang dibelanjakan oleh PBT bagi penempatan anjing liar serta lokasi penempatan tersebut dibina. Saya hanya sebut tempat. Bagi MBSA Pustakawan, Stor MBSA, Seksyen 17. MPSJ Pusat Kurungan Haiwan MPSJ. MPK Pusat Kurungan Haiwan Sementara di Lot 1, Lebuh Sultan Muhammad. MPS Rawang Integrated. MPKj Stor Jalan Reko. MPSp Pusat Tahanan Haiwan Batu 1 Sepang. MPSp mempraktikkan kaedah tangkap dan lopus untuk menjimatkan kos. MDKL belum ditentukan. MDHS Bengkel Majlis Daerah Hulu Selangor. MDKS Tanjung Keramat Kuala Selangor. Pusat penempatan sementara bagi anjing-anjing liar ini disediakan dan dikawal selia oleh Jabatan Kesihatan di PBT masing-masing. Walau bagaimanapun MBPJ dan MBSA pula menggunakan khidmat bantuan daripada *pound* dan MPAJ pula melantik pihak kontraktor swasta bagi proses-proses penangkapan dan melupuskan anjing-anjing liar di kawasan PBT mereka. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Teratai.

**Y.B. PUAN LEE YING HA :** Puan Timbalan Speaker saya ingin bertanya sebab tahun lepas EXCO PBT telah mencadangkan untuk mengadakan satu tempat untuk menyimpan semua anjing-anjing liar dan diberikan peruntukan yang besar sama ada rancangan ini telah dijalankan atau dalam kajian ataupun tengah dijalankan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIW :** Rancangan ini masih dalam proses kerana ada rancangan untuk menggunakan stor yang masih digunakan oleh *Veterinary Department* di Petaling Jaya. Apabila pusat ini disiapkan ini akan digunakan secara berkongsi di antara semua PBT yang memerlukannya. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Terima kasih Puan Timbalan Speaker, saya nampak ada di MBPJ dia menggunakan PAWS ini memang satu konsep yang baik tapi kebanyakan PBT kita nampak masih tidak ada satu tempat *pound* yang memang sesuai, ada yang gunakan stor seperti MPKj. Jadi kita harus menggunakan yang profesional untuk menangani masalah ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIW :** Ya, Kajang. Memang usaha mesti dilaksanakan oleh semua PBT bersama-sama supaya kita dapat mempertingkatkan lagi perkhidmatan untuk menyimpan anjing-anjing liar sehingga dituntut ataupun dilupuskan jika tidak sesuai lagi. Ini merupakan satu proses yang diteruskan. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Lembah Jaya.

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ :** Puan Timbalan Speaker soalan no. 126.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. HAJI KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : ISU AIR**

126. Masalah bekalan air di Negeri Selangor sering kali terganggu (banyak kawasan yang tidak dapat air sepanjang masa)

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah benar "Projek Langat 2" benar-benar dapat menyelesaikan masalah tersebut.
- b) Apakah langkah yang diambil bagi memastikan bekalan air bersih (air terawat) mencukupi untuk keperluan rakyat Negeri Selangor.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Tuan Speaker. Lembah Jaya membangkitkan isu masalah Langat Dua dan dia katakan masalah bekalan air Selangor yang sering terganggu adalah disebabkan oleh Langat 2. Saya ingat kenyataan itu tidak betul. Walaupun kita setuju hari ini Langat 2 itu airnya akan sampai sekurang-kurangnya dua tahun akan datang. Jadi kempen untuk menunjukkan bahawa kurangnya air kerana Langat 2 satu kempen menipu rakyat. Kedua itu sebab kita kata lebih baik kempen mengurangkan jumlah *non-revenue water* lebih baik daripada itu. Kedua saya telah buktikan saya sangat berminat tentang perkara ini sebagai seorang Menteri Besar dan seorang yang mementingkan *economic resource management*. Kita dapati keputusan-keputusan yang dibuat oleh kerajaan sebelum ini tidak membuat kajian yang teliti. Saya dapati. Jadi saya bandingkan keputusan-keputusan yang dibuat. Keputusan-keputusan yang dibuat berasaskan apa yang dipanggil *contract management*, bukan *resource management*. Jadi bererti lebih banyak dapat kontrak lebih banyak *publicity to justify*. Jadi saya tengok kalaularah kita ada duit sebanyak RM4,000,000,000.00 untuk menambahkan jumlah air di Negeri Selangor saya rasa cara penyelidikan itu dibuat mengkaji punca-punca air yang di dalam Negeri Selangor yang boleh dipertingkatkan. Kajian itu tidak dibuat. Saya melihat perbandingan kajian yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Singapura dengan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri

Selangor dari segi cara mencari sumber-sumber air. Jawapan saya, saya telah buktikan bahawa kita tidak buat dengan cara yang betul. Jadi oleh sebab itu, saya sangat berminat untuk membetulkan perkara ini supaya pembayar cukai dapat *value for money*.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Batu Caves.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Terima kasih Speaker. Soalan no. 127.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI  
(BATU CAVES)**

**TAJUK : SKIM SEL DAN MIMBAR**

127. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Sehingga Oktober 2012 berapa banyak permohonan Skim Sel dan Mimbar yang telah dibuat oleh rakyat Selangor dan berapa yang diluluskan?
- b) Berapa banyak golongan muda di bawah 40 tahun yang telah memohon dan berapa yang diluluskan?
- c) Berapa peratus yang telah membayar balik dengan mengikut jadual?

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih Puan Timbalan Speaker dan juga Hulu Kelang dan saya mohon soalan ini dijawab bersekali dengan soalan 141 daripada Hulu Kelang. Untuk persoalan yang ditimbulkan mengenai Skim Sel dan Mimbar, Batu Caves bertanya tentang berapa banyak permohonan jadi izinkan saya menjawab secara berasingan. Skim Sel merupakan satu skim Mikro-kredit Luar Bandar yang mana ia kaedah pelaksanaannya sedikit berlainan dengan Mimbar kerana permohonan yang dibuat adalah mengikut kumpulan. Maksudnya cukup satu kumpulan dengan syarat-syarat yang telah ditentukan jadi Kerajaan Negeri atau Skim Sel akan meluluskan permohonan tersebut. Jadi mengikut *data base* yang ada sehingga 31 Oktober 2012 seramai 6,758 orang yang telah pun lulus di dalam SKIM Sel ini. Manakala untuk Mimbar pula sehingga Oktober 2012 daripada 12,547 borang permohonan, seramai 5,417 yang telah berjaya lulus untuk mendapat mikro-kredit ini.

Bagi soalan seterusnya, Batu Caves bertanya berapa banyak ataupun berapa ramai golongan muda bawah 40 tahun yang memohon. Jadi bagi golongan muda kita lihat di bawah Skim Sel yang telah lulus permohonan adalah sebanyak 2,962 orang. Yang mana kalau ikut peratusannya adalah sebanyak 43.83% daripada jumlah keseluruhan

peserta. Untuk Mimbar pula kalau kita lihat daripada keseluruhan jumlah yang telah diluluskan seramai 2,331 anak muda yang telah diluluskan.

Bagi soalan seterusnya, berapa banyak bayaran balik yang telah dibuat mengikut jadual. Kalau ikutkan Skim Sel pembayaran semula telah pun mencapai sebanyak 97.2% manakala untuk Mimbar pembayaran semula telah berjaya dikutip adalah sebanyak 83.03%.

Soalan seterusnya daripada Hulu Kelang. Hulu Kelang bertanya tentang isu-isu berkaitan dengan Mimbar. Apakah benar kelulusan permohonan Mimbar diberhentikan. Jadi saya ingin menjawab dalam Dewan ini, Mimbar Selangor tidak pernah menghentikan proses temu duga dan kelulusan bagi mana-mana DUN termasuk Hulu Kelang dan perkara ini tidak benar sama sekali bila ia kata bahawa ada yang mengatakan program MIMBAR telah gagal. Sebenarnya program Mimbar telah dapat sambutan yang luar biasa dan alhamdulillah kita lihat ia di antara skim yang popular sekarang ini di Selangor. Seterusnya Hulu Kelang ingin bertanya berapakah perbelanjaan yang telah dikeluarkan bagi pelaksanaan program Mimbar sehingga Oktober 2012. Sebanyak RM12,044,250.00 yang telah dibelanjakan dan daripada itu 140 orang peserta dari Hulu Kelang yang telah pun mendapat manfaat sebanyak RM293,200.00. Sekian Puan Speaker.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Batu Caves.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Terima kasih Speaker atas jawapan yang sangat informatif. Pertamanya adakah Mimbar ataupun Skim Sel memberikan ruangan untuk bantuan-bantuan bagi permulaan perniagaan sebab sebahagian besar anak muda yang saya temui tidak ada lagi ruang untuk memulakan perniagaan. Sebaliknya mereka memerlukan bantuan untuk memulakan perniagaan tetapi setahu saya kebanyakan bantuan Mimbar diberikan kepada mereka yang sudah berjaya dan ingin mengembangkan perniagaan. Jadi apakah pandangan dan juga dasar Kerajaan Negeri mengenai isu ini. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL :** Untuk makluman Batu Caves sekarang ini Mikro-kredit Bandar atau Mimbar telah pun membuka ruangnya yang lebih luas selain dari memberikan perkhidmatan kepada mereka yang telah mula atau pun sedia ada perniagaan tetapi sekarang ini kita di bawah Mikro-kredit Mimbar Niaga kita telah membuka ruang kepada mereka yang kita kategorikan sebagai individu yang boleh diberikan daya juang ataupun jati diri yang mereka boleh berpendapatan di bawah pelaksanaan Dasar *Work Fair* itu kita buat satu program yang mana Mikro-kredit atau MIMBAR Niaga di mana kita sediakan modal awal termasuk barang dan sebagainya dan di situ kita bimbing seperti produk-produk kita sebut di situ burger Mimbar, *ice blended* MIMBAR dan sekarang ini kita ada ayam goreng Mimbar dan sebagainya. Ini

adalah untuk membantu mana-mana individu yang tidak ada perniagaan tetapi ingin ceburi bidang perniagaan tetapi kita bimbing mereka dengan memberi modal awal dan juga peralatan asas untuk mereka boleh membuat perniagaan selama 6 bulan. Seterusnya kalau mereka berjaya mereka boleh membesarkan lagi dengan membuat pinjaman seterusnya. Itu jawapan saya.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Baik, Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Apakah prestasi bayar balik kepada peserta-peserta MIMBAR.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL :** Untuk Mimbar, sehingga Oktober 2012, dalam maklumat yang saya ada, bayar balik adalah sebanyak 83.03%. Maknanya, daripada 100% orang yang pinjam 83.03% telah dapat membayar semula. Tetapi kita tidak nafikan ada di kalangan mereka yang dimasukkan dalam golongan yang manja contohnya kalau kita pergi minta kutipan, baru diberikan, ataupun dibayar balik. Ada yang saya sebut 83% ini adalah mereka yang *consistently* ataupun secara tetap membayar dalam menggunakan kaedah *S.I.*, dengan izin, *Standing Instruction* yang ada di dalam, ataupun menggunakan perkhidmatan di bank-bank yang kita sediakan. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Jeram.

**Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO :** Terima kasih Speaker. Soalan no. 129.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO**  
**(JERAM)**

**TAJUK : PELUPUSAN SAMPAH**

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah dan kapasiti pusat pelupusan sampah di Selangor?
- b) Apakah teknologi pelupusan yang digunakan, kos dan adakah Kerajaan Negeri bercadang menggunakan teknologi baru?
- c) Bagaimanakah Kerajaan Negeri membanteras dan memantau pusat pelupusan sampah haram?

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Puan Timbalan Speaker. Jeram tanya pelupusan sampah. Pada ketika ini kapasiti pusat-pusat pelupusan adalah mencukupi. Butiran lanjut adalah seperti di bawah:-

- 1) Jeram *Sanitary Landfill*, 160 ekar, kapasiti telah diisi, baki kapasiti 5.1 juta tan, jangka hayat sehingga 2017.
- 2) Tanjung 12 *Sanitary Landfill*, 160 ekar juga, kapasiti yang telah diisi hanya 0.14 juta tan, baki kapasiti adalah 8.86 juta tan, jangka hayat sehingga tahun 2035.
- 3) Dengkil *Inert Waste Landfill*, 145 ekar, kapasiti telah diisi hanya 0.4 juta tan, baki kapasiti, 1.1 juta tan, jangka hayat 2029
- 4) Kuang *Inert Waste Landfill*, 7, sorry, maaf 27 ekar, kapasiti telah diisi hanya 0.07 juta tan, baki kapasiti 0.67 juta tan, jangka hayat sehingga 2032.

Kerajaan Negeri sentiasa mencari kaedah-kaedah pelupusan sisa pepejal yang terbaik untuk diaplikasikan. Sehingga hari ini, kita telah mempunyai satu loji yang menggunakan teknologi *Refused Derived Fuel* (RDF) di kawasan Majlis Perbandaran Kajang. Teknologi boleh menukar sisa pepejal yang dilupuskan kepada tenaga elektrik dan kompos. Selain daripada itu juga, Kerajaan Negeri telah meneliti beberapa teknologi lain yang difikirkan sesuai untuk digunakan seperti *Material Resources Facility* (MRF) dan *Mechanical Biological Treatment* (MBT) yang akan menukarkan sisa pepejal yang dilupuskan kepada tenaga elektrik ataupun produk yang berdasarkan barangkit semula.

Masalah pembuangan sampah haram ini adalah berikut tapak pelupusan yang berada jauh dari kawasan berkenaan serta kapasiti sampah yang melampau menyebabkan kelewatian kutipan. Selain daripada itu, ada sesetengah penduduk lewat mengeluarkan sampah dan yang merumitkan sampah ditinggalkan di dalam kawasan rumah yang berkunci. Masalah bayaran juga menyebabkan sampah berkenaan dibuang di tempat-tempat yang tidak sepatutnya. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membanteras dan memantau pusat pelupusan sampah haram ialah:-

- a) Menggiatkan lagi operasi pemantauan dan penguatkuasaan bagi membanteras kegiatan pembuangan sampah haram, selain itu ada PBT yang telah menubuhkan *Unit Flying Squad* bagi melakukan aktiviti pemantauan secara berkala.
- b) Penguatkuasaan oleh agensi-agensi berkenaan ke atas individu yang membuka, mengurus dan membuang sampah di tapak-tapak sampah haram.
- c) Penstrukturkan semula kawasan penyeliaan berpandukan kepada tenaga kerja yang ada.

- d) Pemantauan oleh Bahagian Kawal Selia, Jabatan Kesihatan Persekutaran dan Penguatkuasaan undang-undang

Terima kasih.

**Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO :** Soalan tambahan.

**Y.B. PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Jeram.

**Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO :** Terima kasih Puan Speaker. Sedia maklum di Jeram terdapat sebuah pusat pelupusan sampah. Persoalannya ialah rungutan daripada Pusat Setempat, laluan ke tempat pelupusan sampah yang mana lori pengangkut sampah meninggalkan kesan kotor dan juga bau sepanjang jalan. Yang keduanya, tak jauh daripada situ, lebih kurang 1 km, terdapat pusat pelupusan sampah haram daripada kawasan yang berkenaan. Jadi, saya pohon nak tahu apakah tindakan yang boleh diambil kepada 2 perkara berkenaan?

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIW :** Memang, dasar Kerajaan Negeri tidak mahu nampak mana-mana lagi ada tapak pelupusan sampah yang haram. Jadi, ini kawasan, dalam kawasan Kuala Selangor, saya memintalah, saya akan sendiri memastikan..

**Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO :** Lebih kurang 1 km sahaja daripada jarak..

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIW :** Ok. Kalau sekilometer sahaja, saya minta Yang Berhormat bagi, kalau ada *detail* lah, kita boleh memberikan kepada, secara *direct* lah, kepada YDP di Kuala Selangor, supaya tindakan boleh diambil dengan segera. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Dengkil.

**Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING :** Terima kasih. Soalan saya no. 130.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING  
(DENGKIL)**

**TAJUK : BANTUAN RM50 PELAJAR TADIKA**

130. Dalam Sidang DUN yang lalu Y.B. EXCO telah menyatakan akan menunaikan pemberian RM50 bermula Julai 2012 kepada pelajar tadika seperti dalam janji pilihan raya 2008.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa ramaikah jumlah pelajar tadika di Negeri Selangor?
- b) Berapa ramaikah pelajar yang telah diberi mengikut daerah?
- c) Berapa peruntukan yang telah diberi untuk program tersebut?

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI :** Terima kasih kepada Dengkil. Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Tetap Pendidikan Negeri Selangor pada tahun 2011, jumlah pelajar tadika di Selangor dianggarkan seramai 53,392 orang dan jumlah ini merangkumi tadika daripada Kemas, Perpaduan dan swasta. Jumlah pelajar yang telah menerima bantuan Skim Tunas adalah seramai 1,042 orang pelajar sejak dimulakan 1 Julai 2012. Dan jumlah penerima mengikut daerah adalah seperti berikut:-

- a) Gombak – 64
- b) Hulu Langat – 37
- c) Hulu Selangor – 13
- d) Klang – 323
- e) Kuala Langat – 106
- f) Kuala Selangor – 90
- g) Petaling – 47
- h) Sabak Bernam – 334
- i) Sepang – 28

Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Baik, Bukit Antarabangsa. Tidak hadir. Sekinchan, tiada. Subang Jaya.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN :** Puan Timbalan Speaker, Soalan no. 134.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEWO SUAN  
(SUBANG JAYA)**

**TAJUK : PILIHAN RAYA KERAJAAN TEMPATAN**

134. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bilakah Kerajaan Negeri akan melaksanakan pilihan raya Kerajaan Tempatan seperti yang telah dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang?
- b) Apakah sebab-sebab kelewatan dalam pelaksanaan pilihan raya Kerajaan Tempatan ini memandangkan Kerajaan Negeri telah pun melaksanakan pilihan raya ketua kampung?
- c) Berapakah anggaran kos untuk pelaksanaan pilihan raya Kerajaan Tempatan?

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Pandamaran.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Soalan ini telah dijawab.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN :** Dalam perbahasan, saya ada bangkitkan, tetapi soalan ini berlainan sedikit. So, kalau kita boleh dapat jawapan rasmi.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ya, Pandamaran, sila jawab.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Soalan Subang Jaya adalah pilihan raya Kerajaan Tempatan. Pilihan raya Kerajaan Tempatan dirancang untuk dilaksanakan setelah kajian mengenaikekangan perundangan selesai dijalankan. Sehingga hari ini, perkara ini masih belum diselesaikan. Sebab utama kelewatan dalam pelaksanaan pilihan raya Kerajaan Tempatan ini adalah kerana kekangan dari aspek perundangan yang mana merujuk kepada Sub seksyen 15, Akta Kerajaan Tempatan telah memperuntukkan bahawa semua peruntukan berhubung dengan pilihan raya Kerajaan Tempatan hendaklah terhenti berkuat kuasa, atau terhenti mempunyai kesan berikutan dengan penguatkuasaan sub seksyen 15 dan pemakaian Seksyen 10, pihak SPR tidak boleh menjalankan pilihan raya bagi memilih anggota Majlis sesuatu Pihak Berkuasa Tempatan kerana keanggotaan mereka adalah dibuat secara lantikan. Walaupun pilihan raya Kerajaan Tempatan berada di bawah kuasa negeri, namun berdasarkan perkara 95A Perlembagaan Persekutuan, perubahan dasar berhubung dengan apa-apa cadangan untuk mengadakan semula pilihan raya Kerajaan Tempatan hendaklah diputuskan terlebih dahulu oleh Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan iaitu MNKT.

Sekiranya, Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan memutuskan bahawa anggota Majlis sesuatu PBT hendaklah dibuat melalui pilihan raya maka ia boleh dilaksanakan dengan cara berikut:

- 1) Seksyen 10 dan Seksyen 15, Akta 171 perlu dipinda dan dikaji semula apa-apa peruntukan sedia ada. Yang lain berkaitan dengan pelantikan anggota Majlis.
- 2) Semua cadangan pindaan kepada Akta Kerajaan Tempatan hendaklah diterima pakai oleh semua negeri supaya wujud keseragaman dalam pemakaian undang-undang itu.
- 3) Dan akhirnya, peraturan-peraturan bagi menjalankan pilihan raya Kerajaan Tempatan hendaklah diwujudkan. Oleh yang demikian, SPR tidak boleh menguatkuasakan Akta 473 untuk menjalankan pilihan raya Kerajaan Tempatan bagi Negeri Selangor sehingga segala tindakan berdasarkan cadangan yang dinyatakan diambil tindakan. Anggaran kos untuk pelaksanaan pilihan raya Kerajaan Tempatan tidak dapat diberikan kerana hanya masih dalam proses kajian.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Baik, Kuang.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI IDRUS :** Speaker, Soalan no. 135.

**PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI IDRUS**  
**(KUANG)**

**TAJUK : MURID ASRAMA YAYASAN SELANGOR**

135. Yayasan Selangor telah menutup beberapa buah asrama menempatkan anak-anak Selangor luar bandar yang belajar di kawasan bandar.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- (a) Berapa orangkah anak Selangor yang terbabit kerana penutupan tersebut?
- (b) Apakah perancangan Yayasan untuk memastikan anak Selangor luar bandar mendapat pendidikan di bandar pada masa hadapan?

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI :** Terima kasih kepada Kuang, Timbalan, Puan Timbalan Speaker. Pada hujung tahun 2011 seramai 226 pelajar yang terdiri daripada 132 orang pelajar tingkatan satu dan 94 orang pelajar tingkatan tiga telah terlibat dalam proses penempatan semula ke sekolah-sekolah yang telah ditetapkan untuk sesi persekolahan 2012. Manakala pada hujung tahun 2012 pula seramai 120 pelajar lagi melalui proses penempatan semula ke sekolah atau asrama baru iaitu 10 orang pelajar tingkatan dua dan 98 orang pelajar tingkatan tiga dan 12

orang pelajar tingkatan empat. Yayasan Selangor berpandangan bahawa kemudahan pendidikan di bandar dan luar bandar pada masa kini tiada banyak perbezaan dari segi kemudahan. Dan juga Yayasan sendiri telah pun menyediakan pelbagai kemahiran atau skil pembelajaran termasuk kursus intensif Bahasa Inggeris untuk menguasai Sains dan Matematik supaya pelajar-pelajar yang berada di luar bandar tidak ketinggalan. Malah sesetengah sekolah luar bandar mempunyai lebih kemudahan dan kelebihan berbanding sekolah di bandar dan seperti yang saya sebutkan beberapa hari yang lalu di mana pelajar daripada sekolah di luar bandar juga telah menunjukkan prestasi yang amat membanggakan bahkan melebihi daripada sekolah di luar bandar dan ini juga kita mendapati antara yang terbaik adalah di Kuala Kubu Baru, jadi Kuala Kubu kena sokong ni. Walau bagaimanapun, Yayasan Selangor masih terus menjalankan operasinya di asrama pusat di bandar Klang dan akan terus mengekalkan kuota pelajarnya di sekolah *premier*, di Kuala Lumpur dan di Petaling Jaya dengan menawarkan pelajar yang berulang-alik daripada rumah sekalipun tiada lagi operasi asrama Yayasan Selangor Kuala Lumpur. Sementara itu, konsep asrama daerah yang kebanyakannya masih di kawasan bandar seperti Klang, Kajang, Bangi dan Banting akan terus diperkasakan dan ditambahbaikkan dengan pelbagai program pendidikan tambahan. Perkara asas yang saya hendak sebutkan di sini kepada Kuang ialah, memang Kerajaan Negeri Selangor sekarang ini mahu melihatkan seluruh sekolah-sekolah di Selangor, bukan sahaja di bandar bahkan di luar bandar juga dilonjakkan pencapaian mereka, prestasi mereka, prasarana mereka supaya proses pengajaran dan pembelajaran juga berlaku dengan cara yang *standard* mempunyai piawaian yang memuaskan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI IDRUS :** Speaker, soalan tambahan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ya, silakan Kuang.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI IDRUS :** Pertama, soalan tambahan saya ialah adakah rancangan oleh kerajaan untuk membina atau menambah asrama baru untuk Yayasan Selangor. Yang kedua, jika ada, bila dan di mana nak dibina?

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI :** Yayasan Selangor memang ada rancangan untuk membina sebuah sekolah lengkap dengan asrama penuh di Ijok, insya-Allah. Dalam masa mungkin tahun depan kita, perancangan itu.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Semenyih.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ :** Puan Speaker, soalan 136.

#### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(SEMENYIH)**

**TAJUK : PENYELENGGARAAN JALAN PINTAS KE KAJANG (KAJANG BYPASS)  
DI SEPANJANG JALAN DI HADAPAN TESCO DAN GIANT KAJANG DI  
PRIMA SAUJANA, KAJANG**

136. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Siapakah atau agensi manakah yang bertanggungjawab bagi mengawal selia jalan ini?
- b) Apakah perancangan jangka masa panjang pihak kerajaan negeri dan PBT bagi menentukan jalan yang rosak dan lampu isyarat yang selalu tidak berfungsi tersebut dapat diselenggarakan sepenuhnya oleh pihak yang dipertanggungjawabkan.

**Y.B. TUAN RONNI LIU TIAN KHIEW :** Puan Timbalan Speaker, soalan Semenyih, berkaitan dengan penyelenggaraan jalan pintas ke Kajang, iaitu Kajang Bypass di sepanjang jalan di hadapan Tesco dan Giant Kajang, di Prima Saujana Kajang jawapannya, jalan Kajang Bypass tidak digazetkan ke atas mana-mana pihak agensi MPKj, secara langsung menyelenggara jalan tersebut memandangkan jalan tersebut di dalam kawasan pentadbiran MPKj, berdasarkan keputusan mesyuarat EXCO MTES, pada 3 Mei tahun ini memutuskan bahawa jalan tersebut akan diserah dan digazetkan di bawah pihak JKR bagi tujuan penyelenggaraan, perancangan jangka masa panjang hanya akan ditentukan oleh agensi yang akan dipertanggungjawabkan ke atas jalan tersebut bagi jangka masa pendek, pihak MPKj yang membaiki jalan serta lampu isyarat kiranya berlaku kerosakan. Terima kasih Semenyih.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Soalan tambahan

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kajang

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Terima kasih, Kajang ambil perhatian kerana ia terduduk sebahagiannya dalam Dun Kajang, dan kerosakan ini memang agak teruk dan Kajang telah memohon, daripada Geran Selangorku untuk menyiapkan sebatang jalan ini dan panjangnya lebih kurang, 2 kilometer dan kita berharap kerajaan dapat beri pertimbangan dan dilaksanakan dengan segeranya. Terima kasih.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** *Noted*, Puan Timbalan Speaker.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Baik seterusnya, Sungai Pelek.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH :** Puan Timbalan Speaker, Soalan ini sudah dijawab bersama sekali dengan soalan No.8

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Baik Teluk Datok

**Y.B. TUAN PHILIP TAN CHOON SWEE :** Soalan 139, Puan Timbalan Speaker.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN PHILIP TAN CHOON SWEE  
(TELUK DATOK)**

**TAJUK: PEMBINAAN KONDOMINIUM DI BATU CAVES**

139. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah penyelesaian yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi kontroversi pembinaan kondominium Dolomite Park Avenue di Batu Caves

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** YB Puan Timbalan Speaker, soalan ini telah dijawab dengan soalan no .25 yang ditanya oleh Batu Caves, di jawab oleh Pandamaran.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kota Damansara

**Y.B. TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM :** Puan Timbalan Speaker, soalan 140

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PENGANGKUTAN AWAM DI DUN KOTA DAMANSARA**

140. Tidak ada perkhidmatan bas awam khususnya dari DUN Kota Damansara ke Hospital Besar Sg. Buloh, dari kawasan Seksyen 3 (MBPJ) ke Subang 2 (MBSA) dalam DUN Kota Damansara.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- (a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk penyelesaian masalah ini
- (b) Bolehkah Majlis Berkuasa Tempatan membantu menyediakan perkhidmatan bas?

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Pandamaran cari soalan

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Puan Timbalan Speaker, apa soalan itu, kita tidak disediakan, 140 apa soalannya

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Soalan berkaitan dengan, pengangkutan awam.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIW :** Puan Timbalan Speaker, soalan Kota Damansara adalah berkaitan dengan pengangkutan awam di DUN Kota Damansara tidak penempatan bas awam khususnya dari DUN Kota Damansara ke Hospital Besar Sg. Buloh, dari kawasan seksyen 3, ke Subang 2 dalam DUN Kota Damansara, bertanya kepada Apakah tindakan kerajaan negeri untuk penyelesaian masalah ini dan Bolehkah Majlis Berkuasa Tempatan membantu menyediakan perkhidmatan bas?. Puan Timbalan Speaker, bidang kuasa pengangkutan awam adalah di bawah Kerajaan Pusat ataupun Kementerian Pengangkutan dan Kerajaan Negeri memang tidak ada hak untuk merancang ataupun adakan menyediakan pengangkutan awam bagaimanapun di MBPJ kita telah pun menyediakan dua bas yang secara diberikan kepada maka di Petaling Jaya secara percuma dan satu usaha sedang dijalankan di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat melalui SPAD di mana mereka, kita difahamkan SPAD akan diberikan peruntukan yang agak besar untuk mewujudkan ataupun menambah baikan pengangkutan awam di Negeri Selangor dan Negeri yang lain walau bagaimana pun proses ini masih dijalankan, jadi tak ada jangka masa pendek kita hanya boleh bergantung kepada bas percuma yang disediakan oleh MPBJ itu. Terima kasih

**Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM :** Soalan tambahan

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila, ya Kota Damansara

**Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM :** Isu yang ditimbulkan bahawa sekarang pada masa-masa yang lepas kita tidak nampak yang Majlis Perbandaran dapat membantu kita dari segi perkhidmatan bas untuk penduduk-penduduk di situ. Soalan tambahan ialah apa yang harus kita lakukan sekarang untuk tenangkan keadaan di mana mereka dapat pergi ke hospital dan mana-mana sahaja dengan senang. Terima kasih.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIW :** Puan Timbalan Speaker, saya akan meminta MBPJ dan juga MBSA kerana permintaan DUN Kota Damansara adalah di Kawasan MBPJ dan juga MBSA, jadi saya akan meminta kedua-dua pihak mengadakan kajian dan rundingan kalau boleh kita akan menyediakan bas percuma, untuk menangani masalah ini. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sabak

**Y.B. DATO' HJ WARNO BIN DOGOL :** Puan Speaker soalan no.142

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' HJ WARNO BIN DOGOL  
(SABAK)**

**TAJUK : PUSAT HIBURAN LUAR BANDAR**

No.142. Lambakan pusat-pusat hiburan seperti rumah urut dan lain-lain sama ada beroperasi secara haram atau tidak telah menular ke kawasan-kawasan luar Bandar khasnya di daerah Sabak Bernam

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah tindakan proaktif Kerajaan Negeri dalam menangani masalah ini?
- b) Apakah peranan PBT dalam membanteras mengawal pusat hiburan berdaftar dan pusat hiburan haram?
- c) Agensi manakah yang sepatutnya mengetuai operasi penguatkuasaan atau pemantauan dan agensi lain manakah yang sewajarnya terbabit?

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Soalan bagi Pandamaran sekali lagi,

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIW :** Puan Timbalan Speaker, soalan sabak adalah Pusat Hiburan Luar Bandar jawapannya salah satu tindakan proaktif bagi menangani masalah lambakan pusat hiburan adalah dengan penetapan zon pusat hiburan seperti yang telah diarahkan berdasarkan pekeliling SUK Bil.1 Tahun 2008. Berhubung arahan mewujudkan dan zon pusat hiburan di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor, kaedah ini dilihat berkesan di dalam mengawal dan memantau aktiviti pusat hiburan yang terdapat di Selangor di samping memudahkan pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan. Peranan Pihak Berkuasa Tempatan dalam membanteras dan mengawal pusat hiburan berdaftar dan pusat hiburan haram adalah melalui tindakan penguatkuasaan operasi penguatkuasaan berkala dapat membantu Pihak Berkuasa Tempatan dalam menangani di dalam mengenal pasti dan mengambil tindakan ke atas premis-premis pusat hiburan yang menjalankan aktiviti yang menyalahi undang-undang selain itu juga pelaksanaan operasi penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi luar termasuk polis dan JAIS dapat membantu di dalam membanteras aktiviti pusat hiburan, Polis Diraja Malaysia merupakan agensi yang sepatutnya mengetuai operasi penguatkuasaan dan pemantauan ke atas pusat-pusat hiburan, memandangkan kuasa Pihak Berkuasa Tempatan terbatas, dan lebih fokus kepada hal-hal berkaitan lesen.

Walau bagaimanapun tindakan secara bersepadu bersama agensi-agensi luar yang lain, seperti Jabatan Agama Islam Selangor, Jabatan Imigresen, Agensi Dadah Kebangsaan, dan Yayasan Pencegahan Jenayah dapat membantu dalam mengatasi masalah pertumbuhan pusat hiburan yang menyalahi undang-undang dengan lebih berkesan dan Puan Timbalan Speaker, baru-baru ini Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Menteri Besar telah mengadakan mesyuarat dengan beberapa pihak termasuklah polis supaya satu pasukan ataupun *task force* yang khas akan ditubuhkan di peringkat Negeri untuk menjalankan tugas operasi, tetapi operasi ini tugas ini hanya

boleh dijalankan dengan kerjasama polis, kerana kuasanya daripada polis dan Menteri Besar telah menulis kepada pihak polis dan kita sedang menunggu jawapan yang positif. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Pelabuhan Kelang

**Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH :** Terima kasih, Puan Speaker, soalan no. 144

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH  
(PELABUHAN KELANG)**

**TAJUK : AHLI MAJLIS**

144. Kerajaan Negeri melantik dari kalangan kuota parti dan NGO untuk menjadi Ahli Majlis di PBT

- (a) Bagaimakah kaedah untuk memastikan tiada salah laku kuasa di kalangan Ahli-ahli Majlis tersebut.
- (b) Bagaimana prestasi Ahli-ahli Majlis dinilai diukur dan diiktiraf.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Pandamaran lagi

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Soalan Pelabuhan Kelang adalah mengenai Ahli Majlis. Jawapannya di dalam memastikan pemilihan Ahli Majlis bebas dari salah laku kuasa Kerajaan Negeri telah menetapkan mekanisme pelantikan Ahli Majlis, supaya isu seperti ini tidak timbul dengan mendapatkan laporan 1. Tapisan Keselamatan oleh Kementerian Dalam Negeri, 2. Tapisan Keselamatan, oleh SPRM dan 3. Pengisytiharan tidak bankrap dari Jabatan Insolvensi, selain daripada itu kaedah yang diguna pakai adalah dengan menyediakan tatacara yang lengkap dan jelas sebagai panduan kepada Ahli-ahli Majlis, untuk menjalankan tugas mereka. Ahli Majlis telah diberi taklimat dan diedarkan senarai peranan dan tanggungjawab sebagai seorang Ahli Majlis dan dipanggil untuk menyertai kursus-kursus asas Ahli Majlis yang diadakan sebanyak dua sesi dalam masa setahun. Ahli-ahli Majlis yang telah dilantik akan tertakluk di bawah Surat Aku Janji dan Akta Rahsia Rasmi Kerajaan yang telah mereka tangani, mereka juga perlu merujuk kepada Akta Kerajaan Tempatan, ataupun Akta 171. Di samping itu, Ahli-ahli Majlis dibekalkan garis panduan akta untuk undang-undang kecil, dan pekeliling yang dikuatkuasakan. Contoh pekeliling yang dikeluarkan dan dikuatkuasakan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

1. Garis Panduan Tatacara Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan

2. Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
3. Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan

Sebagai tambahan Majlis Bandaraya Shah Alam turut juga memperuntukkan Garis Panduan Majlis Perwakilan penduduk Shah Alam dan dibentangkan dalam Mesyuarat Penuh Majlis dan bagi Majlis Perbandaran Klang, Ahli-ahli Majlis MPK tertakluk perintah tetap Mesyuarat MPK 2007. Setiap Ahli Majlis PBT akan di nilai prestasinya oleh Datuk Bandar, Yang Dipertua Majlis bersama Pengurusan Tertinggi, dengan menggunakan pakai, borang prestasi yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri berdasarkan aspek-aspek, seperti kehadiran Ahli Majlis ke mesyuarat di PBT, dan keaktifan seorang Ahli Majlis dapat menghubungkan di antara Pihak Berkuasa Tempatan dengan penduduk setempat, prestasi Ahli Majlis dapat dinilai berdasarkan kepada beberapa kriteria, seperti yang berikut:

- i. kehadiran mesyuarat, komitmen tugas,
- ii. pengetahuan tentang kemahiran dalam tugas,
- iii. kebolehan membuat keputusan,
- iv. keberkesanan komunikasi,
- v. keberkesanan hasil kerja,
- vi. kepimpinan,
- vii. integriti,
- viii. disiplin dan ketepatan masa,
- ix. proaktif dan inovatif, dan akhirnya
- x. jalinan perhubungan dan kerjasama.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Baik masa telah tamat

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Soalan tambahan

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Kajang ingin bertanya memandangkan bilangan Ahli Majlis yang begitu ramai, 24 orang setiap satu PBT, adakah kemungkinan ataupun rancangan pihak kerajaan mengurangkan bilangan Ahli Majlis setiap PBT. Dan kita nampak juga walaupun kita ada ramai, ramai yang terlibat dalam kerja-kerja administratif dan juga eksekutif. Jadi kita berharap bilangan dikurangkan dan tumpu perhatian dari segi pemantauan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Puan Timbalan Speaker, Kajang berpendapat bahawa jumlah Ahli Majlis sekarang terlalu banyak. Terlalu ramai tetapi kalau bagi kawasan yang besar seperti MPK dan sebagainya mereka katakan bilangan sekarang yang ada ini merupakan maksud saya, beban kepada Ahli Majlis cukup besar

dan hebat. Jadi kalau kita mengurangkan jumlah Ahli Majlis, saya rasa ini memerlukan kajianlah yang, yang lebih baik kerana kita memandangkan PBT di lain negeri seperti di Australia, kawasan PBT mereka adalah sangat-sangat kecil kalau dibandingkan dengan Negeri Selangor. Saya bagi contoh MPK keluasan kawasannya adalah 560 persegi kilometer, jadi bayanganlah betapa besar tempatnya. Dan Hulu Selangor lagi besar daripada Melaka. Jadi kalau kita kurangkan Ahli Majlis, saya rasa ini perlu kajian yang mendalamlah. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Soalan Tambahan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kg. Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Ya, saya ingin bertanya kepada kerajaan, kalau kita sedang menghadapi masalah ini, mengapakah kerajaan tidak bercadang untuk memecahkan PBT itu kepada dua. Misalan kata Majlis Perbandaran Klang Utara dan Klang Selatan supaya kita akan mempunyai lebih ramai resources ataupun Ahli Majlis untuk berkhidmat di tempat yang besar seperti Klang.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Puan Timbalan Speaker, memang, satu kajian telah diadakan dua tiga tahun yang lalu, di mana adakah MPK telah sampai masanya untuk dipecahkan ke dalam dua. Walaupun kajian itu menunjukkan bahawa langkah itu adalah langkah yang positif, tetapi kita masih menunggu kajian yang lebih mendalam kerana ini akan melibatkan banyak lagi perkara-perkara termasuk Ahli Majlis dan juga pendapatan sesuatu PBT. Jadi kajian diteruskan, dan kalau masa sudah sampai, memang, memang kita membuat sedemikian. Saya bagi contoh, dulu memang tak ada MPSJ tetapi kerana Petaling Jaya sudah berkembang pesat, dan akhirnya ada MPSJ juga. Jadi itu satu contoh yang baiklah dan kita akan teruskan usaha bila masa sampai untuk berbuat demikian. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Teratai.

**Y.B. PUAN LEE YING HA :** Puan Timbalan Speaker, soalan no. 146.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN LEE YING HA**  
**(TERATAI)**

**TAJUK : PREMIUM TANAH RM1000**

146. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah ramai penduduk memohon premium tanah RM1,000 di seluruh Selangor?

- c) Secara *percentage* berapakah ramai telah membaharui premium tanah dengan menerima skim ini?

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM :** Puan Timbalan Speaker, soalan no. 145 belum.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Sudah dijawab.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Soalan itu telah dijawab.

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM :** Puan Timbalan Speaker, ini soalan saya berbeza dengan soalan-soalan..

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Saya sudah lihat soalan yang sebelumnya.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Sama.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sama. Daripada Teluk Datok.

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM :** Tidak sama Puan Timbalan Speaker.  
C..

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kota Alam Shah. Saya sudah semak. Soalan itu memang sudah dijawab.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Saya setuju. Memang sama.

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM :** Tapi saya ada soalan tambahan Puan Timbalan Speaker.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kota Alam Shah, ini giliran Teratai untuk bertanya.

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM :** Tapi mengapa..

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Boleh bangkitkan di dalam perbahasan di waktu petang kalau sekiranya ada.

**Y.B. PUAN LEE YING HA :** Nak ulang sekali lagi ke.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Y.B. Ijok.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Puan Speaker. Teratai bertanyakan tentang premium tanah yang RM1,000.00, berapakah ramai penduduk yang memohonnya dan *percentage*. Pertama saya nak ingin jelaskan tentang boleh jadi ada kekeliruan. Yang kita lakukan ialah supaya memberikan tanah-tanah yang mereka yang

duduk di tanah kerajaan untuk rumah mereka, tapak rumah mereka sudah lebih daripada 15 ke 20 tahun. Jadi selepas itu Pejabat Daerah akan membenci dan memberikan mereka supaya mereka mendapat borang apa yang dipanggil 5A. 5A itu memberikan mereka peluang untuk memiliki tanah tersebut dengan pembayaran premium. Ada dua *options* yang dilakukan iaitu premium mengikut harga pasaran, kedua premium yang kita berikan, *special* premium iaitu RM1,000.00 dan kajian kita menunjukkan lebih daripada 98% daripada mereka memilih membayar RM1,000.00. Dan saya akan menghantar perangkaan yang terkini sebab dalam rekod negeri ialah hanya untuk borang 5A. Berapa ramai yang kita beri 5A setiap daerah. Borang 5A, jadi bukan dia diikuti bayaran premium. Kedua percentagenya itu saya akan hantar kepada Teratai dan saya telah minta pegawai kita mengumumkan mengikut daerah dan saya dapati sekarang *work in progress* dalam daerah sangat banyak. Maknanya kalaupun dapat 10,000 angka yang kita berikan, tetapi *work in progress* dalam daerah melebihi 30,000 masih lagi tertangguh dari segi permohonan.

**TUAN SPEAKER :** Balakong.

**TUAN SPEAKER :** Tidak hadir. Lembah Jaya.

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ :** Tuan Speaker, soalan no. 148.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB HAJI KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : GERAI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR (P.L.B)**

148. Terdapat gerai-gerai PLB yang tidak diurus dengan baik.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Bilakah Kerajaan akan bertindak supaya gerai-gerai ini betul-betul diurus sewa oleh PBT/Pejabat Daerah bukannya individu (sedangkan ini gerai kerajaan)
- b) Terdapat juga bukan warganegara yang bermiaga. Bagaimana perkara ini terjadi.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI :** Tuan Speaker bagi menjawab soalan Lembah Jaya berkaitan dengan gerai-gerai luar bandar. Gerai permohonan luar bandar yang diurus oleh pejabat daerah dan tanah kini telah diserahkan pengurusan nya kepada pihak Berkusa Tempatan. Peniaga yang terlibat dengan gerai PLB ini terikat perjanjian yang ditetapkan oleh pihak PBT. Pihak PBT juga sentiasa memastikan

kesemua peniaga yang terlibat mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan serta sering mengadakan pemantauan di lokasi-lokasi gerai tersebut. Pelanggaran terma dan syarat boleh menyebabkan peniaga tersebut ditamatkan kontraknya. Soalan kedua, prinsip Kerajaan Negeri ialah kita memastikan konsep *owner operator* yang mana sesiapa mendapat mana kerja ataupun dalam gerai hendaklah mereka yang mengendalikannya. Mana-mana penyewa yang menyewakan pada pihak lain ataupun warga asing hendaklah ditamatkan tempoh sewaannya.

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ :** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Ya. Silakan.

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ :** Agaknya bilakah tindakan tu akan diambil sebab kalau kita turun tengok, rata-rata gerai PLB ini memang tak terurus kemudian dimiliki oleh individu tertentu dan malah adapun yang telah dijual.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI :** Saya minta Lembah Jaya membantu saya untuk menyenaraikan dan kita pastikan di kawasan Ampang Jaya ini tindakan segera diambil.

**TUAN SPEAKER :** Gombak Setia. Tidak hadir. Taman Templer. Tidak hadir. Sg. Burong.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Telah dijawab bersama soalan 126.

**TUAN SPEAKER :** Baik terima kasih. Meru. Tidak hadir. Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Tuan Speaker soalan 153.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : PERUNTUKAN KEPADA JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM)  
SELANGOR**

153. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah jenis bantuan kebajikan yang disubsidi oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan senaraikan jumlah yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Selangor mengikut pecahan daerah bagi tahun 2007-2012.

- b) Apakah langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi mewujudkan jaringan keselamatan sosial (*social safety net*) untuk membantu mereka yang miskin dan kurang mampu?
- c) Apakah insentif yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi menggalakkan sektor swasta bekerjasama dan bersama-sama menyumbang dalam membantu golongan miskin dan memerlukan di Negeri Selangor?

**TUAN SPEAKER :** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih Speaker. Soalan 153. Sekejap saya, minta maaf. Saya kehilangan jawapan.

**TUAN SPEAKER :** Duduk kena buat persiapanlah. Jangan tunggu.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL :** Tak, sebab dia terlalu laju tadi Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Tak ada sebab soalan laju memang siap semua dah.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL :** Ok soalan yang ditanya oleh Rawang apakah jenis bantuan yang disubsidikan oleh Kerajaan Negeri dan senaraikan jumlah yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri mengikut pecahan dan daerah. Kalau dilihatkan mengikut senarai bersama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri melalui 11 jenis bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat hanya dua sahaja yang di bawah Kerajaan Negeri iaitu bantuan am dan bantuan bencana jadi apakah yang langkah yang dibuat oleh Kerajaan Negeri bagi mewujudkan jaringan keselamatan sosial untuk membantu mereka yang miskin dan kurang mampu. Yang ini Kerajaan Negeri telah pun membuat satu polisi baru iaitu *work fare* tadi yang saya selalu bangkitkan dalam Dewan ini iaitu daripada kebajikan kepada berpendapatan. Jadi jaringan yang kita ingin buatkan adalah satu sistem di mana persediaan lebih awal dalam merangka polisi-polisi supaya mereka yang sentiasa mendapat kebajikan ini dikaji dan dilihat sama ada beliau ini memang benar-benar di dalam golongan yang benar-benar miskin atau mereka tidak ada, tidak ada satu jaringan sosial yang sepatutnya lebih awal disediakan sebelum masa dan tiba, sebelum tiba masanya mereka ini mendapat masalah-masalah ataupun memerlukan bantuan seperti contoh dikatakan, katalah seorang warga emas contohnya beliau kita melihat isu ini walaupun tidak dapat ditangani sepenuhnya di bawah Kerajaan Negeri tetapi kita lihat rata-rata seorang warga emas itu walaupun beliau bekerja pada awal umurnya tetapi bila mereka pencer atau telah tamat perkhidmatan akhirnya mereka tidak dapat ya satu dana ataupun satu pendapatan yang cukup, dan akhirnya beliau telah pun jatuh ke paras kemiskinan. Sebab itu kalau kita lihat kebanyakan warga-warga emas di Selangor ini

mereka bila selesai ataupun melebihi umur 60 tahun mereka terpaksa mendapat bantuan daripada kerajaan. Dan apakah inisiatif yang diberikan oleh Kerajaan Negeri bagi menggalakkan sektor swasta untuk bekerjasama. Kita sentiasa sebenarnya memberi dan membuka ruang kepada pihak swasta bekerjasama dan sekarang ini di bawah majlis kebajikan negeri Selangor kami telah pun mengusahakan satu program yang mana kita sebut ‘Selangor community chest’ yang akan dibuat supaya kita buka kepada semua badan-badan swasta dan korporat untuk terlibat di dalam program ini. Sekian. Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Soalan tambahan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Ya, sila.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Saya ingin bertanya apakah mekanisme penyaluran peruntukan Kerajaan Negeri Selangor kepada JKM sebab baru-baru ini I terima, saya ada terima aduan daripada penduduk yang katakan mereka pejabat MCA di kawasan saya untuk dapatkan bantuan dan dikatakan Kerajaan Negeri tak bagi wang kepada JKM menyebabkan mereka tidak terima apa-apa sumbangan daripada JKM.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL :** Mekanisme penyampaian sumbangan ada dua kaedah. Satu kita lihat yang mana yang disampaikan oleh ataupun bantuan itu disediakan oleh Kementerian atau pihak Persekutuan ia disalurkan ada dua cara, satu melalui masuk dalam bank secara bulanan dan satu lagi dipanggil ke pusat-pusat khidmat terutamanya pembangkang ataupun di Selangor kalau di federal dipanggil kerajaanlah, MCA, MIC dan juga BN aaa...UMNO untuk disampaikan sumbangan tersebut. Walaupun telah beberapa kali ya Kerajaan Negeri ataupun saya secara peribadinya menegur kaedah ini kerana satunya kita mahukan semua pembayaran bulanan itu dibuat terus kepada rakyat tidak lagi melalui mana-mana pihak supaya memudahkan mereka sebab mereka ini bukanlah golongan yang berada, mereka terpaksa pergi kadang makan masa berbatu, berkilometer untuk sampai ke tempat tersebut. Bagaimanapun tidak diendahkan, jadi itulah yang berlaku sebagaimana yang Rawang timbulkan. Ya, mereka dipanggil ke satu-satu badan politik untuk menyampaikan sumbangan tersebut tanpa mengendahkan bahawa wakil rakyat di kawasan tersebut adalah sebenarnya wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat tetapi dia menafikan dia menghantarkan wakil lain untuk menyampaikan sumbangan. Jadi itu yang berlaku sebenarnya di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat di mana bila ia di senarai bersama tetapi bila keputusan itu dibuat ataupun dikeluarkan oleh kementerian kita tidak dapat, apa ni tidak dapat mengelakkan bahawa ia tindakan ini banyak berlaku di banyak tempat di negeri Selangor. Itu jawapan saya.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Tuan Speaker Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Ya, sila.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Saya ingin memohon penjelasan Y.B. sama ada peruntukan kerajaan negeri untuk dua kategori yang dinamakan tadi iaitu bantuan am dan bantuan bencana telah disalurkan secara sepenuhnya oleh pihak kerajaan negeri kepada jabatan JKM di negeri Selangor.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL :** Untuk bantuan bencana dan juga bantuan am tahun ini, telah pun sebagaimana bajet yang telah diperuntukkan sepenuhnya telah disalurkan tinggal lagi kita ada satu bajet tambahan yang akan dikemukakan di dalam dewan ini pada bulan ini yang mana ia memerlukan tambahan bajet untuk bantuan am untuk bantuan bulan November dan Disember. Jadi ini akan dikemukakan dalam dewan dalam minggu ini insya-Allah. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan No. 154. Terima kasih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**YB TUAN LEE KIM SIN**  
**(KAJANG)**

**TAJUK : PENGURANGAN EMISI KARBON**

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- Apakah rancangan kerajaan dalam pengurangan emisi karbon?
- Berapakah jumlah emisi karbon yang dikurangkan dari 2008 hingga 2011?
- Adakah kerajaan pertimbangkan pemberian ganjaran terhadap entiti yang berjaya dalam pengurangan emisi karbon?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Tuan Speaker, Kajang telah menanya tentang rancangan kerajaan dalam pengurangan emisi karbon, khasnya di Negeri Selangor. Di Negeri Selangor, kita *categorize* kan pengurangan emisi karbon, selaras dengan apa yang dicadangkan oleh Kerajaan Pusat iaitu kecekapan penggunaan tenaga, dengan izin, *energy efficiency*. Dua, tenaga boleh diperbaharui, dengan izin, *renewable energy* dan tiga, pengurusan sisa pepejal. Dan program-program yang terlibat yang dirancang dan juga dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut. Kalau *energy efficiency*, kecekapan penggunaan tenaga melalui PBT dan juga Jabatan Perancang dan Bandar, JPBD, kita telah menetapkan ataupun menggalakkan bangunan-bangunan yang ada *energy efficiency features*, mempunyai sedikit penambahan sebagai contohnya, penambahan *plot ratio* dan sebagainya sebagai satu galakan untuk pemaju-pemaju untuk mengadaptasikan *energy efficiency*.

Sebagai contoh juga, nombor 2, tenaga, *renewable energy*, Kerajaan Negeri Selangor juga telah mencari kawasan ataupun tapak tanah, di mana industri dan juga inisiatif untuk menjanakan *renewable energy*, tenaga yang diperbaharui seperti tenaga suria dan sebagainya, diberi keutamaan. Ketiganya, pengurusan sisa pepejal ini adalah satu sektor di mana dengan kerjasama PBT, EXCO PBT, kita telah menggalakkan beberapa inisiatif khasnya daripada *private sector*, pihak swasta untuk membuat *recovery facility* seperti yang di Kajang. Dan kita juga jangka pada masa yang terdekat, lebih banyak inisiatif swasta bersama *joint venture* dengan Kerajaan Negeri akan mengurangkan ataupun menambah baik lagi pengurusan sisa pepejal.

Jumlah emisi karbon yang dikurangkan, fakta ataupun *the numbers* yang diminta oleh Kajang, sebenarnya setakat ini, kita tidak ada data yang begitu *detail* kerana data-data yang berkenaan belum tersedia memandangkan pada ketika ini, Malaysia menerusi Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sedang menyediakan laporan Komunikasi Kebangsaan ke-3 ataupun *3rd National Communication* (NC3) kepada Sekretariat Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC).

**TUAN SPEAKER :** Masa pertanyaan sudah tamat. Saya tangguhkan sehingga, untuk urusan seterusnya.

### **III. RANG UNDANG-UNDANG**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan mesyuarat seterusnya, sambungan Rang Undang-Undang Perbekalan 2013-2012 semua peringkat.

**TUAN SPEAKER :** Dewan bersidang dalam Jawatankuasa.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B2 Pelbagai Perkhidmatan RM74,794,939.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Kg. Tunku, sebelum Kg. Tunku meneruskan perbahasan untuk Jadual B2, saya akan memperuntukkan waktu perbahasan sehingga pukul 1 untuk bahagian ini, melainkan keadaan memerlukan perubahan dan saya berikan setiap ADUN yang ambil bahagian 15 minit. Baik, silakan Kg. Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih Tuan Pengerusi, Kg. Tunku ingin merujuk kepada Vot B02 Pelbagai Perkhidmatan Butiran 505000 Kod 4200, Pembelian Dalam Negeri muka surat 244 dan saya ingin merujuk kepada perkara yang ketiga iaitu Lembaga Urus Air Selangor (LUAS). Ini yang pertama. Dalam buku ini telah diperuntukkan bahawa LUAS akan diperuntukkan sebanyak RM3.6 juta untuk menjalankan aktiviti-aktivitinya dan saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri kalau kita masih ingat beberapa tahun yang lalu, saya tak pasti sama ada ia masih berjalan sekarang, LUAS pernah menjalankan kempen secara besar-besaran untuk

mengurangkan pencemaran air sungai melalui perkitaran semula minyak masak dan program ini dijalankan hampir di seluruh Negeri Selangor, di PBT, di rumah pangsa, di pasar pagi, di pasar malam, di pasar tani dan sebagainya. Saya lihat ini sebagai satu usaha yang sangat-sangat penting untuk pengurangan pencemaran sungai kerana kalau kita lihat salah satu punca utama terhadap pencemaran sungai ialah orang ramai bermiaga pengusaha makanan membuang minyak masak ini secara sewenang-wenangnya ke dalam longkang, ke dalam sungai dan ini menyebabkan pencemaran. Hakikatnya, minyak masak yang terpakai ini mempunyai nilai-nilai komersialnya. Salah satu ialah, ia boleh digunakan untuk menghasilkan *bio-fuel*, *bio-diesel* dan sebagainya. Saya berjumpa dengan seorang pembekal ataupun pengusaha yang mendakwa beliau mempunyai teknologi sehingga mereka boleh menghasilkan *bio-fuel*, bukan *bio-diesel*, *bio-fuel*, 100% daripada minyak masak ini. Masalah utama yang mereka hadapi ialah kekurangan, apa ni, kos dan juga *bio-fuel* yang dihasilkan oleh mereka dijualkan dengan harga yang lebih tinggi daripada bahan api yang lain. Jadi saya ingin bertanya, apakah perancangan kerajaan dari segi perangkaan untuk memastikan perkara ini dapat diterajui dan dipelopori oleh LUAS khususnya dari aspek pengurangan pencemaran air sungai.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Terima kasih Kg. Tunku. Memang Lembaga Urus Air Selangor telah adakan program kitar semula minyak masak dan ini merupakan satu program yang boleh dikatakan sangat popular khasnya di kalangan penduduk pangaspuri, apartmen dan sebagainya. Apa yang dimaklumkan oleh Lembaga Urus Air Selangor dan juga pengusaha-pengusaha yang mengutip minyak masak yang boleh dikitar semula itu adalah sebenarnya kuantum, ataupun kuantitinya setakat ini belum sampai ke tahap *critical mass* di mana harga *bio-fuel* itu boleh dikurangkan. Maksudnya, apa yang kita kutip hari ini, sampai hari ini memang tak cukup untuk sampai *critical mass* itu. Jadi program ini harus, bukan sahaja dijalankan mungkin setakat ini secara sukarela, *it is on a volunteer basis*. Tapi, saya juga ingin bekerjasama dengan EXCO PBT untuk memastikan bahawa kutipan minyak masak yang digunakan itu menjadi satu peraturan yang, ataupun *by-law* di peringkat Kerajaan Tempatan. Di mana semua kedai, semua rumah dan sebagainya mereka mesti kitar semula minyak masak mereka supaya *the critical mass can be sent to the facility to be recovered or to be recycled*.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Sebenarnya, salah satu punca ialah pengusaha-pengusaha makanan ini, mereka lebih rela menjual minyak masak terpakai mereka kepada pengusaha yang menawarkan harga yang lebih tinggi. Dan mereka menggunakan sebahagian daripada minyak masak ini untuk tujuan-tujuan yang lain dan ada juga kekhawatiran daripada penduduk ataupun masyarakat umum bahawa minyak masak ini mungkin akan digunakan sebagai bahan memproses minyak masak semula. Maksudnya, ia digunakan untuk dijadikan minyak masak yang berkualiti rendah. Dan

ini memudaratkan kesihatan penduduk. Jadi, saya ingin bercadang, dan saya ingin bertanya adakah kerajaan bersedia untuk merangkakan, menetapkan ataupun membawa satu enakmen untuk mengawal perkara ini dan memastikan semua minyak masak terpakai di Negeri Selangor, ia perlu diproses seperti apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Terima kasih Kg. Tunku. Setakat ini kita sedang merangka satu peraturan ataupun, *not* peraturan, maaf *guidelines*. Di mana minyak masak yang dikutip itu akhirnya akan sampai ke *facility* untuk dikitar semula menjadi *bio-fuel* bukan dikitar semula seperti yang ada beberapa tuduhan ataupun dakwaan bahawa menjadi minyak masak. Juga untuk makluman dewan yang mulia ini, untuk mengawal minyak masak supaya ia tidak dikitar semula menjadi minyak masak lagi, ada dakwaan, ada cerita, berita dan sebagainya, ini adalah di bawah kawalan kesihatan di Negeri Selangor. Jadi, mereka memang ada pergi pelbagai pasar raya, *supermarket* dan sebagainya untuk membuat ujian ataupun kajian atas minyak yang disyaki bahawa ia didapati daripada sumber minyak masak yang dikitar semula. Walau bagaimanapun, saya rasa *guidelines* itu setakat ini memang menjadi satu panduan untuk sesiapa ataupun pihak swasta yang ingin mendapat *business* perniagaan melalui kutipan kitar semula minyak masak. Tentang harga dan sebagainya, dengan izin, *this is a free market* jadi sesiapa yang boleh tawar harga yang paling lumayan, saya rasa orang akan beri minyak masak mereka kepada pihak yang tersebut untuk dikitar semula.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Mungkinkah, saya ingin bertanya sebab isu ini sebenarnya juga melibatkan EXCO-EXCO yang lain. Mungkinkah institusi-institusi kajian dan pendidikan seperti UNISEL katakan menjalankan kajian untuk mengurangkan kos pemprosesannya kerana salah satu aspek ataupun *obstacle* yang menghalang pempopularan *bio-diesel* ini adalah kos pemprosesannya adalah terlalu tinggi dan kalau kerajaan negeri Selangor, kita dapat mempelopori bidang ini, kita dapat menjalankan kajian dan mengurangkan kos pemprosesannya dengan syarikat-syarikat swasta atau kajian-kajian ataupun institut-institut yang berminat ia akan mendatangkan kebaikan yang sangat besar kepada Kerajaan Negeri dan juga saya pasti akan mendapat keuntungan yang sangat besar kepada kerajaan negeri. Jadi, saya ingin bertanya, sama ada Kerajaan Negeri tahu ataupun akan menjalankan kajian yang menjurus ke arah ini?

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BIN ALI :** Ok, terima kasih kepada Kg. Tunku. Insya-Allah Universiti Selangor sekarang ini memang tengah menjuruskan kepada mempergiatkan lagi usaha-usaha R&D dan kerana kita sudah ada rangkaian, *networking*, jaringan antarabangsa dengan ITB Bandung, dan juga *Imperial College, Manchester University* dan sebagainya. Saya rasa ini usaha yang boleh kita jalankan

dan kita boleh angkatkan kepada kerajaan negeri dan Universiti Selangor nanti. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Tuan Pengurus, saya juga ingin merujuk kepada Butiran yang sama, kod 4200, Pembelian Dalam Negeri Perkara 13, Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) dan 14 Rantaian Mesra Sdn Bhd (RMSB) dan dalam buku bajet ini diperuntukkan RM1.5 juta kepada YAWAS dan juga RM800,000 untuk RMSB. Dan ingin saya menyentuh tentang satu program yang telah rancak dijalankan di Negeri Selangor iaitu program Jom *Shopping*. Jom *Shopping* ini telah dilancarkan pada tahun 2011 dan sekarang ia masih berjalan tapi saya ada dua ataupun ada satu pemerhatian yang saya ingin bangkitkan di sini ialah perkara yang pertama ialah tentang kuota. Yang telah dihadkan kepada setiap DUN iaitu 400 orang peserta setiap kali, setiap bulan. Saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri mengapa kita tidak pula membuka ataupun meningkatkan hak ataupun kuota ini daripada 400 kepada mungkin 600 ataupun 800. Memandangkan terdapat kawasan-kawasan DUN yang memerlukan bilangan penyertaan yang tinggi kerana sebabkan bilangan pendaftaran Skim Usia Emas yang tinggi. Dan kalau kita tetapkan kepada 400 ini, bagi DUN yang giat menjalankan aktiviti Jom *Shopping* dan menepati setiap syarat masukkan data dan sebagainya, tepat pada waktunya. Saya rasa ia wajar dibuka kepada, dipertingkatkan kuota atau had ini. Jadi, saya ingin bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Dato' Pengurus, Kampung Tunku membangkitkan tentang bagaimana proses penyelenggaraan *Jom Shopping* yang berasaskan kepada satu *database*, kita panggil *database*. Dari *database* yang kita ada terdapat lebih daripada 190,000 warga emas yang dalam rekod kita, itu yang ada. Kedua daripada *Jom Shopping* jumlah yang kita sasarkan ialah 10 juta bererti kalau RM100 satu peserta dia ada 100,000 jadi maknanya kita ada 100,000 yang kita akan berikan dalam satu kumpulan 190,000 jadi oleh sebab itu rekod-rekod kita mesti dikemas kini kalau kita tidak kemas kini kita tidak akan dapat memberikan nama daripada data yang 190,000. Sudah tentulah ada peserta-peserta yang tidak ingin menyertai *Jom Shopping* oleh kerana keadaan pendapatan mereka yang tinggi dan juga mereka tak ada masa.

Kedua, kita untuk supaya dalam *target* kita ialah kita mesti sampai ke *targeted person* bukan orang lain itu sebab kita minta DUN-DUN mengemaskinikan rekod setelah terdapatnya apa yang dipanggil mereka menyertainya. Maknanya kita adakan rekod jadi kalau 100 pergi dia kemaskinikan rekod sebab kita ada *database* 190,000 dan dia kemaskinikan rekod mengatakan dalam nama yang 190,000 seratus ini sudah menyertainya jadi tidak payah tidak ada kemungkinan dia boleh masuk dua kali atau tiga kali sebab kita dah ada rekod tersebut. Tapi malangnya saya dapati *the discipline* untuk mengemas kini rekod itu ada kalanya tidak berlaku disiplin maknanya tidak berlaku oleh sebab itu kita dapat ada kalanya DUN penyelaras Pusat Khidmat DUN tidak dapat melakukannya oleh kerana boleh jadi terlalu banyak tugas dan seterusnya.

Jadi lewat tentang angka itu dapat diperbetulkan. Jadi kalau kita taruh 700 lagi banyak lagi besar angkanya. Jadi itu sebab kita galakkan ada yang setengah itu boleh buat sampai 400 tapi ada yang setengah 100 pun tidak boleh di *consult* jadi jawapan saya akan habiskan peruntukan RM110 juta hadiah dari Semesta tapi kita akan duduk bersama-sama untuk tahun depan, bagaimana kita nak membelanjakan dengan cara yang lebih *interactive* jadi kalau tidak ke kadang tertunggu jadi *bottom line* kita ialah semua yang dalam *database* 190,000 itu dapat kesempatan untuk menyertainya tapi ada kalanya angka-angka nama-nama baru akan timbul hasil daripada mereka sekarang baru berminat untuk mendaftar menjadi warga emas itu beberapa usaha apa yang dipanggil pentadbiran yang perlu kita kemas kini.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Adalah baik kalau kita memberi ganjaran..

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat, masa sudah sampai. Taman Medan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih.

**Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BT. MOHAMED TALHA :** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BT. MOHAMED TALHA :** Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada Taman Medan membangkitkan beberapa perkara bawah Vot B02 Berbagai Perkhidmatan Butiran 55000 Kod 42000 Pemberian Dalam Negeri; No.1 Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor. Taman Medan ingin mengucapkan terima kasih kepada PPAS kerana telah membuka satu perpustakaan kecil di dalam DUN Taman Medan hanya buat masa sekarang perpustakaan tersebut mempunyai seorang kakitangan sahaja dan ini telah menimbulkan banyak masalah sekiranya kakitangan tersebut mengambil cuti kerana sakit kerana tiada pengganti dan oleh kerana perpustakaan ini merupakan tumpuan bagi anak-anak di sekitar kawasan PJS 1 dan juga PJS 2 yang ramai penduduknya saya ingin memohon supaya PPAS satu menambah bilangan kakitangan dan yang kedua menambah bahan bacaan yang didapati sangat berkurangan setelah dimulai atau dibuka pada tahun 2010. Saya mohon jawapan daripada EXCO bertanggungjawab. Tiada?

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** Terima kasih Kampung Tunku, memang ada.

**Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BT. MOHAMED TALHA :** Taman Medan.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** Taman Medan sorry. Memang ada masalah kalau seorang sahaja yang jaga *library* itu so kita akan bangkitkan perkara ini di dalam mesyuarat pendidikan di tanggungjawab oleh Y.B. Selat Klang dan pasukan tindakan akan buat sesuatu.

**Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BT. MOHAMED TALHA :** Saya minta tindakan ini disegerakan kerana perkara ini telah berlarutan selama lebih satu tahun. Yang keduanya Taman Medan ingin bangkit perkara di bawah Tajuk 4 : Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor berkaitan dengan program ceria yang dijalankan oleh LPHS, di mana permohonan daripada flat-flat kos rendah khususnya daripada Desa Perangsang juga Flat Medan Jaya, permohonan untuk membaiki tangki air yang bocor yang dialami oleh kedua-dua flat kos rendah ini. Bekalan air telah dipotong oleh pihak SYABAS disebabkan bil air yang tertunggak yang begitu tinggi akibat daripada kebocoran yang berlaku. Jadi sehingga sekarang tindakan belum diambil dan ini telah menyebabkan kesukaran ataupun masalah ke atas penduduk berkaitan kerana terpaksa mengambil air daripada tangki yang disediakan oleh pihak MBPJ dan mereka terpaksa naik sehingga ke tingkat 15 menggunakan lif yang agak daif disebabkan penggunaan yang melebihi had jadi saya mohon tindakan segera ke atas perkara tersebut. Yang kedua mengenai program ceria juga tetapi mengecat semula bangunan-bangunan flat kos rendah yang telah pun membuat permohonan tetapi belum dilaksanakan sehingga ke hari ini. Saya ingin menamakan flat-flat tersebut adalah Petaling Utama Blok C dan D dan juga Flat Desa Perangsang A dan B. Saya mohon penjelasan daripada pihak Kerajaan.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI :** Jawab soalan Taman Medan tadi berkaitan air dan ceria biasanya pihak EXCO cuba sedaya upaya untuk bantu menyelesaikan masalah ini cuma keutamaan-keutamaan saya dapat memang seluruh Selangor agak luas jadi banyak ADUN-ADUN yang minta dan jadi banyak keutamaan lain kita buat tapi kalau dia betul-betul kritikal saya rasa Pejabat EXCO akan pastikan bahawa ianya dibuat dan Taman Medan boleh *follow up* dengan EXCO berkaitan dan pastikan ia dibuat segera.

**Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BT. MOHAMED TALHA :** Saya agak tidak puas hati dengan jawapan yang diberikan kerana saya dapat kerja-kerja yang diagihkan ataupun yang perlu dilakukan itu terpaksa dipikul oleh beberapa kontraktor jadi kontraktor-kontraktor tersebut terbeban dengan kerja-kerja yang banyak. Saya menyarankan supaya kerajaan melantik kontraktor tambahan bagi mengambil beban tugas yang terpaksa mereka pikul bagi melaksanakan program ceria itu. Saya tak perlu jawapan itu saya hanya maklumkan. Saya ingin terus kepada projek di perkara di bawah pejabat *Office of Selangor Economic Advisor* no.9 berkaitan dengan satu program *Urban Regeneration* dengan izin di mana ia telah dilancarkan oleh Penasihat Ekonomi Selangor pada tahun 2011 saya dapat projek ini telah terhenti perlaksanaannya dan saya ingin tahu apakan status pada hari ini sama ada ia akan diteruskan atau dibatalkan. Jawapan daripada pihak kerajaan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih. Kita dapat *Urban Regeneration* adalah satu tugas yang akan dibuat oleh Perancangan Negeri jadi kalau *Urban*

*Regeneration* itu dibuat melalui Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri maknanya ia dibuat tidak ada *follow up*. *Urban Regeneration* adalah satu usaha untuk membangunkan semula seperti bandaran di Petaling Jaya dan seterusnya. Jadi apa yang berlaku ialah Pejabat Penasihat Ekonomi membuat suatu penggalakan supaya adanya pembangunan di Negeri Selangor termasuk *Urban Regeneration* dan usaha itu *follow up* itu akan dibuat melalui Perancangan Bandar dan Desa.

**Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BT. MOHAMED TALHA :** Buat makluman pihak Kerajaan pelan ataupun cadangan penaiktarafan dalam projek *Urban Regeneration* itu telah pun dipamerkan kepada penduduk Medan Maju Jaya dan ini telah memberikan mereka harapan melihat kawasan persekitaran flat kos rendah mereka itu dibangunkan jadi saya harap Kerajaan tidak apa itu mengecewakan penduduk di kawasan flat kos rendah tersebut kerana mereka telah tunggu dengan penuh sabar lebih kurang 10 tahun apabila cadangan untuk membangun semula kawasan tersebut maka ini telah memberikan mereka satu harapan baru jadi saya mohon untuk diteruskan projek tersebut.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Dato' Pengurus satu perkara yang jelas iaitu ada kalanya *Urban Regeneration* ini dibuat secara sosial oleh beberapa pengusaha-pengusaha untuk menunjukkan kalau dia dapat buat dilakukan dengan cara begitu tapi kita mesti mengambil pengalaman yang banyak kerana terdapat projek-projek terbengkalai hasil daripada *Urban Regeneration* kerana pemaju-pemaju yang buat itu bukan bertujuan penjualan secara sosial tetapi ada keuntungan di sebalik usaha tersebut dan bila mereka tidak dapat keuntungan yang dijangkakan mereka akan hentikan projek tersebut itulah sebabnya saya telah minta perkara-perkara ini diteliti semula oleh perancang sebab akhirnya yang akan menentukan kejayaan itu ialah sama ada pihak Perancang Negeri dan juga pihak PBT bukan di buat secara penswastaan ataupun cara yang mana dibiarkan supaya terdapat perkongsian keuntungan antara pemaju dengan pemilik-pemilik apa yang dipanggil pangsapuri tersebut. Saya dapati perkara itu terlalu apa yang dipanggil dengan izin dalam Bahasa Inggeris terlalu *loose the arrangement is not clear*, itulah sebabnya saya telah berusaha untuk memperuntukkan macam lima puluh juta ini untuk kita benar-benar kaji supaya masalah kewangan itu tidak timbul.

**Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Saya mohon nanti pihak Kerajaan akan melantik pihak yang bertanggungjawab untuk meneruskan projek tersebut. Seterusnya saya ingin membangkitkan perkara bawah Pemberian Dalam Negeri nombor 12, Majlis Sukan Negeri Selangor. Taman Medan telah mengambil inisiatif untuk membentuk atau pun menubuhkan satu kelab yang fungsinya adalah berbentuk akademi bola sepak bertujuan melatih belia-belia untuk mahir di dalam permainan bola sepak itu. Yang keduanya ialah untuk memanfaatkan kemahiran atau pun bakat yang sedia ada dalam para belia kepada suatu yang bermakna. Kini Taman

Medan telah pun bekerjasama dengan sebuah kelab bola sepak yang berdaftar dan telah pun menubuh kelab yang baru bagi melaksanakan projek akademi bola sepak ini dan telah mengatur satu kursus *coach the coaches* dengan izin, untuk melatih para belia tempatan menjadi *coach* dan seterusnya dapat melatih belia-belia tempatan juga mendapat pendapatan tambahan atas usaha melatih kelab-kelab bola sepak yang ada di dalam Negeri Selangor dan seterusnya akan menjalani latihan dan setakat ini telah pun meneruskan latihan mingguan bagi ahli-ahli di dalam kelab yang baru ditubuhkan tersebut.

Taman Medan ingin bertanya, adakah usaha ini mendapat sokongan daripada Kerajaan kerana memandangkan tujuan atau pun usaha untuk menubuhkan tabungan pemain-pemain bola sepak ini akan menelan belanja yang besar. Namun ini adalah satu usaha jangka panjang bagi melahirkan pemain-pemain yang berkaliber bagi mewakili Negeri Selangor. Saya mohon jawapan daripada pihak kerajaan.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih, Taman Medan. Kerajaan Negeri sangat mengalu-alukan di atas usaha Taman Medan untuk mengadakan persatuan, akademi bola sepak atau pun NGO yang tujuannya untuk melahirkan lebih ramai lagi pemain-pemain yang baik di dalam permainan bola sepak ini. Walau bagaimanapun, peruntukan yang kita ada yang kita salurkan kepada Majlis Sukan Negeri Selangor adalah peruntukan untuk pembangunan dan juga pengurusan. Sebahagian besar daripada peruntukan yang kita gunakan untuk pembangunan ini adalah tujuan untuk membangunkan sukan-sukan yang telah dipelopori atau pun dilakukan oleh persatuan-persatuan sukan yang bersifat gabungan kepada Majlis Sukan Negeri Selangor. Walaupun begitu, di bawah portfolio Belia dan Sukan sendiri, walaupun kita mempunyai peruntukan, kita sangat-sangat mengalu-alukan program-program seperti ini tetapi sehingga kini di peringkat Negeri Selangor, pembangunan bola sepak sendiri itu atau pun pembangunan-pembangunan akademi bola sepak yang ada di Negeri Selangor ini dilakukan oleh sebahagian besarnya oleh GLC-GLC dan orang-orang perseorangan yang tidak mendapat sumbangan terus daripada Kerajaan Negeri. Seperti mana yang saya katakan tadi, di bawah portfolio Belia dan Sukan, kita mempunyai peruntukan untuk kita bantu sedikit sebanyak kepada NGO-NGO terutama NGO-NGO belia sama ada yang terlibat di dalam program-program belia, sukarelawan atau pun sukan tetapi untuk makluman Taman Medan bahawa peruntukannya adalah terlalu sedikit yang saya kira banyak sebenarnya permohonan-permohonan daripada NGO-NGO kepada saya. Contohnya akademi bola sepak itu sendiri daripada pelbagai persatuan. Walau bagaimanapun, kita hanya sekadar boleh membantu sedikit sumbangan kepada persatuan tersebut. Saya mengharapkan akademi-akademi seperti ini boleh mendapatkan sumbangan-sumbangan atau pun sponsor daripada GLC-GLC atau pun mereka-mereka atau pun syarikat yang berkemampuan untuk membantu dengan lebih daripada itu. Walau bagaimanapun, saya ucapkan terima kasih di atas

usaha bersama-sama untuk memajukan sukan bola sepak di negeri Selangor itu sendiri. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Setakat itu sahaja Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Ya.

**Y.B. PUAN LEE YING HA :** Tuan Speaker?

**TUAN SPEAKER:** Bangi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih, Tuan Pengurus. Bangi berdiri untuk bercakap tentang Vot B02, Butiran 505000, Pecahan Pemberian Dalam Negeri yang ke - 2, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor. Bangi berpendapat selama ini nampaknya polisi kita untuk berhubung dengan PADAT seolah-olah kita selepas menyerahkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kepada Kerajaan Persekutuan pada pertengahan 1970-an. Seolah-olah sejarah kita terputus hanya selepas daripada penyerahan itu sahaja pada sejarah Selangor. Pada hal banyak perkara yang berhubung dengan sejarah warisan yang berhubung dengan Selangor adalah berhubung dengan Kuala Lumpur. Kita sebenarnya tidak nak berbalah dengan Kerajaan Persekutuan atau pun Wilayah tetapi seharusnya kita mengambil polisi terutama daripada segi PADAT lah. Mengambil polisi bahawa sejarah Selangor dan sejarah Kuala Lumpur itu adalah merupakan sejarah yang sama dan Selangor berhak dari segi mendapat maklumat dan mendakwa segala apa yang berhubung dengan warisan, kebudayaan, peradaban dan tamadun yang berlaku di Kuala Lumpur itu adalah sebahagian daripada sejarah, warisan, peradaban dan tamadun Negeri Selangor sendiri kecuali kalau perkara-perkara itu yang berlaku atau pun wujud selepas Wilayah Persekutuan ditubuhkan. Umpamanya *Twin Tower*, maaf dengan izin itu adalah lahir pada zaman Kuala Lumpur sudah diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan. Sebab itu kita berharap macam ada kerjasama antara kerajaan negeri Selangor dengan Kerajaan Persekutuan dari segi persejarian dan warisan berhubung dengan Kuala Lumpur kerana kalau kita lihat sebahagian besar daripada warisan sejarah dan peradaban serta tamadun Selangor banyak berlaku di Kuala Lumpur yang diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan. So, kalau kita putuskan ertiapa yang nak dibicarakan oleh umpamanya muzium dan PADAT hanya selepas daripada penyerahan Kuala Lumpur dan kita tidak boleh sentuh apa yang berlaku sebelum daripadanya. Pada hal dia di bawah Kerajaan Negeri Selangor sebelum penyerahan Kuala Lumpur. Sebab itu kerjasama hendaklah kita lakukan antara kerajaan Selangor dengan Kerajaan Persekutuan memutuskan hak Selangor terhadap warisan sejarah. Misalnya kita boleh lihat hampir semua bidang. Ertinya kita tidak boleh pisahkan dari segi sejarahnya.

Sejarah Selangor, sejarah Kuala Lumpur adalah sejarah Selangor adalah sebahagian daripada sejarah Kuala Lumpur. Sebab itu kita berhak mendakwa atau menulis umpamanya dari segi persejarahan itu sendiri bahawa Kuala Lumpur adalah hak dari segi sejarah bagi Selangor walaupun dari segi fizikal dan lain-lain mungkin sekarang terletak di bawah Kerajaan Persekutuan. Begitu juga, umpamanya ia melibatkan semua bidang. Umpamanya kita kata dari segi pemerintahan. Kita tak boleh nak pisah pemerintahan negeri Selangor adalah sebahagian daripada Kuala Lumpur dan Kuala Lumpur adalah sebahagian daripada Negeri Selangor. Bahkan ertinya pemerintahan negara Malaysia berindukkan pemerintahan Kuala Lumpur ini dan ia adalah menjadi satu kemegahan bagi negeri Selangor. So, kalau kita pisahkan, kita mengalami ketempangan dari segi sejarah dan juga peradaban bagi Negeri Selangor. Seperti juga umpamanya dari segi pentadbiran, pemerintahan dan pentadbiran saya dah sebut dulu tentang umpamanya Kompleks Sultan Abdul Samad. Itu adalah hak Selangor, 100% sepatusnya. Hak kita dan kita mesti menganggap ia sebagai apa yang terhasil di Negeri Selangor dan warisan Selangor. Kalau pun berada daripada fizikal tidak dari segi roh dan sejarah dan maknanya itu adalah hak Selangor. Bukan hak Kerajaan Pusat atau pun Wilayah Persekutuan.

Politik juga ertinya berkembang daripada Selangor dan juga daripada sebenarnya lebih banyak di Kuala Lumpur itu. So, sejarah politik di Kuala Lumpur adalah juga sejarah politik di Selangor kecuali selepas daripada perkembangan politik baru iaitu Kuala Lumpur itu menjadi Wilayah Persekutuan. Begitu juga umpamanya dari segi ekonomi. Saya ingat kalau kita pisahkan ekonomi, ertinya Selangor bangkit menjadi sebuah negeri maju yang menjadi pusat pemerintahan sebenarnya hasil daripada perkembangan ekonomi di Kuala Lumpur itu sendiri khususnya dari segi misalannya timah, bijih timah dan juga hasil daripada kemajuan berbagai-bagai bidang di Kuala Lumpur itu pada masa Kuala Lumpur berada di bawah Negeri Selangor sendiri termasuk dalam bidang pendidikan umpamanya kita tidak boleh pisahkan. Kalau kita pisah umpamanya sejarah pendidikan Selangor terhad ertinya selepas daripada itu kita tidak ada warisan yang ketara dari segi yang kita hendak hidup atau pun kaji dan sebagainya. Begitu juga dari segi umpamanya kita perlu juga selain daripada sejarah-sejarah yang telah disebutkan. Warisan yang paling penting umpamanya Kampung Baru itu adalah sejarah utama bagi Negeri Selangor. Maknanya Kampung Baru sebagai induk asal bagi perkembangan Negeri Selangor dan banyak bahan-bahan warisan yang masih berterusan ada di situ sebenarnya adalah warisan bagi negeri Selangor. So, ertinya kita mesti menganggap sebahagian Kampung Baru itu adalah warisan negeri Selangor. Bahkan sebenarnya boleh berterusan. Kita boleh kaji umpamanya dari segi ilmiah, bahasanya, dari segi etniknya dari segi perkembangan kependudukan dan sebagainya berasaskan kepada Kampung Baru. Sebab itu kita mesti bukan kita nak berlawan atau berbalah dengan Persekutuan sebagai saya katakan atau pun Kerajaan Persekutuan atau pun Wilayah Persekutuan tetapi kita mesti

bekerjasama dengan kedua-dua pihak ini, tiga (3) pihak Selangor. Umpamanya kerjasama untuk mengkaji dari segi sejarah, kerjasama untuk mengekskavasi bahan-bahan yang mungkin ada di perut bumi bukan sahaja di perut ertinya di Wilayah Persekutuan itu sendiri, Kuala Lumpur yang boleh kita gunakan manfaat bersama antara Selangor dan juga Kerajaan Persekutuan, Wilayah Persekutuan itu sendiri. Begitu juga kita perlu umpamanya melihat kerjasama dari segi, bahkan kalau kita lihat Muzium Negara itu sendiri sebenarnya Muzium Selangor yang asalnya Muzium Negeri Selangor adalah berada pada tapak Muzium Negara itu sendiri. Tetapi dalam perang dunia ia telah dimusnahkan oleh kerana kena bom Jepun, bom dan rosak. So terpaksa dibangun balik dengan bangunan sekarang tetapi ertinya sejarah itu adalah sejarah muzium negeri Selangor sendiri. So, ertinya kalau kita pisahkan kita sebenarnya hanya tengok muzium ini sebenarnya kita mempunyai asas muzium yang asal bagi negeri Selangor dan juga Persekutuan itu sendiri.

Selain daripada itu, bahan-bahan yang ada yang menjadi bahan muzium, warisan dan sebagainya. Kita kena kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan terutama umpamanya dari segi warisan, pelancongan. Kita kena buat baik dengan Kementerian Pelancongan dan menjadikan bahagian-bahagian yang ada daya tarikan pelancongan di Selangor ini kerjasama dengan Bahagian Pelancongan, Persekutuan. Tunjuk tempat-tempat yang menarik misalannya Shah Alam ini sendiri sebagai bandar maju, yang teratur, hijau dan sebagainya untuk menarik pelancong-pelancong datang ke sini. Mereka tidak melewati, meninggalkan dari segi melawat Selangor khususnya di Shah Alam dan sebagainya. Begitu juga kita perlu juga bekerjasama dengan Arkib Negara itu sendiri.

Arkib Negara itu juga adalah Arkib bagi Kerajaan Negeri Selangor yang asalnya di tubuh di dalam negeri Selangor. Maklumat-maklumat sebagaimana difahami, maklumat-maklumat pentadbiran, penulisan yang terawal, catatan fail adalah fail-fail dari segi pemerintahan Negeri Selangor, negeri lain tidak ada yang disimpan. So, sekarang simpanan di situ hak Selangor kalau kita kira lahir maklumat-maklumat tapi bukanlah kita nak tarik balik nak minta dia suruh hantar, tapi mesti ada kerjasama, dia tolong simpan itu pun bagus, seperti maklumat-maklumat pentadbiran dan sebagainya ada di apa dia ini di Arkib dan termasuk di bawah apa dia ini Wilayah Persekutuan. So, apa dia ini Bangi mengesyorkan sebagai Pengurus PADAT mengesyorkan kita mengambil polisi bahawa segala sejarah yang berlaku di Kuala Lumpur apa dia ini Putrajaya itu dia baru memang masa apa dia ini Kerajaan Wilayah, Kerajaan Persekutuanlah mungkin tak banyak kita nak mendakwa, kalau boleh kita dakwa pun masa perang besar, itu pun pokok-pokok getah tak banyak sangatlah kita nak dakwa. Tapi Kuala Lumpur ini sesuatu yang besar yang kita tidak boleh abaikan. Selain daripada itu, daripada kita kerjasama dengan pihak Persekutuan antara kita sesama kita, maksudnya antara dikatakan bahagian apa dia ini PADAT dengan pelancongan dalam apa dia ini EXCO Pelancongan, kita saya ingat kita kurang kerjasama walaupun

kita dah adik-beradik duduk dekat macam tak ada hubungan antara pelancongan, antara kebudayaan, bidang kebudayaan banyak yang antara ialah maknanya bila kita bercakap ini kita menunjukkan kelemahan kita, sesama kita pun tidak ada kerjasama. Tapi kalau kita tak sebut kita tak jalankan kita senyap sahaja tidak berlaku. So, kita harap ertinya apa yang ada hubungan antara pelancongan, apa dia ini EXCO Pelancongan dengan EXCO Kebudayaan dengan EXCO Adat Resam Melayu apa dia ini Sukan dan Belia ada kerjasama antara keduanya. Kalau apa dia umpamanya pelancongan kita pun dia tak kenal apa umpamanya yang istimewa di Muzium Selangor dan juga adat warisan dan sebagainya tidak dapat di expose, diperkenalkan kepada pelancong-pelancong yang baru. So, ertinya seharusnya bukan kerjasama tetapi merangka pendekatan terbaik bagaimana kita boleh menarik apa dia ini masyarakat luar, luar dalam negeri atau luar daripada luar negeri supaya mereka dapat datang dan melihat keistimewaan-keistimewaan kita yang boleh menarik mereka. So, ini memerlukan sesuatu apa dia pendekatan yang baik yang kita boleh kerjasama. Terima kasih, tuan pengerusi.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Dato' Pengerusi, Kerajaan Negeri menerima baik pandangan pengerusi PADAT dan juga Ahli Dewan Negeri Bangi. Saya nak ingatkan perjanjian ini Negeri Selangor dengan pemberian Kuala Lumpur hanya selepas 1974. Sebelum itu, sudah tentulah dia merupakan sejarah Selangor. Satu daripada bangunan yang nyata milikan Negeri Selangor dan kawasan nyata milikan negeri Selangor di Kuala Lumpur ialah Kelab Sultan Sulaiman memang termaktub dalam perjanjian adalah milikan kerajaan negeri Selangor. Kalau PADAT nak buat kajian bagaimana nak membangunkan Kelab Sultan Sulaiman untuk menerima hakikat sejarah, di mana bermula kebangkitan kemerdekaan Malaysia semuanya itu boleh dilakukan. Saya rasa itu, kedua Kampung Baru, walaupun terdapat usaha-usaha pembangunan Kampung Baru tetapi ada juga ramai keluarga-keluarga Kampung Baru masih memerlukan beberapa pandangan Kerajaan Negeri, jadi itulah dan satu undang-undang yang masih dipertikaikan iaitu undang-undang *settlement act* yang mana masih sama ada dia terikat dengan Negeri Selangor atau tidak. Saya cadangkan PADAT melihat daripada perspektif sejarah dan daripada perspektif sosial. Tapi, yang jelas kita lihat Kampung Baru pembangunan Kampung Baru dengan pembangunan bersebelahannya termasuk *Twin Tower* adalah satu keadaan yang sangat besar dan berbeza. Jadi, bagaimana cara kita untuk membangun masyarakat Kampung Baru mengambil kira pembangunan yang begitu besar, terlalu berubah di kawasan tersebut. Jadi, ada beberapa perkara yang, tapi saya tidak melihat ada perbezaan di antara pemikiran ahli sejarah membezakan Selangor dan Wilayah dan seterusnya, dia memahami, sejarah ialah memahami keseluruhannya, jadi saya tidak kita lihat walaupun dari segi bajetnya ada bezanya, jadi itu sahaja, tapi daripada segi kajian dia mesti dikaji keseluruhannya. Walau bagaimanapun, PADAT kita kena belajar daripada bagaimana perjanjian kita dibuat untuk pembayaran pampasan, untuk Kuala Lumpur,

bagaimana perjanjian dibuat untuk Putrajaya. Apa yang kita boleh belajar daripada perjanjian tersebut. Bagaimana rakyat Selangor akan dapat kebaikan kalau kita belajar daripada sejarah perjanjian-perjanjian tersebut. Jadi, saya nampak kalau pengalaman kita betul-betul seperti kalau kita belajar daripada sejarah pemberian Hong Kong kepada British dia tidak sampai apa yang dipanggil sampai beralih bulan bintang. Perjanjian kita dengan Kuala Lumpur ialah perjanjian bulan bintang. Maknanya matahari terbit di barat. Jadi dia tertulis semacam itu, jadi PADAT kena belajar. Tapi di Hong Kong perjanjiannya hanyalah untuk 100 tahun. Lepas pada itu, dipulangkan balik kepada China. Jadi pengalaman itu. Jadi, saya hanya meminta PADAT mengambil inisiatif yang positif untuk memberitahu rakyat Selangor tentang pembangunan Selangor dan pembangunan Wilayah iaitu Bandar raya dan juga negara hasil daripada usaha yang dilakukan oleh Almarhum Sultan-Sultan kita.

**Y.B. PUAN LEE YING HA :** Tuan pengerusi.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Pelek.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH :** Terima kasih, Tuan pengerusi. Sungai Pelek ingin merujuk kepada Vot B02, Butiran Program 505000 Kod Projek 42000, Perkara 13, Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS). Laporan Ketua Audit Negara yang dikeluarkan baru-baru ini ada memperlihatkan banyak kelemahan dalam pentadbiran, khususnya Skim TAWAS yang dikendalikan oleh YAWAS. Boleh dikatakan tidak mencapai matlamat. Skim TAWAS yang diwujudkan untuk memberikan faedah kepada semua anak kelahiran Selangor, namun begitu skim dibuat tanpa perancangan yang rapi dan menyebabkan hasil negeri dibazirkan begitu sahaja tanpa dapat digunakan secara optimum. Peruntukan untuk TAWAS juga dilihat, digunakan secara tidak seimbang daripada RM13.5 juta peruntukan iaitu RM8.5 juta untuk TAWAS dan RM5 juta untuk pengurusan, hanya RM2.9 juta sahaja dibelanjakan untuk TAWAS sebaliknya RM4.9 juta dibelanjakan untuk pengurusan bagi pihak YAWAS. Pengendalian TAWAS ini yang dikendalikan oleh YAWAS 98 % daripada peruntukan RM5 juta tadi untuk pengurusan. Namun, hanya 30.44 % sahaja yang mendapat faedah daripadanya. Jadi, kenapa boleh berlakunya begini, saya ingin memohon penjelasan daripada pihak kerajaan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih, Dato' Pengerusi. Sungai Pelek bangkitkan tentang TAWAS. Saya, Sungai Pelek boleh belajar daripada pengalaman Amanah Saham Selangor. Boleh jadi Sungai Pelek belum pernah menjadi Ahli Dewan Negeri tersebut boleh bertanya pada rakan-rakan yang pernah mengendalikan Amanah Saham Selangor. Apa jadi pada dia dan itu. Kedua, Sungai Pelek juga mesti melihat bila saya dapati walaupun *auditor* negara ini berpengalaman tapi ada juga kelemahan dia dari segi pengalaman menilai tabung. Jadi pengalaman menilai tabung. Jadi, satu perkara yang Sungai Pelek cakap itu ialah pertama, adakah TAWAS ini tabung warisan

ini is a profitable venture, maknanya kalau saudara dapat pendapatan apa semua. Adakah TAWAS ini is a profitable venture ataupun tabung ini ialah this a saving mechanism, maknanya untuk menyimpan sahaja. Adakah TAWAS itu, tapi kalau Auditor General kita menganalisa cara macam itu dia mungkin tidak membuat keputusan-keputusan tersebut. Jadi, kita akan mengarang satu kertas kerja. Saya telah minta beberapa rakan daripada Accounting Firm untuk menerangkan analysis of tabung untuk Auditor General because for the future, because kita dapat penelitian Auditor General walaupun itu tidak, jadi tujuan tabung ini senang sahaja bukan apa, tidak tabung ini bukan nak buat macam business. Amanah Saham Selangor dulu dibuat secara business. Kerajaan Negeri membagi Amanah Saham Selangor berapa puluh juta untuk diuruskan dan Amanah Saham Selangor pergi melabur dalam saham-saham yang di pasaran saham selepas pelaburan dalam pasaran saham, didapati Amanah Saham Selangor nilainya walaupun melabur katakanlah RM1.00 tapi akhirnya nilainya tak sampai ada 0.20 sen ke 0.10 sen itu sahaja, negatif. Jadi pelajaran kita daripada, kita tak hendakkan orang yang mengurus Tabung Warisan Anak Selangor itu menjadi apa itu yang dipanggil pengurus dana, maksudnya dia masukkan duit dalam apa itu pasaran saham. Hanya menyimpan bagi pihak anak-anak yang didaftarkan dalam apa yang dipanggil dalam Tabung Warisan Anak Selangor. Bagaimana caranya bila dia lahir hanya yang kerajaan negeri dahulukan RM100.00. Bila dia lahir, dia dapat RM100.00 dan kita akan janjikan kepada mereka apabila dia sampai 18 tahun dia boleh dapat keluarkan RM1500.00 dari simpanan tersebut. Kita awal RM100.00. Untuk usaha ini kita buat kajian kita minta Actuaries buat kajian. Actuaries ialah pakar yang mengira berapa banyak mesti kita simpan balik ke dalam Tabung Warisan Anak Selangor itu supaya pada sampai masa birthday hari jadi 18 tahun itu dia akan dapat RM1500.00. Jadi itu, dan dari mana datang duit untuk itu. Jawapannya, salah satu daripada kerja yang kita lakukan kita simpan duit tersebut melalui reserve negeri, dengan reserve negeri bila masa yang sesuai kita masukkan ke dalam tabung tersebut. Itu tidak diterangkan oleh pegawai kita kepada Audit Negara. Jadi Audit Negara melihat ini duit dan apa hasilnya. Jadi itu sebab ada perbezaan pandangan jadi kita akan tulis nota tentang perkara ini supaya ini dapat dilakukan. Silakan.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH :** Terima kasih, cuma lagi satu pertanyaan yang ingin Sungai Pelek tanya di sini tuan pengerasi iaitu apa yang di dalam perbahasan yang dijawab oleh EXCO yang berkeraan mengatakan bahawa 80,000 lebih anak kelahiran Negeri Selangor berjaya didaftar sedangkan sejak wujudnya skim ini dalam mengikut laporan audit kelahiran anak Selangor lebih kurang 300,000 lebih, jadi hanya setakat 19.4 % sahaja yang berjaya daftar di dalam Skim TAWAS ini. Jadi bagaimana nasib 200,000 lebih anak kelahiran Selangor ini pada masa umurnya 18 tahun.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Saya yang menjawab itu, sebab saya berminat tentang Tabung Warisan Anak Selangor ini sebab saya ada sedikit pengalaman kerana

saya menerbitkan Tabung Amanah Saham Nasional dan Tabung Amanah Saham Bumiputera, saya ada sedikit pengalaman. Jawapannya saya lihat daripada data. Satu daripada perkara yang nampaknya kita belajar daripada sejarah, walaupun kita cuba untuk membangunkan rakyat Selangor tetapi kerjasama kita dari Kerajaan Persekutuan sangat tidak menggalakkan. Umpamanya, saya bagi contoh, nanti saya bagi contoh, dia ada 390,000 nama, kita minta senarai nama itu supaya kita dapat *contact* orang yang akan kita tawarkan. Ini prosesnya ialah penawaran bukan semua orang di *register* dipanggil penawaran. Kalau ibu bapanya setuju, dia boleh masuk ke dalam Tabung Warisan Anak Selangor bukan pemberian, ialah penawaran. Sebab daripada segi undang-undang kita tidak boleh, kena. Kedua, oleh kerana kita tidak ada angka tersebut, pegawai-pegawai kita duduk di tepi-tepi kawasan hospital, tunggu ada orang lahir dan pergi nak cari nama. Hospital sendiri pun tak berani nak bagi nama anak-anak itu, jadi kalau Sungai Pelek berminat, Sungai Pelek boleh cuba. Kita boleh minta Sungai Pelek untuk tolongan mana anak-anak yang lahir di Sungai Pelek yang tak didaftar kita boleh tolongan daftar dan Sungai Pelek akan mendapat pengalaman yang mana nama-nama itu tidak diberi dengan begitu sahaja. Ok.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih Yang Amat Berhormat. Saya memang pernah bantu Kerajaan Negeri untuk mendaftarkan anak kelahiran di Negeri Selangor di kawasan Sungai Pelek, tetapi yang saya rasa hairannya kenapa Kerajaan Negeri tak boleh mewujudkan satu mekanisme bekerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara. Apa yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat tadi, bahawa memang tak dapat kerjasama langsung? Ini bukan soal Kerajaan Negeri, ini adalah soal kebajikan anak-anak yang kelahiran di Negeri Selangor. Jadi kalau di bagi jawapan macam ni, rasa saya tak munasabahlah, Sungai Pelek untuk terimalah, tetapi bolehlah Kerajaan Negeri memberi jawapan yang begini. Jadi

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Nak jawab ke tidak, nak jawab ke tidak

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Nanti, nanti nak jawab dulu, ada jawapan, ada jawapan.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Ok

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Ok. Pertama saya ingin Pengerusi, saya ingin membetulkan apa yang Sungai Pelek sebut tadi, bahawa kononnya pendaftaran ataupun kelahiran Negeri Selangor yang dinyatakan oleh Audit Negeri Selangor sebanyak 313,706 orang itu kita hanya mensasarkan segelintir sahaja. Itu tidak benar kerana sebenarnya kelahiran itu tidak semestinya melambangkan jumlah anak-anak ataupun bilangan anak-anak yang layak yang dapat bantuan ini. Sebab itu saya nyatakan yang layak adalah 83,551 orang daripada jumlah permohonan, malah yang memohon pun melebihi apa yang telah dinyatakan iaitu 103,000, itu jawapan

saya. Bila dah layak ada yang kita tawarkan mereka tidak mahu terlibat, tak mahu terlibat kita tak ambil kira dalam, dalam apa ni, dalam, dalam program Tabung Warisan Anak Selangor. Tetapi tuduhan yang Sungai Pelek kata kita tidak dapat mewujudkan, satu, satu apa ni mekanisma bersama tu tidak benar. Beberapa kali kita telah hantar surat kepada Jabatan Pendaftaran Negara, kita usahakan sendiri berjumpa dengan pihak hospital, Pengarah hospital untuk membenarkan kita terus dapat akses kepada mereka yang lahir di negeri Selangor ini memberi borang-borang tersebut tidak dapat, kecuali kalau kami buat lawatan secara sesekelompok mungkin sekali dalam tiga bulan untuk kita sendiri mengedarkan borang-borang tersebut. Tetapi akhirnya di sudut kerjasama tidak dapat dibuat kepada dua kementerian ini iaitu Jabatan Pendaftaran Negara dan juga Kementerian Kesihatan itu sendiri. Jadi, di manakah patut, siapakah yang patut disalahkan sama ada Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan. Itu jawapan.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Tuan Pengerusi. Saya anggap beginilah, 200,000 lebih budak ini anak kelahiran Negeri Selangor tidak dapat didaftar apa yang disampaikan ini mungkin sebahagian besar daripada yang katakan tadi, yang, bagi jawapan tadi tak dapat kerjasama. Tetapi apabila saya menanya kepada ibu bapa yang anaknya baru lahir, mereka tak tahu nak pergi daftar. Ada tak ini satu kegagalan Kerajaan Negeri mengumumkan atau menjalankan tugas untuk mendaftarkan anak-anak kelahiran di Negeri Selangor ini.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Pengerusi, saya rasakan apa yang dinyatakan oleh Sungai Pelek ini satu, satu andaian beliau sahaja, satu itu tidak menandakan 103,000 yang telah mendaftar, hatta kita telah pun membuka pendaftaran secara *online* lagi, tak perlu pergi mana-mana pun pusat perkhidmatan, boleh pergi hantar secara *online* dan kita, pegawai kita daripada Tabung Warisan Anak Selangor akan pergi sendiri mendapatkan dokumen-dokumen tambahan seperti *Mykid* dan juga IC dari bapa, ibu bapa beliau. Kerana bagi kami kerajaan negeri Selangor berilah apa pun juga sekatan yang untuk kita dapat berjumpa dengan rakyat kita akan usahakan secara sendiri supaya rakyat boleh dapat bantuan daripada kerajaan dan insya-Allah kita akan mendahulukan rakyat tidak seperti Kerajaan Persekutuan.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Itu yang saya cakap

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Saya akan jawab lagi sikit untuk sebagai EXCO Kesihatan. Saya rawat semua hospital yang saya pergi.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Saya tanya

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Saya nak jawab *you*

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Saya tanya TAWAS sahaja.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Ini tentang TAWAS

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Saya tanya TAWAS sahaja

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Jawab tentang TAWAS sahaja. Saya dapat beritahu bahawa ada kakitangan hospital bahawa ada *directive* dari Kementerian Kesihatan yang diketuai oleh orang seorang MCA sebagai Menteri. Katakan borang-borang TAWAS tidak boleh disimpan di mana-mana hospital kerajaan untuk didaftarkan anak-anak baru yang lahir (Dewan bertepuk)

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Bagi, bagi surat hitam putih, jangan kata orang ini cakap ini kepada Yang Berhormat macam ini, jangan, tak ada bukti langsung tu,

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Boleh, boleh, kita dua-dua,

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Tak ada bukti langsung, tunjukkan surat arahan

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Dua-dua kita boleh lawat mana-mana hospital dan saya akan bawa.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Sekarang cakap ..

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Saya sebagai EXCO Kesihatan saya tahu, saya beritahu dengan *you*, jawab

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Kalau boleh buktikan dengan surat, hitam dan putih, jangan cakap mulut sahaja. Itu pun satu tuduhan, pakai mulut cakap sahaja, siapa pun boleh cakap, saya pun boleh cakap, sedangkan ada tak orang itu bagi tahu, kita pun tak tahu lagi langsung betul ke tidak ni. Dato' Pengerusi.

**TUAN SPEAKER:** Ya, masa sudah sampai.

**Y.B. PUAN LEE YING HA:** Tuan Pengerusi.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih.

**Y.B. PUAN LEE YING HA:** Tuan Pengerusi

**TUAN SPEAKER:** Teratai.

**Y.B. PUAN LEE YING HA:** Terima kasih. Teratai ingin membangkitkan Vot B02 Pelbagai Perkhidmatan, Butiran Program 505000, Kod Objektif 42000. No. 1, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS). Sejak tiga tahun yang lalu Teratai telah membangkitkan isu ini dan juga masuk banyak surat untuk memohon satu perpustakaan yang teratur atau pun yang sempurna Pusat Komuniti tetapi sampai hari

ini, saya nampak rakan-rakan saya di Lembah Jaya, di Chempaka semua pun dapat walaupun tidak mohon tetapi Teratai tidak dapat dengan saya dapat jawapan dari pihak EXCO yang mana tempat ini kerana mereka tidak ada Perpustakaan Desa jadi diberi *priority* itu ok saya setuju tetapi sudah lama diberi *priority* bagaimana dengan permohonan Teratai yang sudah lama tunggu lama belum dapat apa-apa pun. Salah satu perpustakaan yang desa yang amat, yang memang desa seluasnya sebagai satu bilik darjah adalah lokasi di kampung Cheras Baru yang mana papan tanda pun tak ada sampai hari ini. Jadi pun tak ramai orang tahu, bangunan itu terdiri, apa, dibina di dalam lingkungan masjid, jadi orang awam yang bukan Islam amat, engganlah nak masuk di dalam perpustakaan yang desa ini sebab mereka menganggap ini tempat adalah untuk orang Islam. Itu, itu adalah satu anggapan walau pun kita boleh beritahu semua orang boleh, orang awam boleh masuk tetapi ini mereka enggan jugalah sebab itu percanggahan dengan agama mereka. Jadi saya berharap satu, dan ingin bertanya EXCO bilakah dan bagaimanakah Teratai boleh berjaya untuk memohon satu pusat komuniti bersama dengan perpustakaan.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih kepada Teratai yang masih terus berjuang untuk mendapatkan perpustakaan baru di Teratai. Untuk makluman Teratai di Lembah Jaya dan Chempaka ianya bukan satu bangunan baru yang kita buat tetapi kita menggunakan bangunan yang sudah ada dan kita ubahsuai untuk menjadi perpustakaan. Yang disebutkan perpustakaan desa ini biasanya adalah satu perpustakaan di bawah PNM Negara di bawah Persekutuan yang disebutkan di dalam kawasan masjid dan sebagainya. Apa pun oleh kerana kita, kita telah memprioritikan Teratai pun tahu di mana kita selama ini kita menumpukan satu perpustakaan peringkat negeri di Seksyen 13 yang telah menjadi sebutan dan ikon terbaru di Negeri Selangor ini maka penjimatan yang kita gunakan supaya yang diutamakan dahulu inilah dia perpustakaan di Seksyen 13 ini. Dan perpustakaan, jangan apa, jangan putus asa Teratai, insya-Allah akan lihat bagaimana kita boleh membantu, kita masih ada geran Selangorku untuk membantu, insya-Allah.

**Y.B. PUAN LEE YING HA:** Tuan Pengurus, sebenarnya kita sudah buat lawatan dua kali untuk mengubahsuai dua dewan. Salah satu dewan dianggap untuk dijadikan perpustakaan dan surat-surat pun sudah ditulis, pihak EXCO juga tuju surat kepada badan yang berkenaan tetapi langsung tak ada jawapan. Surat yang, jawapan kepada Teratai pun tidak dapatlah.

**TUAN SPEAKER :** Bagilah jawapan, tolak-tolaklah, baru dia puas hati.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Ok, seperti yang disebutkan oleh Teratai tadi, jadi saya selaku EXCO Pendidikan pun telah memberi kepada perpustakaan ya, begitu Teratai ya, nanti saya akan lihat balik kenapa ia tidak berlaku.

**Y.B. PUAN LEE YING HA:** Tuan Pengurus, yang, isu kedua saya ingin membangkit adalah Vot, bukan Kod 42000 nombor 12 – Majlis Sukan Negeri Selangor. Saya didapati bahawa kerajaan dalam beberapa tahun yang lalu sudah banyak menumpu perhatian dalam futsal, pertandingan futsal dan juga mencungkil bakat-bakat dari pemain futsal tetapi saya juga berharap pihak EXCO juga memandangkan sport, apa ni, atlit yang berlainan, contohnya bola keranjang atau pingpong yang mana, pertandingan mereka tidak ada satu sistem seperti futsal dan juga dia ada gelanggang yang latihan yang *standard* dengan izin *standard* latihan pusat latihan untuk mereka. Jadi ada ramai pemain-pemain pernah jumpa saya dan memohon supaya ada satu tempat latihan yang boleh membenarkan mereka mencungkil bakat-bakat dan juga ada pertandingan yang sistematik seperti Jelajah Futsal Selangor yang kita diadakan sebelum ini. Boleh EXCO memberi pandangan Teratai isu ini?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Teratai. Untuk makluman bahawa peruntukan di bawah Majlis Sukan Negeri Selangor untuk pembangunan, tujuan pembangunan sukan adalah yang mana kita biayai kepada Persatuan-persatuan Gabungan dengan Majlis Sukan Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, di bawah peruntukan Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan terutamanya apabila kita mempunyai Geran Selangorku kita gunakan peruntukan sejumlah RM30 juta yang diuntukkan itu untuk membangunkan sebuah gelanggang serba guna dan dataran anak muda yang mana kita merancangkan akan ada setiap DUN satu buah pembinaan tersebut di mana sebenarnya gelanggang serba guna ini boleh digunakan untuk tujuan gelanggang bola keranjang dan ini mengikut kepada kesesuaian atau pun permintaan kepada DUN-DUN yang kita berikan itu.

Berkaitan dengan futsal yang saya kira di antara program yang diadakan secara berterusan setiap tahun ada sahaja program Jelajah Futsal Negeri Selangor, ini adalah di atas permintaan, saya kira permainan yang saya lihat pada hari ini menjadi permainan yang diminati ramai daripada kalangan anak-anak muda kita tanpa sebarang perbezaan bangsa yang berlaku di negeri Selangor ini. Walau bagaimanapun, saya kira mungkin di masa akan datang kita boleh rancangkan beberapa sukan yang mungkin menjadi minat kepada bangsa-bangsa yang tertentu yang boleh juga kita tonjolkan supaya ianya juga masih lagi bukan sahaja ditonjolkan kepada satu bangsa tetapi boleh libatkan kepada pelbagai bangsa juga untuk menguasai sukan-sukan tertentu, terima kasih.

**Y.B. PUAN LEE YING HA :** Seterusnya Tuan Pengurus, nombor 22 (Persatuan Pembantu Am Pejabat). Teratai tidak faham siapakah itu ahli Persatuan Pembantu Am Pejabat. Ini bawah EXCO mana? Sekian.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Ini di bawah Pejabat Menteri Besar dan di bawah Setiausaha Kerajaan Negeri. Dia ada (biasanya) Persatuan Pembantu Am Pejabat ini

tiap-tiap tahun kita ada berikan RM10,000 untuk mereka mengadakan aktiviti-aktiviti sosial mereka. Itu sebab kita berikan.

**Y.B. PUAN LEE YING HA :** Jadi, itu tidak termasuk dengan pembantu di pejabat di setiap DUN? Adakah hanya untuk Menteri Besar sahaja atau untuk semua?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Tidak, tidak, tidak. Di bawah jagaan Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan. Semua mereka-mereka yang dianggap sebagai Pembantu Am Pejabat termasuk dalam kumpulan ini. Saya rasa lebih daripada 3,000 ramainya. Jadi, itu sebab. Saya tak tahu ini, petang ini saya semak. Tapi semua mereka-mereka yang termasuk dalam pegawai sokongan pejabat adalah ahli Persatuan Pembantu Am Pejabat.

**Y.B. PUAN LEE YING HA :** Terima kasih dan saya berharaplah kalau pembantu di pejabat ADUN masing-masing pun boleh dijadikan salah satu ahli itu adalah satu berita yang bagus tetapi saya juga ingin bercadang peruntukan ini boleh ditambah sebagai satu tanda penghargaan untuk pembantu-pembantu pejabat kita yang berusaha bersungguh-sungguh dalam beberapa tahun ini tanpa OT dan gaji mereka agak rendah. Ada yang di sebahagian di luar bandar gaji mereka bawah tahap kemiskinan (kurang daripada RM1,500). Jadi

**TUAN SPEAKER :** Itu bukan pembantu am Yang Berhormat. Jadi, di luar. Itu Pembantu Kawasan bukan Pembantu Am.

**Y.B. PUAN LEE YING HA :** Oh itu tak masuk sini?

**TUAN SPEAKER :** Ya, bukan.

**Y.B. PUAN LEE YING HA :** Oh, ok. Jadi, itu saja. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Y.B. Tuan Pengurus. Saya juga ambil bahagian dalam perbahasan Vot B2 di mana butiran 50500 muka surat 244, kod objek 4200 berkenaan dengan Tourism Selangor Sdn. Bhd. (*tourism* ya). Di sini peruntukannya RM2,115,000 (*tourism*) dan saya minta EXCO yang berkenaan sila masuk ke Dewan kerana ini berkaitan dengan *tourism*. Kalau EXCO tak ada, tak boleh jawab nanti soalan tak dapat, saya tidak puas hati. Saya minta segera masuk ke Dewan sebelum untuk saya teruskan. Masa untuk saya tak berapa cukup, saya banyak pertanyaan-pertanyaan ya.

**TUAN SPEAKER :** Kalau begitu, kalau EXCO tak ada, boleh kita bagi pada (Yang Berhormat) bagi peluang kepada ADUN yang lain sementara kita menunggu EXCO?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Nanti kalau dah datang,

**TUAN SPEAKER** : Tidak, saya janji nanti akan berikan masa lagi.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Ok, ok, ok.

**TUAN SPEAKER** : Baik, Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Terima kasih Tuan Pengerusi. Satu keputusan yang saya sungguh pujiyah. Baik. Dato' Pengerusi, saya ingin bercakap berkenaan dengan Vot B-02, butiran 505000 di bawah kod ataupun objek 29000 perkara 3 (Lembaga Urus Air Selangor). Saya ingin mengambil ruang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Lembaga Urus Air Selangor yang telah melakukan kerja-kerja yang baik daripada segi untuk menjaga keseluruhan sungai-sungai khususnya dan juga tasik-tasik yang ada di Negeri Selangor dan setakat ini sebagai salah seorang yang berada di (terlibat secara langsung dengan aktiviti-aktiviti yang melibatkan pengeluaran pasir di Negeri Selangor dan juga aktiviti menjaga sungai-sungai), saya ingin membangkitkan tentang selain daripada kepujian yang patut kita berikan kepada Lembaga Urus Air Selangor, kita juga pada masa yang sama menghadapi sedikit masalah berhubung dengan kelewatan kepada pemprosesan, kepada permohonan-permohonan yang dikemukakan oleh pihak Kumpulan Semesta Sdn. Bhd.

Tempoh masa yang diambil bagi penyediaan dokumen-dokumen teknikal dan sebagainya ini memerlukan masa yang agak panjang bahkan ada yang sehingga mencecah ke tempoh 35 hari. Jadi, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan negeri untuk meminta kepada Kerajaan Negeri supaya diadakan satu mesyuarat yang lebih kerap di antara Lembaga Urus Air Selangor, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri serta agensi-agensi (ada 7 atau 8 agensi) yang terlibat di dalam ulasan teknikal dengan Kumpulan Semesta bagi memastikan yang hasrat Kerajaan Negeri melalui Kumpulan Semesta melaksanakan program Agenda Merakyat Ekonomi dapat dilaksanakan lebih baik.

Jadi, sebagai makluman bersama jumlah yang diperolehi oleh Kumpulan Semesta ini sebahagian besarnya adalah untuk membantu Program Merakyatkan Ekonomi Negeri. Jadi, saya minta penjelasan Kerajaan Negeri, boleh tak kalau diadakan perjumpaan yang lebih kerap dan sebagainya?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Dato' Pengerusi. Y.B. Seri Setia membangkitkan satu isu.

**TUAN SPEAKER** : Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Sri Muda.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Sri Muda. Sri Muda membangkitkan satu isu yang saya rasa inilah yang budaya yang kita nak selesaikan iaitu kita tak hendak timbulkan

apa yang dipanggil birokrasi. Jadi, saya telah meminta Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri tiap-tiap minggu meluangkan satu masa untuk berbincang dengan pegawai-pegawai tertinggi untuk bertanya adakah masalah dari segi kelulusan.

Walau bagaimanapun, saya rasa kita mesti memberikan tanggungjawab kepada LUAS. LUAS ini ialah sebuah agensi yang pertama di Malaysia yang ditugaskan untuk menjaga jumlah air mentah di Negeri Selangor. Jadi, itu satu agensi yang bertanggungjawab dan tak ada lagi di Malaysia (belum ada lagi yang lain) sebab kita ada Enakmen Lembaga Urus Air Selangor. Itu sebabnya. Itu sebab saya berani bercakap tentang air mentah tu sebab ada agensi khas untuk usaha ini. Tapi saya dapati mereka tidak membuat keputusan dengan cepat sebab dia rasa keputusan-keputusan ini hanyalah jawapan tak ada halangan ataupun ada. Saya nak hentikan cara tersebut. Dia kalau tak boleh, dia boleh mesti katakan macam mana cara yang boleh ataupun tak boleh langsung. Jadi, keputusan itu mesti cepat. Saya ingat budaya itu akan kita mulakan *timeline*. Ada *timeline*. Kalau tidak, kalau macam di Hong Kong caranya kalau dah dihantar dalam masa sebulan dan mengikut peraturan-peraturan, tidak terjawab oleh mana agensi di kira lulus. Jadi, saya belum sampai ke peringkat itu sebab saya tak nak perkara ini kalau esok dikira lulus sebab *no answer means yes*, bukan *no answer means no*. Itu

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Diam tanda setujulah?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Ya?

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Diam tanda setujulah?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Ha. Diam tandanya setuju. So, we are changing the attitude. Itu saja.

**TUAN SPEAKER :** Anggapan.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Terima kasih Dato' Pengurus. Saya setuju dengan apa yang disebut oleh Dato' Menteri Besar kerana LUAS merupakan agensi yang sudah membuktikan ketelusannya di mana pihak Syarikat Semesta sendiri pun pernah di saman dua kali dan membayar denda tersebut. Ini satu langkah yang baik. Tetapi saya juga berharap pada masa yang sama jangan terlalu birokrasi kerana tujuan Semesta ialah untuk Merakyatkan Ekonomi Selangor.

Seterusnya Dato' Pengurus, perkara di bawah kod yang sama di para 10 berhubung dengan Communication Corporation Sdn. Bhd. ataupun CCSB. Saya melihat bahawa penerangan yang diberikan lewat waktu ini semakin baik dan daripada segi penggunaan media elektronik semakin meningkat, cuma yang menjadi kegusaran saya ialah berkenaan dengan edaran *conventional* yang biasa seperti 'Selangor Kini',

'Selangor Times', Selangor Hindu' dan sebagainya di mana saya melihat bahawa pemberitaan di dalam berita itu tidak begitu menyeluruh. Hanya melibatkan sebahagian kecil Ahli Dewan Negeri dan saya fikir sebagai sebuah kerajaan yang menggunakan duit rakyat bagi menjalankan kerja-kerja sebegini, kita patut memberi ruang yang setimpal dengan penyertaan kepada semua Ahli-ahli Dewan Negeri yang melaksanakan program. Tonjolkan mereka walaupun daripada Barisan Nasional (pembangkang di Selangor), tetapi kalau mereka memberikan sesuatu yang baik, budaya kita kena tonjolkan perkara itu.

Jadi, saya minta pertimbangan kerajaan negeri sama ada melalui Pejabat Penerangan, Dato' Menteri Besar ataupun melalui CCSB, kita mulakan satu budaya seperti itu, tak lagi seperti sekarang ini yang mana kadang-kadang kalau ada yang setuju dengan saya, gambar saya keraplah keluar. Kalau tak setuju dengan saya, gambar saya pun ditutupnya di belakang tiang. Jadi, ini satu budaya yang saya fikir tidak patut diamalkan oleh Kerajaan Negeri pada hari ini. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Dato' Pengurus, saya rasa secara persendirian saya tak ada mempunyai masa dalam hal inilah untuk meletakkan orang di belakang tiang atau di tepi tiang. Tak ada. Kedua, saya rasa saya menerima satu hakikat *freedom of information, freedom of the press*. Itu antara reformasi kita. Kita kena bagi. Jadi, salah satu daripada perkara. Tapi yang saya lihat menerbitkan ini ada kosnya. Dia ada kosnya. Jadi, pada awalnya kita buat seminggu sekali, sekarang kita nak meningkatkan kekerapan dengan cara kekerapan ini, sudah tentulah maklumat-maklumat terkini (maknanya maklumat-maklumat itu) lebih banyak dapat dimasukkan. Sebab kalau kita buat seminggu sekali, maknanya maklumat itu tak banyak. Tapi kalau kita buat dua kali atau tiga kali dalam satu minggu (itu sebab bajet itu dinaikkan kepada RM13 juta tu sebab untuk membanyakkan lagi kekerapan pengeluaran ini) dan kalau kekerapan itu berlaku, saya rasa maklumat-maklumat itu dapat disebarluaskan lebih banyak.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Terima kasih kepada kerajaan negeri. Soalan saya berkaitan perkara pertama dua saja. Mungkinkah kerajaan negeri boleh mempertimbangkan/diberikan satu tambahan EXCO Penerangan kerana ia melibatkan dasar-dasar Kerajaan Negeri. Jadi, adalah penting sekurang-kurangnya satu EXCO yang terlibat memastikan perjalanan penerangan itu selari dengan polisi dan juga dasar kerajaan negeri. Dan yang kedua, melalui peruntukan. Sebab peruntukannya agak besar (RM13 juta setahun). Saya ingin mencadangkan supaya diadakan sistem penyebaran ataupun penyampaian 'Selangor Kini' itu di bawah satu sistem yang jauh lebih berkesan. Setakat ini melalui Pejabat DUN, Pejabat Daerah dan sebagainya ok agak baik tetapi kalau nak dikerapkan lagi pengeluarannya kita mesti mempunyai satu rangkaian pengedaran yang boleh pergi sehingga mengalahkan akhbar-akhbar yang sedang berada di pasaran hari ini.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Dato' Pengerusi, saya menerima cadangan tersebut sebab untuk mengedarkan ini sebab daripada kiraan saya (ini kiraan saya) secara purata kalau kita keluarkan satu keping akhbar itu, dia antara RM0.50 ke RM0.70 dia punya termasuk sampai kepada customer. Itu sebabnya. Itu sebab saya memantau daripada segi kosnya. Jadi, kalau kita nak buat kerap (banyak), buat masa ini 150,000 kita terbitkan. 150,000. Ada dua cadangan. Satu, menerbitkan sampai 200,000 dan meningkatkan kekerapan dan menumpu kepada berita-berita mengenai berita di negeri. Itu yang kita.

Kemudian, saya konsep EXCO Penerangan. Kita telah bincang selepas itu kita dapati kita ada gabungan EXCO yang kita kata mewakili pandangan-pandangan Pakatan Rakyat iaitu EXCO yang diwakili oleh Cik Elizabeth Wong, Y.B. Ronnie Liu dan juga Y.B. Dr. Yunus. Dia berjumba. Sebab kita ada perjumpaan setiap minggu. Jadi, kita nak buat begitu supaya kita menerima beberapa pandangan. Saya tak tahu sama ada dia berjaya ke tidak, tapi itu yang lebih kukuh sebab tiap-tiap minggu dia boleh menerangkan kepada sekurang-kurangnya kepada EXCO Negeri dalam mesyuarat itu tentang perkara yang nak diedarkan. Hanya isu yang saya dapati masih lagi tidak jelas (boleh jadi) ialah kita tidak boleh meningkatkan peruntukan yang terlalu banyak. Maknanya ini pun kita dah buat peruntukan RM13 juta. Jadi, kita mesti merangka dengan skop jumlah RM13 juta itu. Jadi, saya harap ini. Sebab dari segi negeri kita akan membelanja RM1 / RM3 setiap rakyat Selangor. Itu sebab saya gunakan duit. Itu yang isu yang mesti kita atasi.

**TUAN SPEAKER :** Ya, masa untuk Y.B. Sri Muda sudah sampai. Oleh kerana saya telah pun (pertamanya) janji pada Sekinchan tadi untuk membahas kepada beliau dan memandangkan di bawah Vot B2 ini melibatkan satu jumlah melebihi RM74 juta dan juga saya lihat ada dua orang lagi ahli yang berminat, maka saya akan lanjutkan perbahasan Vot B02 ini sehingga pukul 3 saja selepas kita berehat. Tapi untuk Sri Muda, masa sudah tamat ya.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** 2 minit saja lagi.

**TUAN SPEAKER :** Tidak, tidak boleh. Tidak boleh.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Tapi jauh lagi Dato' Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Tak. Soalnya, apabila Yang Berhormat tunggu, apabila Yang Berhormat bangun tadi, Yang Berhormat tahu sampai pukul 1. Itu masa yang diperuntukkan ya. Baik, Dewan bersidang semula. Saya dengan ini menangguhkan Dewan sehingga pukul 2.30 petang. Dewan ditangguhkan

( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**TUAN SPEAKER:** Dewan bersidang semula jam 2.30 petang. Dewan bersidang sebagai jawatankuasa. Sekinchan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Pengurus majlis, Tuan Pengurus Dewan. Saya ingin menarik perhatian Dewan ini perbahasan Vot B2 di mana butiran aktiviti 50500 kod objek 4200 mengenai tajuk yang ke-15 Tourism Selangor Sdn. Bhd. (TSSB) di mana dalam bajet ini telah diperuntukkan RM2,115,000.00 untuk sektor berkaitan dengan pelancongan. Kita sedia maklum bahawa pelancongan di Negeri Selangor ini sedang begitu giat dimajukan dibangunkan dengan begitu giat dan di sini ingin saya nyatakan tentang inisiatif yang saya lakukan di DUN Sekinchan sebagai untuk dipromosikan sebagai sebuah destinasi pelancongan Eco-Tourism yang baru di Negeri Selangor di mana sejak kebelakangan ini DUN Sekinchan telah menarik perhatian seluruh pelancong domestik ada daripada Selangor negeri-negeri Pahang, Perak, Johor dan sekarang juga telah menarik perhatian dan mendapat kunjungan daripada pelancong luar negeri khususnya Singapura, di mana selepas penayangan sebuah filem, sebuah episod filem yang bernama *The Seeds Of Life* dalam bulan 10 yang lalu di Singapura dan kesannya sekarang sudah mulai kita menerima ramai kunjungan pelancong-pelancong daripada Singapura untuk ke DUN Sekinchan melawat dan melakukan kunjungan-kunjungan lawatan setiap minggu, setiap bulan dan di sini ingin saya nyatakan saya ingin nak mengucapkan terima kasih kepada Tourism Selangor Sdn. Bhd. kerana di bawah EXCO Pelancongan telah banyak membantu dalam menjayakan program yang saya anjurkan Di DUN Sekinchan ini khususnya dalam promosi *Today One Night* menarik lebih ramai pelancong datang ke DUN Sekinchan dan Sekinchan terkenal dengan beberapa produk-produk pelancongan yang unik iaitu bendang yang terbentang luas juga merupakan satu tarikan di mana perkampungan nelayan tradisional yang unik nelayan tradisional yang unik dan juga buah-buahan tempatan seperti *manggo* atau mangga, naga emas, jambu air dan jagung, jambu batu dan sebagainya dan juga hasil makanan laut yang segar dan juga sekarang ada satu lagi produk yang baru iaitu Mentarang Bakar Sekinchan. Mentarang Bakar Sekinchan juga begitu laris begitu *famous* di DUN Sekinchan ini dan termasuk juga beras yang dihasilkan di DUN Sekinchan ini. Beras Sekinchan *best* sekarang berbagai produk sudah di promosikan kepada pelancong-pelancong. Maka dengan itu kerana giatnya sektor pelancongan ini di DUN Sekinchan ini telah menaikkan taraf sosial ekonomi kepada semua pengusaha-pengusaha restoran, hotel dan sebagainya maka dengan itu saya juga rasa daripada bantuan oleh Tourism Selangor ini pada

masa akan datang pada tahun-tahun seperti akan datang kita harap peruntukan yang lebih banyak dapat disalurkan kepada DUN Sekinchan bagi menarik lebih ramai lagi pelancong datang ke DUN Sekinchan.

Saya ingin mencadangkan satu lagi di sini meminta pihak EXCO ambil maklum tentang permintaan saya tempoh hari di mana sudah sampai masa di DUN Sekinchan ini oleh kerana dia adalah jelapang padi Negeri Selangor menghasilkan padi yang paling berkualiti dan hasil pengeluaran yang terbaik yang terbanyak di Malaysia ini. Maka dengan itu wajah kalau boleh kita adakan satu permintaan saya iaitu Mini Muzium Padi di Sekinchan ini di mana satu peruntukan yang agak besar perlu disalurkan ya supaya ini menjadikan satu lagi tarikan untuk menarik lebih ramai pelancong-pelancong yang datang ke DUN Sekinchan ini bagi mereka merasai sendiri penanaman padi, sejarah padi, penanaman padi daripada zaman nenek kita, nenek moyang kita berpuluhan tahun yang lalu dengan teknologi yang kita gunakan sekarang ini teknologi yang berbagai peringkat perubahan telah reformasi juga dilakukan dan mungkin anak-anak kita di bandar ah di bandar beliau juga tak tahu teknologi yang digunakan sebelum ini. Jadi dengan adanya muzium mini muzium padi ini saya yakin dia lebih akan dapat memanfaatkan kepada pelancong-pelancong yang membawa keluarga datang ke DUN Sekinchan ini. Itu antara permintaan saya di sini dan juga di dalam inisiatif pejabat DUN saya, kami telah mendirikan satu Persatuan Pembangunan Pelancongan di DUN Sekinchan ini dengan mengadakan satu *Tourist Guide*, Buku Panduan Pelancongan. Makna ini telah dapat kita masukkan semua item-item, produk pelancongan, makanan, tarikan produk pelancongan di dalam buku ini untuk dijadikan satu panduan kepada pelancong-pelancong yang datang melawat DUN Sekinchan ini. Dan saya berterima kasih kepada pihak EXCO melalui Tourism kerana telah memberi peruntukan dalam semasa untuk menghasilkan Buku Produk Pelancongan ini *Tourist Guide* tetapi oleh kerana dia masih memerlukan dana untuk pencetakan pada masa akan datang dan dana dia agak besar juga saya mohon kalau boleh juga dana ini disalurkan dan saya minta pihak kerajaan ambil maklum bahawa peruntukan di Negeri Selangor kalau setahun untuk pelancongan RM2 juta lebih saya nampak agak kecil sedikit. Kalau boleh demi menarik lebih banyak pelancongan datang ke Selangor bukan sahaja DUN Sekinchan, mana-mana tempat Tanjung Sepat, Kuala Selangor dan sebagainya, Hulu Selangor dan sebagainya RM2 juta itu agak kecil kalau boleh melalui hasil rizab yang ada di Negeri Selangor ini saya harap ditambah kepada RM5 juta sekurang-kurangnya. Saya minta jawapan.

**Y.B PUAN ELIZABTH WONG KEAT PING:** Terima kasih, Sekinchan. Saya pun sokonglah kalau RM5 juta. Tapi saya akan ini adalah kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor di mana kewangannya di uruskan secara berhemah.

Setakat ini walau pun di sini RM2.1 juta sahaja tetapi setakat ini memang boleh dikatakan lumayan. Untuk ada 3 perkara Sekinchan telah bangkitkan:

Satu adalah pembangunan satu Mini Muzium Padi di Sekinchan, Ini saya rasa adalah satu cadangan yang memang bagus dan saya juga ingin sokong kalau ada mini muzium padi. Cuma kita perlu...

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Saya celahkan tentang muzium.

**Y.B PUAN ELIZABTH WONG KEAT PING:** Boleh. Tunggu, tunggu, sabar, sabar... cuma kalau boleh kita perlu kerjasama daripada pihak PADAT. Seperti Yang Berhormat Bangi dan juga EXCO yang berkenaan pada masa yang sama kalau boleh PBT ya Majlis Daerah Sabak Bernam kalau boleh mengenal pasti satu tapak yang sedia ada maka kos untuk membangunkan satu mini muzium padi itu boleh dikurangkan secara ketara.

Dua, peruntukan khas untuk DUN Sekinchan. Untuk makluman Yang Berhormat, kita beri peruntukan mula tahun ini kita beri peruntukan khas kepada beberapa kawasan khas seperti Majlis Daerah Sabak Bernam, Majlis Daerah Kuala Langat dan sebagainya untuk menambah baik beberapa tapak-tapak pelancongan. Jadi daripada peruntukan yang kita juga akan ada untuk 2013 maka saya rasa dengan kerjasama dari Majlis Daerah Sabak Bernam berbagai aktiviti boleh dijalankan beberapa aktiviti pembangunan juga boleh dijalankan. Untuk tahun ini saya dimaklumkan ada 3 atau pun 4 projek khas yang di jalankan khas di Sabak Bernam sahaja dan pada tahun yang akan datang kita akan saya yakin kita juga akan terus menyokong Sabak Bernam termasuk Sekinchan.

Untuk peruntukan khas untuk mencetak bahan promosi dan sebagainya melalui persatuan pembangunan pelancongan atau pun pejabat DUN Sekinchan, ini memang boleh disokongkan oleh daripada Tourism Selangor Sdn. Bhd.. Tourism Selangor Sdn. Bhd. pada asasnya ataupun *core activity*, aktiviti yang *fundamental* ialah untuk menolong mempromosikan tapak-tapak pelancongan, membuat aktiviti dan sebagainya. Yang penting adalah kalau orang lain tahu, orang di luar tahu jadi mereka ada aktiviti yang sangat menarik maka orang akan datang ke kawasan-kawasan pelancongan atau pun tapak-tapak pelancongan tersebut. Jadi jangan bimbang Sekinchan, kita akan terus menyokong Sekinchan kerana Sekinchan memang salah seorang, satu, dua orang sahaja yang sangat minat tentang isu-isu pelancongan tentang macam mana nak menambah baik lagi aktiviti atau pun sektor pelancongan di kawasan dunia.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Pengerusi, tambahan mengenai muzium.

**TUAN SPEAKER:** Itu tertakluk kepada Sekinchan. Sebab masa Sekinchan. Setuju tak bagi. Satu minit.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Pengerusi, saya sokonglah kalau nak tubuh muzium di Sekinchan. Tapi *life* muzium. Maksud saya kalau nak diri bangunan, kita dah ada di Sabak Bernam, Muzium Pertanian. Yang mana Sekinchan adalah di bawah Sabak Bernam. So tidak *economic* kalau kita diri satu bangunan lagi. Kita jadikan benda ni sawah yang indah terbentang, hijau tu sebagai *life* muzium. Kita akan tambahlah angga ke mungkin benda ini semai-semaian, bagaimana benda ni kerja apa ni menanam padi tetapi tidak satu bangunan. Kita dah ada bangunan di Sabak Bernam yang mana Sekinchan adalah terletak di bawah Sabak Bernam. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Maklumlah Sekinchan ni bagi paha minta betis juga. Ya sila...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih atas *input* cadangan, pandangan daripada Yang Berhormat Bangi yang cukup prihatin terhadap soal muzium ini kita ambil maklum tapi oleh kerana lokasi muzium yang pertanian Di Sabak Bernam itu agak jauh daripada Sekinchan lebih kurang hampir 45 minit. Jadi daripada segi lokasi untuk pelancongan itu mungkin kita perlu selidik kerana saya masih tetap yakin dengan permintaan saya di DUN Sekinchan juga. Kerana sekarang tumpuan pelancong itu datang ke DUN Sekinchan setiap hujung minggu, Sabtu, Ahad, kelepasan umum sampai jem kereta keluar masuk. Hotel pun permintaan untuk hotel pun tidak mencukupi maka dengan itu saya minta sudah sampai masa

**TUAN SPEAKER :** Tambah muzium, tambah jem lagi teruk.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Itu kita akan selesaikan. Tapi itu akan....Terima kasih Tuan Pengerusi. Ya mungkin akan jem tetapi dia akan menambahkan lagi lebih produk pelancongan. Itu *value for money* supaya pelancong datang boleh mendapat boleh banyak produk yang pelancongan yang mereka dapat. Selaras dengan konsep Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, *value for money* melawat Sekinchan dapat tokok tambah nilainya.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Kajang, bangun.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Kajang minta setengah minit, setengah minit sahaja. Kajang ingin tumpang bertanya juga berkaitan dengan muzium atau pun galeri setempat ya. Macam Sekinchan ni memang saya sokong sangat, sokong sangat yang ada satu galeri sekurang-kurangnya di Sekinchan sendiri selain daripada ADUN Sabak Bernam. Mungkin boleh Sekinchan pertimbangkan. Satu galeri yang diusahakan oleh *private sector* atau persatuan di mana boleh minta bantuan daripada negeri.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Yang Berhormat Kajang. Kajang juga prihatin juga dan saya setuju saya memang ambil maklum dengan cadangan Kajang kerana Kajang sendiri bukan cakap sahaja. Dia juga ADUN yang turun termasuk Tuan Pengerusi pun datang ke Sekinchan melawat sendiri DUN Sekinchan dan mereka merasai keindahan dan keunikan Sekinchan (cakap cina) dengan izin dengan cara macam ini mereka merasai sendiri *two days one night* itu dia macam mana dia punya pakej dia, begitu baik ya. Terima kasih Kajang dan saya juga minta dalam laman-laman web yang oleh Tourism Selangor, oleh Yang Berhormat EXCO laman-laman web Kerajaan Negeri tolong promosikan lebih banyak info-info pelancongan di DUN Sekinchan ini termasuk melalui Selangor Kini dan sebagainya supaya maklumat ini kita dapat manfaatkan secara menyeluruh, seluruhnya teman-teman di Negeri Selangor dan Malaysia mendapat informasi daripada produk pelancongan tentang uniknya destinasi pelancongan di Sekinchan. Dan juga saya kita di pejabat saya kekurangan dana kerana saya telah pasang banyak keindahan kecantikan di Sekinchan memperindahkan *land scapping* saya pasang banyak pokok-pokok dapat sumbangan daripada Yang Berhormat Pengerusi juga, daripada badan-badan berkanun Kerajaan saya minta sini minta sana, minta sampai ke Ijok, ke Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar juga saya minta kerana *maintenance* untuk pokok-pokok diri itu cukup tinggi tapi cantik menarik malam, cukup *shine* dengan slogan Selangor *Shine*, Sekinchan *also shine*. Tetapi dana tak cukup. Saya minta Yang Berhormat Bukit Lanjan EXCO tolong macam mana. Ya, saya minta jawapan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Sekinchan. Memang betul Selangor Sekinchan *also shine* dan saya harap Yang Berhormat juga ingat bahawa saya juga ada beri peruntukan daripada STANCO tersebut kalau Yang Berhormat ingin pohon lebih pokok *ready* dipasangkan di Sabak Bernam sila hantar permohonan segera supaya pada tahun 2013 kita boleh mempertimbangkan secepat mungkin. Isu tentang muzium nak muzium besar, muzium kecil, nak muzium laut atau sebagainya, saya rasa kita perlu kerjasama dengan Pengerusi PADAT Yang Berhormat Bangi kerana Yang Berhormat Bangi yang menolong mengurus dan juga menyelaraskan muzium-muzium yang sedia ada. Kita tidak nak daripada Kerajaan Negeri adalah satu bangunan saja, tapi dalam tak ada *action* tak ada aktiviti, tak ada sesuatu yang menarik. Jadi mungkin Yang Berhormat Sekinchan boleh *tweet* sedikit atau pindah

sedikit macam mana kita boleh ada satu visi ataupun gambaran macam mana mini muzium mungkin nama dia mini muzium tapi gerak kerja ataupun aktiviti yang dijalankan itu beza sikit daripada muzium yang kita sentiasa ada ataupun kita gambarkan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Masa sampai. Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ambil bahagian untuk bincangkan B02 muka surat 244 butiran program 505000 butiran Kod butiran objek sebagai 42000 saya ingin menyentuh perkara 3 Lembaga Urus Air Selangor LUAS dan 14 Rantaian Mesra Sdn. Bhd. Berkenaan dengan LUAS saya nak menarik perhatian Dato' Menteri Besar tentang kertas bilangan 416/2012 Penyata Kewangan LUAS. Dalam 4200 pemberian dan dalam negeri peruntukkan sebanyak RM3.6 juta diberikan manakala dalam Penyata Kewangan muka surat 1 terdapat deposit di sisi kewangan dan tempatan pada tahun 2010 sebanyak RM11.54 juta manakala pada tahun 2011 RM14.54 juta. Apa perlunya deposit setinggi ini sebanyak ini dengan nota muka surat 10 menyatakan jilid 4 institusi kewangan manakala pencairan boleh menjana program-program yang lebih bererti kepada rakyat. Minta penjelasan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Pengerusi , Hulu Kelang setengah daripada deposit yang dinyatakan dalam akaun LUAS itu serupa juga macam dengan deposit Pihak Berkusa Tempatan. Jadi maknanya orang yang ambil lesen itu menaruh deposit tersebut. Itu bukan dana *hundered percent own* by LUAS, tapi dia rekodnya dia dalam LUAS umpamanya untuk mengambil lesen you kena taruh deposit itu sebabnya saya tidak tahu tentang terperinci tapi LUAS ini kita bagikan dua yang untuk ini untuk Lembaga Urus Air Selangor 3.6 ini ialah operasi, operasi maknanya gaji, bayaran apa semuanya operasi. Tetapi kita bagi LUAS tentang pembangunan. Maknanya kalau dia nak buat makmal apa semua. Jadi duit tu kita ambil kira dalam bahagian pembangunan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Dato' Menteri Besar. Menyentuh LUAS lagi tadi ada rakan saya dari Kampung Tunku menyentuh tentang program kitar semula sisa minyak masak untuk dijadikan biodiesel. Menurut maklumat daripada pegawai LUAS, daripada program-program kitar semula sisa minyak masak terdapat lebih seratus komuniti dan menurut pegawai LUAS lima puluh berada di DUN Hulu Kelang. Dan ini satu pencapaian yang perlu satu diberikan fokus yang baik. Cumanya apabila saya bertanya tentang pelaksanaan program pegawai LUAS menyatakan bahawa tiada penilaian tetap yang bersistematis dilaksanakan dalam pencapaian ini dan tidak ada penyelaras. Contohnya apabila saya merujuk kepada pegawai MPAJ,

MPAJ juga melaksanakan, mengarahkan kontraktor-kontraktor mengutip kitar sisa minyak masak daripada restoran-restoran dan kedai-kedai besar. Tetapi tidak ada berlaku penyelarasan dan pengesahan. Kalau kontraktor yang disahkan oleh LUAS, dia memang sah akan melaksanakan program kitar semula sisa minyak masak dijadikan biodiesel tetapi sebaliknya kalau kontraktor selain itu tidak ada *conformation* lah dengan izin. Jadi saya mencadangkan selaras dengan bajet yang akan dilaksanakan ini pihak EXCO ketiga-tiga EXCO saya percaya Wanita, Alam Sekitar dan PBT juga aktif dalam program ini dan saya ingin pengesahan secara ringkas bahawa satu usaha untuk menyelaraskan program ini akan dilaksanakan. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Pengerusi saya berpandangan terlalu banyak aktiviti-aktiviti yang tidak di dikordinasikan. Tapi pada saya, saya anggap ini satu daripada satu pengurusan kawasan. Pada saya *the lead agency should be a PBT*. Pada saya itu sebab, sebab dia nak menjaga longkang untuk bersih, dia nak menjaga kesihatan supaya kedai-kedai masakan itu mempunyai tong-tong tertentu. Dia juga mesti menjaga rumah-rumah pangsapuri supaya minyak-minyak itu dapat dikumpulkan. Ketiga-tiga itu di bawah kawalan dan di bawah jagaan Pihak Berkuasa Tempatan. Tapi saya jangkakan untuk pelaksanaan NGO orang bukan kerajaan boleh mengambil inisiatif untuk mendapat hasil daripada kerja-kerja yang di buat di NGO dan hanya Pihak Berkuasa Tempatan *take the leading role* untuk itu. LUAS pun ialah hanya sokongan. Saya tak hendak LUAS mengambil masa terlalu *management time* untuk ini supaya *management time* itu *key success area* atau pun KPI itu mesti diletakkan di bawah PBT. Saya akan *follow up* sebab saya rasa kalau ramai tiga empat membuatnya ada baiknya tetapi tidak ada tumpuan keseluruhan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Dato' Menteri Besar. Program yang dilaksanakan oleh LUAS ini program yang berbentuk pendidikan, kesedaran dan sebagainya. Amanah untuk menjaga sumber air bersih adalah pada LUAS. Dan apa yang mereka laksanakan bagi perhatian saya adalah *value added* dengan izin sedangkan penguatkuasaan itu kalau Dato' Menteri Besar mencadangkan agar dilaksanakan di bawah PBT saya amat setuju. Dan perkara yang seterusnya ialah perkara 14 RMSB. Tarik perhatian EXCO yang bertanggungjawab di muka surat 233 aktiviti 233 aktiviti 3 Pusat Dialisis Rakyat. Di nyata di situ isi, misi, objektif terdapat empat objektif, tetapi objektif ini semua berkaitan dengan penubuhan, penubuhan, penubuhan mengujudkan. Tidak ada berkaitan dengan memantau, menjayakan, mengukur kejayaan. Jadi di sini saya ingin menarik perhatian, walau pun DUN Hulu Kelang sudah ada PDR Pusat Dialisis Rakyat tetapi tidak beroperasi di atas sebab tidak ada lesen. Jadi konsep menuju itu belum tercapai. Sedangkan bebanan kewangan sedikit sebanyak telah dikeluarkan oleh peruntukan ADUN untuk membaik pulih dewan, mengindahkan dewan dan sebagainya dan mempromosi,

memperkenalkan PDR pada masyarakat. Saya ingin satu penjelasan yang jelas daripada pihak EXCO tentang status PDR di Hulu Kelang sama ada ia boleh dioperasikan secepat mungkin atau sebaiknya ditutup. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Hulu Kelang minta laluan untuk isu yang sama. Setengah minit. Setengah minit. Jadi saya juga di DUN Sri Muda menghadapi masalah yang sama di mana Pusat Dialisis Rakyat yang sudah siap sepenuhnya tetapi tidak dapat beroperasi sudah setahun lebih. Dan saya mohon juga penjelasan supaya diberikan supaya kita dapat maklumkan kepada penduduk-penduduk setempat. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih bagi menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Hulu Kelang dan juga Sri Muda. Pusat Dialisis Rakyat adalah satu usaha kerajaan negeri untuk memberikan perkhidmatan dialisis secara percuma kepada mereka yang tidak berkemampuan dan kalau boleh tempat yang kita cadangkan adalah setempat. Tidaklah ianya mengambil masa yang jauh untuk peserta-peserta ataupun mereka yang memerlukan perkhidmatan ini pergi ke salah satu tempat yang sekarang ini usaha tersebut telah dapat dilaksanakan adalah di Hulu Kelang dan juga lima tempat yang lain termasuk Taman Medan, Ampang, Sementa dan rancangan barunya adalah di Sri Muda. Saya nampak di sini dia punya proses adalah bila mana kita berusaha sama dengan NGO untuk melaksanakan program ini di mana NGO yang bergiat untuk memberikan perkhidmatan di sudut pengurusan mengujudkan pusat dialisis ini dan ditawarkan kepada Kerajaan Negeri dan kita bersama-sama dengan ADUN untuk mengusahakan supaya tempat itu ujud. Jadi apa yang kita buat adalah memberikan bantuan ataupun sokongan RMSB buat dalam memberikan bantuan untuk mengenal pasti tempat dan di situ kita akan menggabungkan semua agensi terlibat contohnya PBT ataupun Pejabat Daerah lihat kepada siapakah pemilik kepada bangunan yang dicadangkan. Seterusnya jika segala usaha telah di buat di sudut persiapan infrastruktur kita juga perlu mendapatkan satu kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia bagi mengizinkan program ini dijalankan. Tetapi bagi Hulu Kelang, bagi saya Hulu Kelang telah melepassi semua perkara ini. Tetapi persoalan yang timbul kenapakah tidak di manakah pemantauan itu dan pemantauan itu sebenarnya kita buat boleh dikatakan saban bulan RMHB bermesyuarat dengan saya tetapi persoalan besarnya sekarang ini tempat ada ini saya merujuk kepada Hulu Kelang saja tetapi pesakit-pesakit tidak dapat ke sana ataupun tidak dichannelkan ke sana kerana sekarang ini usaha yang kita buat adalah untuk memastikan bagaimana kita boleh dapatkan nama-nama daripada pesakit-pesakit daripada hospital untuk kita maklumkan kepada mereka ini dia tempat-tempat memang boleh mereka dapatkan perkhidmatan dengan percuma. Ya sebab kebanyakannya ini mereka pergi kepada NGO-NGO lain ya, seperti zakat

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Perjelaskan, isu di Hulu Kelang ini bukan masalah persediaan kemudahan dan sebagainya, semuanya lengkap. Cuma nak mempromosikan nya itu. Untuk mengalihkan pesakit itu masalahnya lesen sah belum didapati dari gudang penawar. Jadi isunya, itu isu pokoknya, jadi maknanya kalau nak kata penubuhan itu dengan lesen maknanya tidak penubuhan PDR dengan lesen di Hulu Kelang.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Untuk jawapan DUN Hulu Kelang saya kata Hulu Kelang tidak timbul masalah lesen. Maknanya mereka telah pun melepas semua, tapi masalah pesakit-pesakit tidak pergi ke Pusat Dialisis Rakyat Hulu Kelang untuk mendapatkan perkhidmatan dialisis. Kerana mereka lebih gemar pergi ke tempat-tempat yang lain yang menawarkan seperti Lions Club, ya seperti Pusat Zakat dan sebagainya kerana mungkin pesakit-pesakit itu berada di sekitar di persekitaran tempat-tempat yang lebih dekat dengan tempat mereka seperti Lions Club kebanyakannya lebih popular di kawasan Hulu Kelang. Ya, jadi persoalan saya tekankan balik di Hulu Kelang bukan masalah lesen, tidak. Permulaan dua semasa sebelum diberikan lesen ada isu tentang pusat dialisis ini tidak dibenarkan sebab tempat itu tidak mendapat CF. Tetapi bila kita lihat Pejabat Daerah adalah salah satu tempat yang di apa ini di keluarkan daripada syarat untuk mendapat CF akhirnya mendapat mereka mendapat kelulusan. Bagi Sri Muda pula, Sri Muda baru saja dapat kelulusan. Saya dimaklumkan bulan lepas telah pun mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan. Jadi insya-Allah kita akan teruskan pusat dialisis rakyat jika semua proses ini berjalan langsung dan kita boleh buka kepada semua-semua ADUN untuk memohon. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B2 iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia: Tujuh Puluh Empat Juta, Tujuh Ratus Sembilan Puluh Empat Ribu, Sembilan Ratus Tiga Puluh Sembilan (RM74,794,939.00) untuk kepala B.2 Pelbagai Perkhidmatan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak setuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B3, Dewan Negeri Selangor, RM 21,490,860.44.

**TUAN SPEAKER:** Ya, sila Sekinchan untuk bahagian B3 saya peruntukan 1 jam.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** 1 jam. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya nak menarik perhatian dalam perbahasan dalam Butiran 50500 Kod Objek 11000 – Gaji dan Upahan, muka surat 256 berkaitan dengan Dewan Negeri Selangor. Seperti apa yang

kita sedia maklum Dewan Negeri Selangor sejak 2008 sehingga sekarang hampir 4 tahun setengah masuk tahun yang ke 5 Dewan Selangor sudah membuat pelbagai reformasi, pembaharuan yang kita nampak sendiri, bukan kita *ngomong-ngomong* kosong tidak, kita nampak sendiri daripada beberapa aspek jawatankuasanya yang kita pertambahkan jawatankuasa daripada dulu *PAC* sekarang ada jawatankuasa *SELCAT* jawatankuasa pilihan *SELCAT*, jawatankuasa pilihan *PADAT* Pejabat Daerah dan Tanah iaitu *PADAT* dan juga jawatankuasa pilihan mengenai *PBT* dan juga *ABAS*, semua jawatankuasa ini termasuk *PAC* telah memainkan peranan yang cukup *efektif* dalam memantau dan mengawal selia semua pentadbiran semua agensi jawatankuasa di bawah Kerajaan Negeri di Selangor, tujuannya satu untuk memperkasakan Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor di bawah prinsip ketelusan, keupayaan dan kebertanggungjawaban dengan prinsip ketelusannya.

Dengan itu Persidangan Dewan kali ini nampak ada penyata-penyata, penyata-penyata yang dibentangkan nampak sekarang saya telah buat kajian selidik telah buat kajian di mana ada lebih kurang 8, ada 8 penyata di mana *SELCAT* sendiri di mana jawatankuasa *SELCAT* ada 5 penyata mengenai isu-isu yang dibuat dalam pendengaran awam yang diadakan, ada 5 penyata kita sebagai ahli dewan kita kena ambil masa untuk perincikan 5 penyata tersebut dan jawatankuasa *PADAT* 1, jawatankuasa *PBT* 1 jawatankuasa *PAC* dan juga *ABAS*, semuanya ada 8 inilah saya nampak antara dewan Negeri Selangor di Malaysia ini yang paling bermaya, yang paling efektif, di mana Parlimen pun saya rasa di peringkat Parlimen pun tak ada, sampai penyata tak ada, penyata ini ahli parlimen saya tujukan sampai ada lapan (8) penyata saya rasa tak ada sampai ke situ ha..itu mana efektifnya.

Dan saya juga nak tambah dalam dewan ini jangan kita lupa di Dewan Negeri Selangor antara sampai hari ini seluruh Malaysia, Dewan Negeri Selangor ini yang ada *traffic light* permulaan anjakan paradigma ini adalah pembaharuan di Negeri Selangor *traffic light*. *Traffic light* ini bukan suka-suka untuk tengok-tengok saya nampak dalam satu minggu yang lepas cukup *efektif* di mana Sekinchan dulu kena cakap 1 jam setengah sekarang tak dapat cakap, ini saya antara bangsa saya antara bangsa, walau bagaimanapun kalau demi kebaikan tak apalah saya terpaksa terima akur walaupun Bukit Antarabangsa sebagai Ketua BBC dia dapat lagi masa yang panjang 20 minit, 20 minit bayangkan, tambah soal interaksi daripada Jawatankuasa ini soal jawab dan sebagainya begitu berkesan, soalan-soalannya dulu kita tak boleh timbul, tak boleh timbul, sekarang timbul berkali-kali sampai kita terlepas, sampai saya perlu ke *toilet* terlepas soalan-soalan, saya begitu marah tadi sebab oleh kerana sistem yang baru, tapi keseluruhannya, keseluruhannya saya mengucapkan tahniah kepada Tuan Pengurus sebagai Speaker kerana telah lakukan reformasi dan Kerajaan Negeri memberi sokongan kepada perkara ini. Inilah dewan contoh untuk seluruh Malaysia ini,

bukan sahaja Selangor peneraju Ekonomi Malaysia Dewan Negeri Selangor peneraju seluruh Dewan demokrasi di Malaysia ini. Ini saya bangga, maka dengan itu dalam masa yang sama saya berharap apa-apa daripada jawatankuasa daripada penyata yang kita nyatakan dapat diteliti oleh pihak kerajaan, bukan sahaja kita bagi penyata hanya tinggal penyata kita tidak mahu jawatankuasa bersidang setahun 6 kali, 7 kali, Yang Amat Berhormat bersama EXCO nya letak penyata hanya sekadar penyata, jadi tidak mengambil maklum penyata-penysta tersebut akhirnya apa yang kita kata inisiatif dan kegigihan yang kita laksanakan syor-syor kita akan tidak dilaksanakan, walaupun bukan semua tetapi sedikit ada yang berfaedah untuk kerajaan harap dapat diteliti oleh pihak kerajaan, kalau beginilah caranya pemantauan saya rasa Kerajaan Negeri Selangor adalah kerajaan yang paling mantap di Malaysia ini.

Saya minta tentang penjelasan mengenai bagaimana tindakan-tindakan daripada penyata yang sebelum ini yang kita bentangkan sebelum ini apa? tindakannya apa? jawapannya daripada pihak kerajaan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih, Dato' Presiden dan Dato' Pengerusi. Sekinchan membangkitkan isu penyata-penysta itu, kita mengambil berat tentang penyata-penysta tersebut, tapi saya membahagikan kepada 2 aspek, 1 aspek yang dipanggil polisi, polisi adakah? ini terpaksa kita membaharui polisi, kalau kita kena membaharui polisi ada 2 perkara yang kita nak buat, 1 ialah adakah? kita kena mengubah enakmen, ataupun enakmen kalau nak ubah polisi ataupun adakah? kita nak mengubah prosedur, itu 1, tapi saya nampak banyak yang diberikan oleh Jawatankuasa-jawatankuasa ini bukan dari segi polisi dari segi pelaksanaan, proses pelaksanaan disiplin pelaksanaan, ini bukan tugas ini ialah penjawat awam, jadi oleh sebab itu kita mesti mengambil *inisiatif* saya sendiri telah mengambil *inisiatif* supaya penjawat awam dapat memahami tentang pelaksanaannya, yang di laksanakan dengan objektif ini boleh jadi tak sama.

Jadi, oleh sebab itu disiplin untuk menentukan perkara-perkara ini dilakukan dalam hal ini saya minta dewan memahami kalau pelaksanaan dipersoalkan jadi kita mesti menerima hakikat 1 konsep, 1 konsep yang mesti kita terima iaitu kita tak boleh ada *exception*, *exception* maknanya apa yang berlaku sekarang setiap penjawat awam merasakan mereka mengikut landasan yang diberikan tetapi apabila kita nak buat kita buat *exception*, *exception* itulah yang akan mengubah cara-cara kita nak melakukan sebab kita kena *follow the rule* bila kita *follow the rule* atau *follow the procedure* tapi ada 2, 3 prosedur yang kita kata *don't follow* sebab ini ada *exception* untuk masalah ini kita tolong yang macam ni, untuk masalah ini kita tolong macam ni, lama-lama semua dah jadi *exception*, *all* jadi saya rasa kita mesti adakan perbincangan tentang bagaimana mengurangkan *exception* bagaimana menjelaskan pelaksanaan dan kita ambil berat

tentang perkara itu sebab saya menerima cadangan Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri untuk tiap-tiap minggu dia berjumpa dengan penjawat awam sebagai pelaksana akan membincangkan supaya tidak ada selalu *exception* jadi dengan cara itu pelaksanaan itu akan terus, jadi ini bukan satu perkara yang senang tapi kalau ini berlaku besok perjalanan negeri akan lebih baik, dan *rule* yang kita buat ialah *no reply means setuju* ha itu...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Pengurus dan Yang Amat Berhormat yang memberi jawapan maknanya *no reply* ada setujulah kita dah puas hati nampak ada *respond*, saya puas hati dan saya nak tambah di sini berkaitan dengan oleh kerana kita sudah sampai ke satu tahap....

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Seri Muda bangun..

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** mencelah sedikit, sedikit sahaja, setengah minit.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Sekarang ini oleh kerana kita dah ada *traffic light*, kita diarah yang lain tau, jadi saya begitu berat nak bagi...

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Sekejap saja kerana ini penting, susulan daripada jawapan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bahawa adalah *exception* itu pada saya begini bila begitu banyak sangat *exception* itu maksud ada sesuatu yang tidak kena dengan pelaksanaan dan juga polisi, jadi bagaimana cara Kerajaan Negeri untuk memastikan saya percaya apa yang cuba di buat itu ialah kerana permintaan daripada rakyat yang terbanyak, jadi sebagai sebuah Kerajaan Negeri yang dinamik, yang bersedia untuk berubah saya fikir Kerajaan Negeri mesti kena menerima ia sebagai satu proses untuk kita mengubah perkara-perkara yang terlalu birokrasi, birokratik ini kepada satu keadaan yang boleh diterima oleh seluruh masyarakat, terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Yang Berhormat Seri Muda, atas beri input tokok tambah supaya meminta pihak kerajaan lebih serius dalam konteks dan ahli-ahli dewan dalam usaha kita memperkasakan dewan Negeri Selangor ini dalam pentadbiran kita, dalam masa yang sama yang saya nak nyatakan dalam masa yang terhad ini mengenai reformasi kita kat dewan ini, sudah sampai satu tahap yang cukup baik tapi belum cukup dengan itu kerana ada satu permintaan sejak masa empat (4) tahun yang lalu, di mana kita ada dalam demokrasi iaitu prinsip, *democracy separate of power* pengasingan kuasa di mana kita minta dewan Negeri Selangor ini diadakan satu Rang Undang-undang Perkhidmatan Dewan Negeri Selangor dan nama seangkatannya

SELESA yang dulu kita bentang berapa kali minta berapa kali ramai EXCO yang tidak SELESA, yang tidak SELESA sampai yang cabut pun ada sampai ke seluruhnya jauh ke sana, dari sini tak selesa sampai ke sana pun ada, ada, ada saya bagi contohlah, bagi contoh ya, dan saya harap jadi contoh untuk memperkasakan dewan ini supaya dewan menjadi satu badan yang betul-betul perundangan yang betul-betul berwibawa dapat melaksanakan tugas dengan lebih profesional tidak dipolitikkan dan sebagainya dan dewan ini dapat menjaga kebaikan semua ADUN-ADUN dan sebagainya, jawatankuasa ini dapat diperkasakan kalau boleh pegawai-pegawai penyelidik di upah untuk bantu jawatankuasa-jawatankuasa, dan saya nampak dalam bajet kali ini permintaan dewan untuk RM500,000.00 untuk mengaji dan mengupah pegawai penyelidik di lakukan secara *one-off* pihak pegawai kewangan negeri ni kena timbang ini ada satu masalah ini kalau *one-off* maknanya tahun depan kena minta, kita kena jadikan satu dasar bukan sahaja RM500,000.00 saya minta kurang-kurang RM1 juta kita dapat komitmen kalau dapat bantu dewan dengan reformasi ini. Ha minta jawapan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Pertama, proses belanjawan yang saya telah terangkan, kita letakkan satu kumpulan wang yang kita anggap munasabah sebab kita belum tahu tentang penggunaannya, tapi kalau penggunaannya bertambah kita tambah lagi sebab kita dah ada *rolling budget* jadi kalau RM500,000.00 katalah habis dalam masa satu *one quarter* ataupun maknanya boleh jadi penggunaannya bukan RM500,000.00 tapi boleh jadi 2 juta itu sebab kita buat cara begitu, sebab kalau tidak bajet dua (2) juta kemudian ditanya kenapa tidak guna, jadi lebih baik diguna baru ditambah guna jadi *this is a new idea of management, management mesti guna kalau guna lagi tambah lagi jadi can be justify*.

Kedua, satu isu mengenai selesa yang kita bincangkan. Kita, saya dapati konsep itu *separation of responsibility power* itu memang sudah kita nak cuba laksanakan. Tapi saya rasa satu daripada perkara yang kita belum jelas ialah kalau di Kerajaan Federal, *the structure is very clear*. Tapi negeri, *the structure is not clear*. Saya telah minta beberapa pandangan sebelum kita buat ini daripada Penasihat Undang-undang Negeri, macam mana kita nak *wording the structure*. *The structure is not clear*. Jadi besok *the structure, we have our own budget, we have our own enter tee, we have our own* sebab negeri, masa perancangan perlombagaan, negeri punya tugas tak banyak. Dalam, negeri adalah *have full control on the land issue*. Yang lain tak ada. Itu sebab saya, kita akan teruskan insya-Allah kalau kita berjaya menawan Putrajaya dan di sini kita buat satu reformasi penyeluruhan.

**TUAN SPEAKER :** Sekejap, habis. Batu Caves.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SAARI :** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ucap terima kasih sebab sekali lagi berbahas dalam peringkat jawatankuasa. Dan saya ingin membahaskan perkara B03 505002. Perkara 27000 Bekalan Dan Bahan-bahan Lain sebanyak RM500,000.00. Terima kasih. Sebagaimana yang dimaklumkan oleh rakan saya, Pengerusi, sudah pasti ia memberikan sedikit kelegaan kepada kami Ahli-ahli Dewan dengan satu peruntukan yang dijelaskan sedikit sebanyak oleh Menteri Besar tadi iaitu ada peruntukan tambahan RM500,000.00 dalam bentuk *one off*. Dan harapnya dia boleh menjadi satu dasar walaupun saya rasa dasarnya masih lagi di peringkat percubaan pada pandangan Menteri Besar.

Pertamanya, saya dapat lihat selain daripada bekalan ini ataupun wang ini diperuntukkan untuk menambah kelengkapan bahagian kajian untuk Ahli-ahli Dewan agar memastikan kualiti fakta dan kualiti perbahasan Ahli-ahli Dewan dengan lebih baik. Saya dapat lihat perlunya untuk kita menginstitusikan beberapa jawatan-jawatan yang ada tetapi tidak begitu diinstitusikan. Yang pertamanya adalah tentang kedudukan Ketua Wib ya, Ketua Wib bagi Kerajaan. Saya rasa perlu ada pertambahan daripada segi pegawai, baik kelengkapan untuk memastikan Ketua Wib ini benar-benar dapat melaksanakan tugas dan termasuk membantu Ahli-ahli Dewan dan mungkin saya tak naklah tambah daripada segi pengkajian. Mungkin sebahagian daripada pegawai-pegawai *research assistant* dengan izin ataupun pembantu-pembantu kajian ini dapat diletakkan mengikut kepada jabatan yang pertamanya Pejabat Ketua Wib. Yang keduanya, pejabat Ketua Pembangkang. Saya rasa ini satu perlu dibuat juga walaupun kita daripada *Back Benchers*. Saya rasa sudah sampai masanya sebab saya dapat lihat di mana-mana Parlimen, Pejabat Ketua Pembangkang dibekalkan oleh pegawai yang mampu untuk membantu mereka dan ia juga dapat membantu jawatankuasa-jawatankuasa yang terlibat. Saya dapati ada sebahagian besar jawatankuasa-jawatankuasa tidak disertai oleh barisan pembangkang. Mungkin mereka tahu, mungkin mereka tak tahu atau buat-buat tak tahu. Tetapi dengan meletakkan pegawai-pegawai ini di Pejabat Ketua Pembangkang dan Pejabat Ketua Wib selain kalau ada masa sebenarnya di pihak Ahli-ahli Dewan Negeri sebenarnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagi pihak kami sebenarnya kita memerlukan seorang pegawai yang boleh membantu khas untuk Sidang Dewan. Sebab sebagaimana yang sedia maklum Dewan kali ini sangat berbeza dengan Dewan-dewan sebelum ini di mana kita terpaksa mengkaji beberapa prosedur yang melibatkan kerajaan dan bantuan melibatkan pegawai Pusat Khidmat banyak membantu di kawasan dan saya rasa tak banyak membantu untuk kita menganalisis data serta membawa serta meningkatkan kualiti dalam perbahasan Dewan mahupun dalam mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa-jawatankuasa yang telah dibabitkan. Saya minta maklum balas.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Pengurus, saya setuju tentang penambahbaikan, sokongan dari segi maklumat dan juga beberapa kajian sebelum perkara ini dibangkitkan dan dibincangkan di Dewan. Sebab saya tahu saya, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri walaupun dia bekerja 7 hari seminggu tetapi dia tidak, jika dia tidak ada mempunyai masa untuk menganalisa atau memahami tentang isu-isu terutama undang-undang dan isu-isu berkaitan dengan perkara tersebut. Jadi penglibatan dia agak terhad. Jadi saya terima dan telah melihat beberapa negara termasuk di ASEAN. Saya telah melihat di Indonesia sendiri Pejabat Ahli Dewan mempunyai bukan seorang tapi satu pejabat. Maknanya satu pejabat kumpulan. Di situ boleh jadi di Indonesia dia agak besar. Di Filipina saya tengok pun ada. Walaupun *structure* nya tak serupa macam kita dan juga di Thailand. Dia ada juga begitu. Jadi gambaran ini menunjukkan bahawa mesti menerima hakikat *the office of legislature, the office is call the office of legislature must be fully equip* dengan izin *to provide the knowledge of legislative discussion.* Itu yang paling penting. Tapi umpamanya sebagai contoh *the office of executive must be equip with to provide the implementation.* Tapi *of this of legislature.* Jadi macam kita nak bincang. Itu sebab fasal masalah air. Adakah kita nak buat satu perubahan tentang *amendment* fasal air? Tapi kalau tak ada *support* dari kajian apa semua, itu yang sebabnya kita asyik lulus saja. Lepas kita bergaduh kemudian. Jadi itu sebab saya fikir ini penting. Saya setuju tentang perkara ini. Walaupun saya tengok dari segi kenaikan bajet operasi Pejabat Dewan Undangan Negeri meningkat RM3 juta, 10% daripada kenaikan tersebut.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SAARI:** Terima kasih atas jawapan yang sangat, yang menjanjikan. Harap-harap dapat dilaksanakan sesegera mungkin. Yang keduanya, ialah berkenaan dengan tema kita sudah pasti adalah sebagaimana yang disebut tadi Selangor Peneraju Ekonomi Negara. Dan saya rasa cadangan kita dalam membawa peneraju kemajuan itu juga melihat kemajuan daripada sudut demokrasi. Dan salah satu daripada kayu ukur demokrasi ialah bagaimana operasi dan pengurusan Dewan. Dan dengan beberapa perubahan-perubahan yang telah dapat dilaksanakan, walaupun belum secukupnya daripada *traffic lights* sampailah kepada jawatankuasa-jawatankuasa yang terbabit, saya kira sudah sampai masanya untuk kita mengetengahkan ataupun kita menyampaikan kepada awam dengan lebih *comprehensive* dan juga dengan lebih menyeluruh berkenaan dengan perubahan dan pembangunan dan juga reformasi yang dilakukan oleh Dewan. Dalam beberapa perbincangan yang lepas disebabkan kekurangan modal kita telah mencadangkan sebagai contoh agar diadakan pertandingan bahas yang dianjurkan oleh Dewan Negeri Selangor. Kita boleh namakan dia sebagai Bahas Piala Sultan Selangor, Piala Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor ataupun Piala Menteri Besar Selangor dan sebagainya kita mungkin namakan itu tak kisah kita boleh lihat kepada keperluan. Tetapi dengan adanya ruangan ini kita dapat merapatkan golongan mahasiswa baik

dan juga golongan pelajar untuk terlibat dan *participate* dengan izin dengan lebih aktif dengan Dewan dan mereka memahami secara tidak langsung fungsi sebenar sebagai perwakilan dalam Sidang Dewan. Jadi tidaklah sebahagian Ahli-ahli Dewan kita masih lagi nak selesaikan longkang, sampah dan sebagainya yang tak sudah-sudah. Dan kita tidak mampu menyelesaikan masalah polisi dan dasar di mana kita memberikan pemahaman itu maksud saya kepada anak-anak dan juga pada golongan muda terutamanya tentang fungsi Dewan yang sebenar.

Kedua, berkenaan dengan publisiti juga, saya nak cadangkan supaya kita menggiatkan tentang penerbitan-penerbitan yang diterbitkan oleh Pejabat Dewan sendiri. Saya tahu ini cukup satu kekangan yang besar tapi kalau ada keperluan kita boleh mampu menambah RM500,000.00 ini, kita boleh tambah lagi dalam sesi Dewan yang akan datang. Sebagai contoh kita harus terbitkan untuk menjadi rujukan awam, penemuan-penemuan dan juga hasilan dapatan daripada SELCAT dan juga jawatankuasa-jawatankuasa yang berkenaan. Sebab saya kira walaupun ia dibuat di atas nama Kerajaan Negeri Selangor tapi sudah pasti dapatan-dapatan yang dibuat itu boleh menjadi rujukan kepada jabatan-jabatan kerajaan yang telah dibuktikan. Dalam laporan Audit berkenaan dengan satu cadangan daripada SELCAT dan cadangan SELCAT itu dijadikan sebagai salah satu para meter khusus untuk menangani tanah perkuburan kalau tidak silap saya. Dan dengan adanya *publication* ini ataupun penerbitan ini kita boleh menerbitkan makalah baik ataupun buku baik yang lebih *comprehensive* dan menjelaskan dan satu rangkuman yang boleh kita edarkan ke seluruh negara termasuk di perpustakaan-perpustakaan dan juga kepada kutub khanah – kutub khanah untuk mereka dan juga mereka-mereka yang terbabit ingin melaksanakan kajian dan sebagainya boleh dirujuk dan sebagainya.

Yang ketiga, sudah pasti naik taraf terhadap perubahan *website* ataupun laman sesawang Dewan Undangan Negeri agar lebih interaktif dan boleh menghubungkan rakyat secara terus sama ada dengan cadangan polisi ataupun cadangan-cadangan ataupun teguran-teguran berkenaan dengan kawasan ataupun masalah-masalah yang berkaitan politik dan negara dan juga kenegerian Negeri Selangor secara khususnya. Saya minta untuk maklum balas. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Pengerusi, saya ada satu komen sahaja yang saya nak tambah. Saya dapat juga di negara-negara yang sudah mengamalkan demokrasi dan cara pembangunan dewan perundangannya, dia juga ada menerima mahasiswa-mahasiswa yang datang bekerja dengan Ahli-ahli Dewan, yang ada latihan, *internship*. Jadi kalau itu, kita boleh adakan bajet supaya dia akan dapat membawa mereka memahami dengan cara yang terbaik dan juga dapat menentukan mereka juga mungkin berminat dalam usaha menjadi Wakil Rakyat dan juga menjadi apa yang

dipanggil Ahli Penggubal Undang-undang. Saya rasa selain daripada yang dikatakan oleh Batu Caves itu, jadi saya ingat ini pun kita boleh masukkan dan masukkan kemudiannya dalam satu bajet yang mana kita akan membawa Dewan ini *becoming very dynamic*. Walaupun Clinton agak tersilap dalam usaha ini tapi dia, tujuan asalnya akan membawa beberapa ramai termasuk Obama sendiri. Sebelum dia menjadi Presiden pun dia pernah ada mengalami isu *internship* ni.

**TUAN SPEAKER:** Habis dah Batu Caves? Oh ya, habis? Hulu Klang. Hulu Klang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Pengerusi. Saya ambil bahagian muka surat 256 B03 Aktiviti 505000 Kod Objek 35000 Harta Modal – Harta Modal Yang Lain-lain. Bagi peruntukan 2012, RM10.00, Anggaran 2013 RM10.00. Ini jumlah aset RM20.00. Apa yang nak saya bangkitkan adalah tentang pemerkasaan Dewan dan di mana Jawatankuasa-jawatankuasa Dewan semakin aktif. Dan masalah yang kami hadapi antara lain dari segi fizikalnya adalah kurangnya tempat mesyuarat. Bilik mesyuarat tak cukup. Kita ada 5, 6 jawatankuasa yang aktif, 1 sahaja bilik mesyuarat. Dan ADUN-ADUN juga memerlukan satu tempat yang selesa untuk mereka bekerja sebagai Ahli Perundangan Negeri. Di mana saya difahamkan usul untuk membina bangunan baru sudah diluluskan bernilai RM20 juta. Di bawa oleh Sekinchan disokong oleh Dewan Negeri. Dan dalam bajet kali ini tidak ada peruntukan pembangunan. Jadi apakan status dan apakan jawapan pihak Kerajaan tentang usul ini dan bilakah bangunan baru akan dibina? Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Pengerusi. Kita, EXCO Negeri telah cuba membuat beberapa persediaan dalam untuk mengembangkan harta tanah Pejabat SUK dan juga Dewan Negeri. Sebab kita ada mempunyai kawasan hampir 50 ekar untuk ini. Pada awalnya kita mula mengambil kira terdapat satu usaha yang membina SUK 2. SUK 2 sudah ada kita buat tapi kita juga sekarang meminta rakan-rakan penjawat awam daripada JKR untuk memikirkan tentang bagaimana bentuk Dewan yang akan dilakukan supaya menjadi satu kompleks yang kita akan wujudkan. Saya memikirkan perkara itu sebab hari ini saya nyatakan, ini untuk bukan masa kita tetapi masa hadapan. Salah satu dari pelaburan yang penting yang boleh kita gunakan daripada rizab negeri ialah membinanya sebab dia punya nilai akan bertambah bila kita bina. Tapi itu kita belum sampai ke peringkat, itu sebab kita buat persediaan berapa banyak yang kita nak buat. Jadi, daripada kajian awal yang dibuat oleh Setiausaha Kerajaan Negeri bersama dengan JKR, pembinaan kita akan menelan belanja hampir RM500 juta. Jadi itu sebab saya kata tunggu dulu, kita kaji dulu sebab kalau itu berlaku maknanya dekat mana nak dapat dana untuk membuatnya. Jadi itu sebab saya nak nyatakan pada Hulu Klang kita sudah mula membuat kajian tentang berapa banyak, berapa besar yang kita lakukan. Di samping mengambil kira kalau kawasan ini sudah

sampai lebih daripada RM3juta dia punya *usable space*, bagaimana pengaliran *traffic* yang mesti kita lakukan. Bagaimana kita boleh membawa apa yang dipanggil *public transport into system*. Semuanya sudah mula saya tanya dan mula difikirkan supaya sebelum kita berjumpa dengan Ahli-ahli Dewan untuk menerangkan beberapa cadangan kita untuk ini. Dan in sudah setengahnya sudah dilakukan dan ia melibatkan belanja kita hampir RM50,000.00 untuk memanggil *expert* datang berbincang. Jadi itu akan kita hebahkan apabila sampai masa yang kita memberikan maklumat yang munasabah dan boleh dibincangkan kepada Ahli-ahli Dewan.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Minta izin Hulu Klang. Setengah minit boleh? Tentang bangunan?

**TUAN SPEAKER:** Ia, sila-sila.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tak boleh?

**TUAN SPEAKER:** Dah habis? Kalau

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Bangunan-bangunan

**TUAN SPEAKER:** Yang, dah habis dah tak ada?

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Sikit saja tambah. Berhubung dengan bangunan Tuan Pengerusi,

**TUAN SPEAKER:** Sila, sila. Sambungan, baik

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Kita minta perhatian bukan sahaja dari segi jumlah dan keluasan tanah tetapi fikirkan juga dari segi nilai estetika yang mempunyai unsur tradisi moden. Kalau kita tengok bangunan yang kita ada ni sekarang, kita tengok ni elemen apa? Moden sangat pun tidak. Sini nampak roman. Tak ada elemen tempatan. Unsur bangunan tradisi. Kita dah ada rumah-rumah tradisi yang telah kita temui. Kita ada elemen Bugis, elemen moden. So, saya harap PADAT berharaplah difikirkan elemen-elemen estetika kombinasi antara tradisi, moden dan mungkin Islamik sikit ya. Jangan dibuat saja-saja tak ada keharmonian di tempat kita ya. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Pengerusi, itu dah sudah kita ambil kira. Saya, kalau kita ada masa saya akan bentangkan pamerkan lebih daripada 7 *presentation* yang kita ambil kira. Jadi, adanya ada yang bagus, ada yang tak

baguslah. Tapi daripada segi itu kita sudah, sudah lakukan. Ini bukan bererti *finale* tetapi itu memberi peluang untuk kita menambah nilai tentang itu. Ada yang saya ingat terlalu *very cultural*. Ada yang terlalu *very modern*. Jadi ada. Jadi kita, saya rasa banyak manfaatnya sekarang. Maknanya bukan kita ambil hanya panggil untuk duduk berbincang. Mereka *spend a lot of man hours* untuk ini. Hanya yang saya tidak dapat ialah saya juga berfikir kalau Negeri Selangor ni nak jadi negara maju. Kadang-kadang arkiteknya pun mesti *international class*. Saya bercadang untuk meminta arkitek dengan namanya Zahar Hadik. Tapi terlalu ego. Dia kata Selangor dia *too small for her*. Tapi boleh jadilah, itu. Nanti kita tunjukkan mana dia, Zaha Hadid. Iraqi Arkitek tapi berpusat. Iraqi, Iraqi, Iraqii. *She knows me but Hiraki*. So, tengoklah kita tunjukkan pada dia bagaimana kita melakukannya.

**TUAN SPEAKER:** Untuk pengetahuan Yang Berhormat di atas ni adalah Bunga Tanjung, bunga Selangor. Yang 9 kelopak itu melambangkan 9 Daerah Selangor.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Dia tenggelam. Kalau kita tengok luar kita tengok roman tak nampak Bunga Tanjung ni. Kalau di luar ada sikit Bunga Tanjung ada sikit bentuk Bugis. Ni duduk dalam kita saja. Saya pun tak berapa nampak

**TUAN SPEAKER:** Tapi ini semua ada ni. Semua, semua Bunga Tanjung semua ni. Di atas dinding semua Bunga Tanjung. Cuma mungkin Yang Berhormat tak perhati, tak perhatian ya. Ia, Bukit Antarabangsa.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya ingin juga menyertai perbahasan di peringkat Jawatankuasa. Dalam Bekalan B03 Dewan Undangan Negeri yang menyaksikan pertambahan peruntukan tambahan daripada RM18.1 juta kepada RM21.5 juta. Dan sekiranya kita merujuk kepada butiran khusus 505000 Kod Pentadbiran dan Kewangan, ianya juga menyaksikan pertambahan sebanyak RM2 juta daripada RM16.1 juta kepada RM18.1 juta. Saya yakin pertambahan peruntukan yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri ini bertujuan untuk memenuhi hasrat dan aspirasi rakyat Negeri Selangor khususnya untuk menjadikan Dewan yang mulia ini bertaraf kelas dunia. Berteraskan amalan ketelusan, kebertanggungjawaban dan juga keupayaan. Dan sudah tentulah hasrat murni ini juga bertujuan untuk memakmurkan dan menyuburkan prinsip dan amalan demokrasi di Negeri Selangor. Berbeza dengan kenyataan bekas Presiden UMNO pada hari ini yang menyatakan demokrasi ini ataupun amalan demokrasi ini *will trigger vicious circle of instability*. Ini satu kenyataan yang saya kira tidak bertanggungjawab di mana Tun Dr. Mahathir mengatakan sekiranya kita menyuburkan amalan demokrasi, negara itu akan menyebabkan ketidakstabilan dan kehancuran. Sebenarnya kepimpinan diktator dan perasuahlah yang menyebabkan negara ini akan hancur. Maka saya mengalu-alukan

tindakan Kerajaan Negeri untuk menyuburkan amalan demokrasi bermula di Dewan Negeri dan kita telah menyaksikan selain daripada pembentukan PAC ataupun *Public Account Committee*. Negeri Selangor juga telah mendahului negeri-negeri yang lain dengan pembentukan SELCAT yang bertujuan untuk memastikan penggunaan dana awam dibelanjakan secara bertanggungjawab dan Alhamdulillah diikuti oleh Negeri Pulau Pinang. Dan sekarang kita juga telah mewujudkan Jawatankuasa PADAT dan Jawatankuasa PBT untuk sama-sama kita memantau bagaimana Pejabat-pejabat Daerah dan Tanah seluruh Negeri Selangor dan juga PBT dapat memastikan kutipan hasil itu dapat ditingkatkan dan juga tunggakan hasil itu dapat dikurangkan dan semua kejayaan ini dapat kita saksikan semenjak pembentukan Jawatankuasa PADAT dan juga Jawatankuasa PBT. Begitu juga Jawatankuasa ABAS yang membantu melihat kemajuan anak-anak syarikat dan juga agensi berkanun di dalam Negeri Selangor. Justeru itu dalam sesi yang kita sedang hadir pada hari ini menyaksikan begitu banyak laporan dan pernyata dibentangkan. Begitu tinggi dokumen-dokumen yang dibekalkan kepada setiap Ahli-ahli Yang Berhormat. Tetapi yang saya agak rasa kurang senang ialah apabila kita *Google* Dewan Negeri Selangor, dan kita cuba melihat kemajuan yang telah dipamerkan dalam Portal Dewan Negeri Selangor amat mendukacitakan. Kali terakhir maklumat di *update* dan dikemaskin ialah pada tahun 2011. Sudah banyak sesi berlangsung pada tahun ini, tidak ada usaha-usaha untuk mengemaskinikan. Dan kalau kita cuba *search hansard* Dewan yang terakhir ialah 2011. Sedangkan banyak perbahasan telah berlangsung pada tahun 2012 tidak dimuatkan di dalam Portal Dewan Negeri Selangor dan sudah tentulah saya kira ini amat mendukacitakan dan tidak seharusnya berlaku dalam usaha kita untuk memenuhi aspirasi rakyat. Saya percaya sekiranya ada usaha untuk memberikan fokus dan tumpuan untuk mengemaskinikan Portal Dewan Negeri Selangor ini sesi yang sedang berlangsung dapat diikuti secara terus oleh rakyat Negeri Selangor dan juga di seluruh negara. Sebagai contoh, pernyata-pernyata yang kita bentangkan di dalam Dewan Negeri yang sedang bersidang harus dimaklumkan kepada rakyat keseluruhannya. Soalan-soalan yang dikemukakan, ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ketika membentangkan Belanjawan 2013 harus diikuti. Kesemua ini sehingga hari ini belum lagi dimuatkan dalam Portal Dewan Negeri Selangor.

Yang keduanya, saya ingin mendapat penjelasan daripada Kerajaan Negeri dengan sistem baru yang diperkenalkan sekarang di mana Ahli-ahli Yang Berhormat dibenarkan untuk bertanya terus kepada Dato' Menteri Besar ataupun EXCO yang bertanggungjawab dalam tempoh 15 minit. Satu pendekatan yang baru, yang saya kira baik dan memberi ruang yang cukup luas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengangkat suara rakyat tetapi saya kira tidak adil kalau segala-galanya dibebankan kepada Dato' Menteri Besar ataupun EXCO yang berkenaan. Kerana kita juga tidak mengharapkan mereka boleh menghafal semua fakta dan data yang diperlukan oleh

Dewan ini. Maka saya ingin mencadangkan supaya ada bantuan secara langsung daripada Ketua-ketua Jabatan ketika soalan diajukan kepada EXCO yang berkenaan. Saya mencadangkan supaya Ketua-ketua Jabatan secara pro-aktif bersedia untuk menyalurkan secara terus beberapa angka fakta supaya jawapan yang bakal diberikan oleh Dato' Menteri Besar dan EXCO itu menepati hasrat Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mendapatkan jawapan. Apa yang berlaku di dalam Dewan Rakyat dalam pengalaman singkat saya, saya melihat ketika sesi penggulungan itu khususnya di peringkat Jawatankuasa, Bentara diletakkan berdekatan dengan Ketua-ketua Jabatan. Jadi bila ada soalan diajukan kepada Menteri ataupun Timbalan Menteri Ketua-ketua Jabatan akan membantu memberikan beberapa fakta dan Bentara akan terus menyalurkan kepada Timbalan Menteri dan Menteri yang berkenaan supaya jawapan yang diberikan itu benar-benar mantap dan kukuh dan bukan retorik politik di dalam Dewan Rakyat dan saya harap ianya tidak berlaku di Dewan Negeri ini. Jadi

**TUAN SPEAKER:** Tapi kita ada sediakan lebih maju lagi komputer disambungkan semua, ia kepada semua Ketua Jabatan. Cuma pakai tak pakai itu soal lain. Tapi memang disediakan kemudahan ini.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Ok, jadi saya mengharapkan pemakaian itu dapat dimanfaatkan dan tidak menghantar mesej yang selain daripada yang diperlukan ya.

**TUAN SPEAKER:** Itu di luar kawalan kita.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN B. ALI:** Jadi saya, saya ingin mencadangkan kalau dipersetujui oleh Kerajaan Negeri dan juga Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri memohon jasa baik ketua-ketua jabatan untuk membantu EXCO yang memberikan jawapan supaya fakta dan angka itu dapat dimuatkan dalam jawapan kerana ini penting dalam perbahasan peringkat jawatankuasa yang seperti kita lakukan sekarang. Terima kasih tuan pengerusi.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Pengurus pertama saya menerima teguran tersebut tapi untuk makluman Portal kita memenangi hadiah portal-negeri yang terbaik. Jadi itu adanya kita belum sampai satu standard, maknanya kita *updating* itu sajalah tapi daripada segi hadiah Negeri Selangor ialah antara portal yang termasuk dalam *Prime Minister's Award*.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN B. ALI:** Saya tidak faham bagaimana portal yang tidak *update* dan kemaskini boleh menang hadiah. Saya ingat perlu dilakukan audit dan siasatan .....

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Maknanya dia punya *timing of updating* tu yang saya rasa dia...dia..update mengikut macam bulan...a...31hb. Tahun lepas semua rekod dah ada. Tapi untuk bulan 12 dia akan *update* begitu, tapi, permintaan masyarakat bukan begitu kita *update continuously*, maknanya tak boleh itu, jadi ...tapi....menang juga kita....

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH ISMAIL:** Mohon mencelah, mohon mencelah, saya ingin betulkan yang menang itu Portal Negeri Selangor bukan Portal Dewan Negeri Selangor, lain sikit.

**TUAN SPEAKER:** Tapi Portal Dewan di bawah Portal Selangor

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH ISMAIL:** *Link dia, link dia, ya betul....*

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Yang itu kita terima, kita terima betulkan balik, *updating* mesti sesuai. Kedua saya sendiri tidak banyak sebab pegawai petugas awam ada bersama saya. Saya terima kalau, macam semalam kita bincangkan pasal isu *parking* bertingkat di Subang Jaya. Dia ada jawapan dah. Saya terus saja *online* jawapan tapi ada saya terima ada saya tak terimalah, umpamanya *parking* Petaling Jaya telah dibawa ke MTES dan kita putuskan MPSJ buat. *So its already in*, but saya pun tak jawab, jadi maknanya *I'm interactive*, maknanya itu, jadi kita kena latihlah, *we are very interactive*, jadi, dan saya setuju kita mesti membagi *empowerment* pada penjawat awam untuk sama-sama merasakan mereka terlibat terus dalam membuat keputusan dan melibatkan pembangunan Negeri Selangor. Itu saya boleh terima. Jadi saya ingat kita teruskan usaha ini tapi saya, saya ada dua saya pakai, satu ialah IPad, satu ini. Saya sekarang lebih *comfortable* dengan IPad itu sebab IPad ni saya boleh *carry*, yang ini saya tak boleh. Itu saja, tapi daripada segi maklumat kita boleh dapat terus. Jadi saya harap kita teruskan lagi peningkatan dalam usaha ini.

**TUAN SPEAKER:** Baik Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Terima kasih Tuan Pengurus. Kajang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan berkaitan dengan B03 iaitu bawah butiran 505000 Pentadbiran dan Kewangan. Dan Kajang ingin menumpu perhatian pada jawatankuasa PAC khasnya dan juga berkaitan dengan penyata-penyata. Kajang ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli PAC yang telah menyumbang pada kejayaan dan juga pelancaran kerja-kerja meneliti akaun-akaun dan juga pentadbiran di dalam kerajaan. Selain daripada ahli-ahli yang diwakili oleh ADUN-ADUN Kajang ingin ambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada

pegawai-pegawai jabatan Audit, Kewangan dan juga Setiausaha Dewan. Malangnya dalam perjalanan PAC selama ni memang kita dapati wakil ahli daripada Pembangkang tidak hadir, tidak hadir, ya. Dan sepatutnya Pengerusi PAC harus disandang oleh pihak pembangkang dan Kajang hanya menyandang jawatan ini buat sementara. Dan Kajang berharap dan dalam penggal yang akan datang pihak pembangkang siap bersedia menyandang jawatan ini.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Bagaimana Kajang?

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Ok....

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Kajang. Saya ingin bertanya kepada Kajang, bagaimana pembangkang boleh menjadi Kerajaan Negeri Selangor kalaualah mereka tidak dapat memainkan peranan anggota jawatankuasa PAC dengan tepat bagaimana mereka dapat mentadbir Kerajaan Negeri Selangor kalau sekadar menghadiri mesyuarat pun mereka tak mampu.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Begitulah pendapat Kg. Tunku dan juga kita dapati memang, memang kalau jawatan itu memang tidak mendatangkan apa-apa yang lumayan dan hanya kerja-kerja yang melibatkan masa dan juga menempuhkan apa yang dikatakan kesusahan memang agaknya mereka tidak berminat dalam kerja-kerja sebegini. Dan, bawah PAC juga dan juga kita dapati juga tadi ada ahli-ahli yang lain yang menyatakan berkaitan dengan penyata-penyata yang dibawa di dalam Sidang Dewan. Kajang ingin menyentuh berkaitan dengan apa yang dibawa dalam syor-syor dalam penyata-penyata syor-syor yang dibawa dan penyata-penyata daripada jawatankuasa-jawatankuasa bawah Dewan ini dan syor-syor ini dituju pada pihak Kerajaan iaitu pihak EXCO dan juga pihak jabatan-jabatan. Memang jawatankuasa PAC, ABAS, PADAT, PBT semuanya membawa penyata dan membuat penelitian, penyiasatan atas kes-kes akan tetapi kami merasa agak kecewa syor-syor yang dibawa oleh jawatankuasa-jawatankuasa memang kurang dapat perhatian daripada jabatan-jabatan dan pihak kerajaan. Jadi terpaksa, terpaksa jawatankuasa sentiasa memantau walaupun kes itu sudah diteliti tapi syor-syornya tidak dilaksanakan dengan memuaskan. Maka jawatankuasa-jawatankuasa terpaksa setiap kali bermesyuarat kena timbul kes-kes lama yang belum selesai dan syor-syornya tidak dilaksanakan dengan sepenuhnya. Maka kita berharap pihak kerajaan dapat terus memantau dan memandang penting syor-syor yang dibawa oleh jawatankuasa-jawatankuasa. Perkara kedua terlibat dengan pentadbiran, dengan kewangan iaitu memanglah kita dapat setiap kali kita datang bersidang ADUN-ADUN, EXCO-EXCO datang bersidang dan

*allowance* bersidang setiap hari memang terlalu rendah. Dan kita dapati hanya RM75.00 satu hari. Memang...sudah...sudah meningkat atau tidak, tapi tidak ada...Jadi kita memang rasa ini satu *allowance* yang terlalu rendah ya terlalu rendah

**TUAN SPEAKER:** Berapa nak minta....*straight to the point*, berapa nak minta....

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Kita minta, kita bagi peluang kerajaan untuk menentukan.

**TUAN SPEAKER:** Itu yang susah,bagilah cadangan senang.....

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Dia kalau tidak pun dia patut sekali ganda bagilah. Bukan saja kerana *allowance*, dari segi jumlah, jumlahnya tapi dari segi kita menganggap datang bersidang ini memang sesuatu yang memang dari segi *profesionalisme* dia dari segi martabat dewan ini jadi kita mesti bagi penilaian sepatutnya.....

**Y.B, PUAN HAJAH HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Kajang, Taman Medan Mencelah

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Ya, terima kasih.

**Y.B, PUAN HAJAH HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Adakah Kajang tahu bahawa *allowance* hadir mesyuarat bagi Ahli Dewan Negeri lebih rendah daripada Ahli Majlis MPPJ.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Ya memang, setuju sangat, setuju sangat. Boleh kita buat satu survey semua PBT-PBT *allowance* Ahli Majlis lebih tinggi daripada ADUN. Jadi kita harap memang patut...ada cadangan daripada Seri Muda walaupun tak panggil ya...cadang RM500.00

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE B. ABU BAKAR:** Kajang boleh celah sikit, terima kasih Tuan Pengurus oleh kerana elau hadir mesyuarat pihak ahli dewan ni terlampau kecil kita nak membuat tuntutan pun berasa tak berbaloi. Banyak yang kita tak buat, sebenarnya banyak kita tak buat tuntutan. Sebenarnya tak perlu kita buat sebab kita hadir tiap-tiap kali kita tandatangan pihak Dewan tahu di mana kita duduk. Sebenarnya hadir mesyuarat ni boleh dibayar secara *direct*. Erti lepas daripada tu dikira berapa dia datang sebab ada tandatangan dah kan. Kita datang dan bayar. Kalau tidak kita dah buat tuntutan, kebanyakan saya tak buat tuntutan dia mesti dalam dua minggu lepas daripada tu mesti buat tuntutan. Kita sibuk dengan yang lain, tak kisah lah kita, tak apalah tak buat tuntutan ya, tapi kalau dibayar *direct* kita dah tandatangan itu dah patutlah, yang lain-lain tak apalah kita pergi melawat sana itu dia tak tahu. Ini kita dah

datang ke Dewan tandatangan tiap-tiap pagi bayar terus saja tak payah kita buat tuntutan. Tak padan dengan tenaga kita nak kira nak upah itulah....tak payah kita nak buat tuntutan, bayar sahaja. Terima kasih. Dengan harga yang barulah bukan dengan harga yang lama. Kalau yang lama pun rasa tak berbaloi juga.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Okay Bangi, terima kasih Bangi.

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYANAM:** Kajang, mencelah. Juga untuk menggalakkan semua hadir yang tengok saya lihat ramai daripada Barisan Nasional tidak hadir mungkin disebabkan elaun terlalu rendah.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih kepada Kota Alam Shah. Okey.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Jangan cuba nak buat provokasi, kita pun tak pernah pun minta pun fasal kita faham.

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYANAM:** Tetapi tidak hadir sebab terlalu rendah, sebab tak mahu hadir.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Tuan Pengurus, Kajang ingin balik ke perkara yang sama. Memanglah pihak Kerajaan harus bagi pertimbangan yang serius ya memandangkan keadaan sekarang ni tak begitu padan ya selaras dengan apa sumbangan apa ahli-ahli ADUN yang datang bermesyuarat. Selain daripada tu allowance ke luar negara ya, waktu ke luar negara ada lawatan sambil belajar ataupun lawatan kerja. Allowance untuk ADUN setiap hari RM100 kadang-kadang kita nak...lepas seminar makan malam tu kita tanggung sendiri. Pergi negara yang....ini apa ni....dia...perbelanjaan yang tinggi kita sendiri takut nak belanja. Makan pun makan di *hawker stall* ataupun makan di...makan di tempat ya nasi campur ya....kita pergi Australia makan nasi campur ya.(ketawa...) Jadi kita juga harus pertimbangkan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya, memandangkan masa sudah cukup, diberi masa lima saja...lima minit saja.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ya, Dato' Pengurus, saya menerima rintihan dan teguran. Kedua, ini cadangan saya, saya telah minta syarikat-syarikat yang adakan perjumpaan Ahli Lembaga Pengarah. Dia terus bayar selepas *meeting*. Dia tak ada bayar tunggu *claim*. Dia bayar terus. Dia tak ada lagi dia *sign* dia bayar. Itu boleh sebab tak ada susah untuk melaksanakan. Yang lain tu ialah *paperwork*. Dia dah datang dia *sign* rekod dia bayar. Jadi itu pun boleh kita lakukan. Kedua, berapa jumlah yang munasabah dia di...di...saya dapati di sektor swasta dan sektor Kerajaan di

Persekutuan pun tidak kurang daripada RM300.00 satu *meeting*. Saya kalau orang nak terima RM75.00 saya terima saya tak pernah menolak tapi kurang daripada RM300.00. Kita boleh buat *standard* itu. Tapi di Peringkat Antarabangsa dia *perday* itu dia mesti tidak kurang daripada 150 *US dollar*. Mesti 150 *claimable* tapi kalau makan malam dia boleh *claim out of pocket* dia panggil *claim*. Tapi itu kena *claim*, yang 150 *US dollar* itu *is cash, is a cash thing*. Jadi ini boleh kita bincangkan untuk penambahan.

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM:** Dato' penambahan untuk mencelah.

**TUAN SPEAKER:** Tidak dia mencelah. Tidak boleh mengikut Peraturan yang baru bila pihak Kerajaan tak ada peluang untuk menjawab semasa ADUN berucap maka masa Kerajaan jawab tak boleh celar. Tolong baca perintah.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Okey, yang itu kita cuba dan saya rasa Kerajaan Negeri mampu untuk melaksanakan apa yang di kita katakan perbelanjaan-perbelanjaan sebegini.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B. 3 – iaitu wang sejumlah RM21,495,860.44 untuk Kepala B.3 Dewan Negeri Selangor menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B. 4 – Perbendaharaan Negeri RM64,419,934.00.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B. 4 – iaitu wang sejumlah RM64,419,934.00 untuk Kepala B.4 Perbendaharaan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B. 5 – Caruman kepada Kumpulan Wang Berkanun RM120.00.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B. 5 - iaitu wang sejumlah RM120.00 untuk Kepala B.5 Caruman kepada Kumpulan Wang Berkanun, menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B. 6 – Caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri, RM633,019,310.00.

**TUAN SPEAKER:** Ya, silakan Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih Tuan Pengurus, Kajang merujuk kepada B. 06 dan juga Butiran muka surat 283, Butiran 509000 Kumpulan Wang Pembangunan khasnya tumpu pada Emolumen dan Perkhidmatan. Berkaitan dengan Jabatan Perhutanan Kajang mendapati alasan yang diberi oleh Jabatan Perhutanan sewaktu berlakunya pencerobohan dan juga penebangan balak, baik balak di hutan bakau atau pun balak di hutan adalah kerana kekurangan dari segi kakitangan, kakitangan yang dapat memantau dengan cekapnya jadi akibat daripada itu memanglah adanya pencerobohan yang berlaku. Maka Kajang bercadang sama ada Kerajaan dalam bajet ini akan menambah lagi dari segi bilangan pegawai-pegawai yang dapat memastikan kecurian, balak dan penebangan haram tidak berlaku di Negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Pengurus untuk tahun ini kita juga sertakan senarai perjawatan Selangor. Kita ada senarai perjawatan supaya kita tahu berapa ramai dan ganjaran dia pun kita telah berikan. Ini bukan untuk tujuan Dewan tetapi untuk tujuan penjawat supaya tahu kekuatan dan kekurangan kita dalam usaha melaksana. Saya juga berpendapat ada beberapa perkara kita juga tidak untuk dalam keadaan apa yang dikatakan perlu penyertaan saya telah meminta pegawai penjawat supaya kita sediakan untuk menerima konsep kontrak staf supaya dapat dipercepatkan. Tapi kalau mengikut perjawatan dia agak lambat dia kita adakan usaha untuk menerima kontrak staf walaupun konsep ini agak boleh jadi disalah gunakan sebab ada mereka jadi kontrak staf sampai berpuluhan tahun itu sebab kita kena fikirkan tapi untuk jabatan-jabatan tertentu. Dalam keadaan-keadaan tertentu kita harus laksanakan, tetapi mengenai hutan saya mengambil masa sedikit, saya nak terangkan kita mesti gunakan teknologi. Untuk menghantar pegawai-pegawai melihat hutan memang tak boleh Jadi ada teknologi yang diberikan dan di sekarang Kerajaan Persekutuan membelanjakan peratus juta untuk teknologi iaitu dia boleh ambil gambar hutan-hutan itu dalam *short very detail* tapi kita boleh dapat gambar itu dan seminggu kemudian dia ada lagi gambar dia boleh terangkan sama ada hutan itu di ceroboh atau tidak. Jadi dengan cara itu kita menggunakan teknologi itu *specific* untuk perkara tersebut. Jadi tak payahlah kita tunggu pegawai kita masuk ke dalam hutan untuk cari sebab dah ada. *This technology* jadi saya dah nak bincang bagaimana *we want to use GIS Technology in order to* memantau. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Kajang suara Yang Berhormat juga kalau bercakap pun boleh di rekod dalam *sensing* tersebut. Jadi kalau itu boleh berlaku kalau Selangor setuju untuk guna *technology* ini jadi dipanggil *Civilian*

*Centre Control* jadi kita boleh *control* itu, itu salah satu daripada usaha yang mungkin kita boleh lakukan.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Baik terima kasih. Kajang nak sentiasa nampak lori-lori balak yang membawa balak yang banyak masuk ke kawasan Selangor. Mungkin ianya dari negeri lain jadi apakah jalannya kita dapat memastikan balak-balak ini bukan daripada Negeri Selangor satu dan keduanya di TKPM Batangsi, di Hulu Semenyih memang ada satu tapak, tapak Perhutanan yang telah diterokai dan balak yang telah ditebang tebas dan dijual dan tapak itu pula dijadikan satu Taman dan dikatakan pihak Rela yang menerokai tempat ini dan dijadikan Taman Pertanian jadi masalah pemantauan kenapa satu tapak yang begitu meluas, tapak ditebang tebas dan tidak ada tindakan. Pihak Perhutanan dan juga pihak Kerajaan dapat mengambil tindakan sebegini. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Pengerusi saya tidak mempunyai maklumat tentang perkara ini. Satu yang paling jelas apabila tanah hutan itu sudah digazet dia tidak boleh disalah gunakan. Maknanya dia tidak boleh lagi jadi itu sudah ada maknanya Pegawai Hutan kalau dia tidak membetulkan perkara ini dia tidak menjalankan tugas tapi saya tak tahu yang keadaan yang tanah hutan yang sudah dicerobohi. Buat masa ini saya diberitahu tak ada tanah hutan yang sudah digazet dicerobohi. Jadi saya akan semak tentang perkara ini.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Tambahan Kajang, saya rasa Kajang juga bersama saya ke kawasan tersebut ke Lawatan Rombongan dan saya ke Hulu Langat. Setelah maklumkan kepada Pejabat Hutan dan maklumkan kepada Pejabat Tanah supaya hentikan kerja-kerja tersebut tidak ada Agrotek Rela yang kita benarkan dan kita pastikan kawasan sebelah itu dikawal dan supaya tidak di ceroboh semula. Memang dia agak ke dalam Yang Berhormat yang agak ke dalam jadi mungkin pegawai-pegawai juga tidak dapat masuk dan sebut. Tapi saya maklumkan bahawa tidak ada lagi dan kita hentikan kerja-kerja pencerobohan dan kerja tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B. 6 Caruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri. Jadual B. 6 iaitu wang sejumlah RM633,019,310.00 untuk Kepala B. 6 Caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B. 7 – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri RM1,101,735.70.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B. 7. Ya sila.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Kajang ingin merujuk sekali lagi kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri berhubungan dengan Pengurusan dan juga Butiran 505000 Pentadbiran dan Kewangan. Berkaitan dengan Pegawai, Pegawai bawah Perkhidmatan Awam Negeri di mana ianya di *seconded* daripada Kerajaan Pusat dan Pegawai-pegawai yang dimasukkan dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri ini, adakah ianya boleh ditukar dan ditukar dalam masa 24 jam misalnya. Adakah kita syaratkan ianya mesti ada tempoh khidmatnya sekurang-kurangnya berapa lama atau pun bila kah ianya tak boleh dipindahkan sesuka hati pada sekian, sekian waktu tertentu. Gunakan contoh misalnya Pengarah Kewangan PWN ditukarkan keluar waktu hujung tahun bersama dengan Timbalan, Timbalan Pengarah Kewangan juga ditukarkan pada masa yang sama, ia akan menimbulkan masalah dalam hujung tahun waktu perancangan bajet belanjawan untuk tahun yang akan datang. Jadi dalam keadaan ini adakah kita mempunyai syarat-syarat tertentu apabila seseorang pegawai pusat diletakkan di dalam Kerajaan Negeri. Sekian terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Pengerusi saya ingin jelaskan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri ialah pegawai-pegawai rendah dan dia termasuk dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri tak ada termasuk dalam Jabatan Perkhidmatan Awam. Satu yang Jabatan Perkhidmatan Awam ada pegawai-pegawai dalam Negeri-negeri *Federated* maknanya Negeri-negeri Selangor, Negeri Sembilan, Perak dan Pahang menerima pegawai perjawatan awam sebagai Pegawai-pegawai dalam Negeri. Jadi itu satu yang ini yang kita katakan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor ini ialah penjawat-penjawat rendah yang dia tidak boleh keluar, dia bekerja untuk Negeri Selangor dan isu yang dibangkitkan oleh Kajang mengenai pertukaran pegawai-pegawai di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam, saya rasa Kajang mempunyai alasan yang penting ialah iaitu pertukaran yang tidak dirancang sepenuhnya akan diserap *management* yang itu yang paling penting. Tapi saya boleh jadi Jabatan Perkhidmatan Awam tidak melihat cara begitu sebab dia boleh tukar-tukar orang dengan cara cepat. Jadi saya telah mengadakan beberapa perbincangan supaya kita pelan *the sub-section for* pegawai-pegawai kita boleh menahan pegawai duduk di sana sehingga berpuluh tahun. Jadi sampai dia 3 tahun kita ada *sub-section*. Jadi kita punya perancangan adalah perancangan yang berterusan itu yang kita lakukan. Jadi kita belajar daripada pengurusan-pengurusan jadi ada masalah antara *eksekutif* daripada JPA dan kepada kehendak kita. Jadi saya rasa *human research management* untuk di Negeri Selangor ini perlu diperbaiki dan dijaga semula.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Pengerusi. Bangi ingin bercakap di bawah 505000 Pecahan 11000 kita menerima aduan dan rintihan terutama dari kalangan guru-guru agama yang mereka diletak di bawah sebagai tenaga sementara. Tidak bolehkah mereka ini begitu juga di PADAT sendiri ramai yang diletak di bawah sebagai sementara tidak adakah kemungkinan mereka ini diserap menjadi tetap. Yang kedua tentang jumlah elauan yang terlalu rendah tetapi kita berterima kasih lah macam guru agama dulu daripada RM700.00 kita dah naik RM1,000.00 tapi RM1,000.00 itu masih di bawah paras kemiskinan. Tidak mungkin juga mereka ini diberi peluang naik lagi sedikit dari segi pendapatan mereka. Satu lagi kami dipesan oleh para Nazir masjid-masjid lah mereka ini sekarang ini digelar Nazir RM200.00 bererti elauan sebulan RM200.00 kasihan mereka ini memanglah ikhlas bekerja di masjid tapi dengan elauan dengan RM200.00 satu bulan boleh beli apa gula, susu dan teh sahaja. So beri perhatian juga kepada Nazir-nazir masjid supaya adalah sikit kenaikan yang munasabah pada mereka. Tapi pokoknya mana-mana jawatan di Negeri Selangor yang berkemungkinan boleh diperingkatkan dari sementara kepada tetap barang kali boleh menenteramkan hati mereka, mereka boleh bekerja dengan tenang dan ada jaminan untuk keluarga pada masa hadapan. Kita pernah berdepan dengan tenaga-tenaga kerja Penguat kuasa di JAIS pernah mengadukan kita mereka pernah bekerja dekat 30 tahun sampai notis untuk sampai tempoh berhenti. Gelabah mereka kereta tidak bayar, keluarga, rumah, insurans tidak dapat bayar berhenti kerana bukan jawatan tetap. So kita harap ada pertimbangan kemanusiaan kepada mereka yang berada dalam keadaan sedemikian.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Pengerusi ini beberapa contoh bagaimana *human research management* kita tidak begitu mantap walaupun ada beberapa usaha untuk menyelesaiannya. Satu saya ingin mengadakan perbincangan polisi yang kita mesti buat. Kalau seseorang itu sudah bekerja 10 tahun kita *have to decide* sama ada kita perlukan dia atau tidak perlukan dia. Kalau perlukan dia akan dapat pekerjaan tetap tidak payah lagi kontrak bertahun-tahun. Jadi kalau itu maknanya kita adil sama ada jadi. Jadi kalau kita boleh macam itu kita maknanya tidak ada lagi satu polisi tertunggu-tunggu. Dan ini pun kita mesti mengambil kira apa sebabnya pekerjaan tetap mendapat pencen. Pekerjaan tidak tetap mendapat EPF. Ada orang lebih suka mendapat EPF daripada pencen, sebab EPF dia akan dapat selepas dia bersara dia akan mendapat Kumpulan Wang. Pencen dia hanya mendapat pendapatan bulanan sampai ke akhir hayat. Itu beberapa perkara kita kena *value*. Kedua tentang elauan jumlahnya ramai itu sebab saya dapati dan saya telah minta berapa perbelanjaan pengurusan negeri yang kita dapati. Untuk pengetahuan Dewan kalau kita berbincang pasal bajet ini tiap-tiap RM1.00 yang kita kutip lebih daripada RM0.70 yang kita gunakan untuk pentadbiran jadi maknanya tidak banyak lagi duit lebih untuk kita. Jadi lagi kita naikkan pendapatan

pekerja boleh jadi naik. Jadi saya hendak buat kajian label manakah jumlah wang dana yang kita rasa selesa sebab dalam 3 tahun yang lepas ini saya dapat kenaikan gaji meningkat agak tinggi untuk Negeri Selangor bukan sahaja Negeri Selangor tapi seluruh negeri di Malaysia. Maknanya Negeri Selangor ini dalam 3 tahun sejak 2008, 2009, 2010, 2011 kita telah meningkatkan gaji melebihi hampir 30% jadi oleh sebab itu kita kena *value* dan saya rasa kita juga mesti melihat miskin dan saya akan mengadakan perbincangan dengan pihak JAIS tentang berapa lagi perbelanjaan yang kita lakukan. Tapi Dewan mesti ingat terdapat satu perkara yang perlu kita perhatikan pembayaran gaji berasas kepada jumlah kerja ada kita dapatti jumlah kerja kita katakan tidak mengikut apa kita punya *standard* kemiskinan itu sebab kerja itu ialah kerja dipanggil *part time* bukan *full time*. Jadi saya hendak cuma cari jalan supaya pekerjaan itu mesti menjadi *full time* bukan *part time* kalau *part time* maknanya 3 jam sehari 4 jam sehari. Jadi kita kena fikirkan bagaimana ganjaran yang sesuai untuk itu.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B. 7 iaitu wang sejumlah RM1,101,735.70 untuk Kepala B. 7 Caruman Kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK.

**SETIASAHA DEWAN:** Jadual B.8 – Jabatan Pertanian RM14,175,488,70.

**TUAN SPEAKER:** Ia sebelum Y.A.B. bermula saya kira Dewan perlu membawa usul untuk masa. Dewan bersidang semula. Saya mempersilakan Y.A.B. Menteri Besar untuk membuat usul masa.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut. Bahawa Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dan Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga jam 5.30 petang.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Tuan Speaker saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah sokong dan pun disokong saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui. Dewan bersidang dalam Jawatankuasa. Ia untuk Jadual B.8 saya memperuntukkan waktu maksimum 1 jam. Dipersilakan. Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Pengurus saya ingin menarik perhatian Dewan tentang perbahasan dalam Butiran 505000 mengenai Pentadbiran

dan Kewangan 11000 Gaji dan Upahan muka surat 300 berkaitan dengan peruntukan Jabatan Pertanian. Kita sedia maklum pertanian ini cukup penting untuk menjana ekonomi sesebuah kerajaan khususnya membekalkan makanan kepada negeri. Maka Sekinchan sebagai Jelapang Padi di Negeri Selangor maka cukup penting dalam konteks dalam pertanian ini di mana membekalkan makanan menyumbangkan begitu banyak. Maka itu pada musim ini musim 2012 di mana ada satu masalah yang timbul di DUN Sekinchan seluruh Sabak Bernam telah berlaku satu krisis iaitu kekurangan air. Kekurangan air yang begitu kritikal di mana selepas petani menanam pada satu peringkat air di Sungai Tinggi yang paras rendah tidak dapat masuk ke dalam palung-palung yang lebih tinggi daripada paras air sungai dan kemudian kepada petani-petani yang ramai Melayu, Cina dan India mereka terpaksa membelanjakan lebih mencari air mereka memikirkan air mana nak cari air sampai parit-parit semuanya airnya kering sampai hampir kering dan setengah petani-petani Tionghoa di Sekinchan mereka sampai malam tidak tidur. Malam bangun jam 11, 12 tidak tidur mereka pergi ke bendang mencari air di mana air lebih mereka tarik dahulu sedut pakai mesin, mesin untuk tarik air pam. Ini adalah antara peristiwa yang sering berlaku di Sekinchan dan saya hendak minta penyelesaian daripada Y.B. EXCO tentang kenapa sumber air pada musim 2 kali ini begitu terhad apa yang punca sebenar yang menyebabkan air ini tidak turun Sungai Tinggi selalunya apabila selepas penanaman memang air itu cukup. Tetapi kali ini ia berlainan dia unik sekali agak luar biasa dia tidak ada air keadaan selepas penanaman lebih kurang satu bulan dia tidak cukup air. Dan saya harap kerajaan dapat mencari satu pendekatan satu kaedah yang holistik di mana soal punca air ini sumber air ini kalau boleh kita kena cari satu jalan secara holistik. Di mana kita cari sebab kenapa timbul perkara ini. Kedua cara-cara penyelesaian apa cara yang lebih elok untuk mengatasi masalah-masalah ini. Ini adalah perkara yang hendak saya bangkit saya mohon jawapan dahulu dan ada kemudian menyusul.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Terima kasih Sekinchan. Dalam masa air itu saya juga melawat kawasan Sekinchan dan sekelilingnya. Ada tindakan jangka pendek dan tindakan jangka panjang. Jangka pendek pihak Jabatan Pengairan dan Saliran telah menyediakan pam supaya *recycle* balik air-air yang telah pun dikeluarkan. Di kawasan Sekinchan tengok tidaklah kritikal tahap air yang masih ada masih membenarkan jarak air kritikal adalah kawasan-kawasan sebelah Sabak Bernam. Untuk jangka panjang punca utama Sekinchan adalah apabila tebing sungai di sebelah Perak pecah dan yang ini telah siap kerja-kerja dan ini kali dua pecah 2008 telah pecah dan telah pun dibina dan kali ini pecah kali dua sebelahnya dan telah pun dibina. Dan jangka panjang kawasan tersebut telah pun dibetulkan tebingnya. Untuk jangka panjang pihak LADA telah dan sedang menyiapkan kolam takungan itu untuk kawasan Sabak Bernam yang ini jangka siap dan dengan adanya dua ini masalah-masalah air agak mencukupi.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Pengurus. Yang Berhormat EXCO saya nampak jawapan untuk sekadar untuk jangka pendek tapi untuk jangka masa panjang. Selepas ban pecah *repair* dan sebagainya. Saya syorkan di dalam Dewan apalah sekiranya kita cari kaedah lain dari kita mengharapkan air sungai kita ada. Air sungai kita tinggi apakah syorkan di mana sistem air bawah tanah. Di mana di Sekinchan di seluruh kita pasang 2 atau 3 yang strategik yang kita kenal pasti pegawai-pegawaiannya. Jurutera daripada pertanian, kenal pasti satu dua tempat, kenal pasti dan kita pasang pam air di bawah tanah dan disimpan di situ dan apabila berlaku krisis kemarau atau krisis air maka pam itu baru kita digunakan untuk menyalurkan air itu pada palung-palung supaya palung-palung itu mencukupi kami dapat mendapati air dan kaedah sedemikian yang digunakan di India dan di negara-negara sebagainya cara ini dapat membantu kami dari membelanjakan duit yang lebih untuk pam air dan sebagainya. Ini satu bebanan kepada petani. Satu bebanan kerana akhir-akhir ini saya nampak petani-petani di DUN Sekinchan ini mereka mengharapkan pendapat daripada petani maka dengan itu harga padi sekarang ini berada RM1,250.00 satu tan dan ini sudah kekal dengan sekian masa. Oleh sebab kos saraan hidup barang semakin hari semakin meningkat, input pertanian semakin hari semakin tinggi seperti racun dan baja semakin tinggi walaupun sebahagiannya mendapat subsidi dari kerajaan tapi masih tidak mencukupi jadi mengesyorkan pihak kerajaan mencari satu kaedah bagaimana hendak membantu petani tambah pendapatan. Sama ada padi RM1,250.00 boleh naik jadi RM1,500.00 sekurang-kurangnya. Inilah dapat mengurangkan bebanan pada petani dalam menghadapi kos saraan hidup yang tinggi. Mohon penjelasan.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Dua isu. Satu adalah air dan keduanya masalah input. Masalah air bawah tanah vot LUAS telah memutuskan supaya satu kajian dibuat oleh pihak LUAS. Peruntukan telah dibuat dan JMG pun telah tunjuk supaya kajian masalah air bawah tanah untuk mengkaji kesesuaian air bawah tanah untuk kegunaan di sawah diputuskan dan akan kita dilaksanakan. Berkenaan soal input kita maklum harga, Sekinchan telah maklum 12 tan hingga 14 tan per hektar. Input meningkat sentiasa. Apa usaha kita ? Apa kita buat di Negeri Selangor? Sekinchan juga ada buat *statement*. Kita benarkan *natural farming*. Ia sangat berkesan dilaksanakan 8 kawasan blok sawah di seluruh Negeri Selangor supaya menggunakan sumber-sumber yang sedia ada. Kita ada dua isu Sekinchan. Pertamanya ialah penggunaan input yang harganya meningkat. Untuk meningkatkan pendapatan ini, pertama meningkatkan hasil. Kita naik kan kembali *trend* bila hasil telah maksimum. Dalam masa yang sama bahan-bahan kimia dan baja terus meningkat. Jadi marginnya mengecil. Kalau ditambah lagi inputnya hasilnya sudah maksimum. Dalam hasil yang sama harga tidak boleh dinaikkan. Dengan kaedah *natural farming* kita ini sudah berjaya satu lot sawah, 1.2 hektar itu boleh menjimatkan sehingga RM1,200.00 semusim. Di mana petani kita ajar teknik baja *farming*. Berjaya. Sekinchan boleh

melawat Parit 9 Sungai Leman, bukan sahaja di kawasan sawah padi bahkan kawasan sayur-sayuran kita tidak lagi menggunakan racun-racun kimia. Jadi kita kurangkan jumlah kimia dalam ladang, dalam masa yang sama ia meningkatkan pendapatan petani. Dan satu lagi yang menarik ialah mereka hari ini menghasilkan sendiri bahan-bahan itu dan mereka tidak payah membeli bahan-bahan kimia di luar. Dan dia boleh menjual bahan-bahan ini. Dan untuk projek perintis kita di Parit 9 ini tahun lalu jumlah jualan daripada menghasilkan barang-barang ini ialah sekitar RM300 000.00 saya jangka dalam 2012, 2013, 2014 kita akan mencapai dalam sekitar 60% kawasan padi menggunakan teknik *natural farming*.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Yang Berhormat EXCO dan Tuan Pengurus. Yang saya hendak nyatakan di sini tentang *natural farming* yang dilaksanakan ya yang cuba diutarakan oleh Kerajaan Negeri. Saya menyambut baik di mana kalau kos dapat dikurangkan sesungguhnya pasti akan dapat mengurangkan kos dan pendapatan petani akan bertambah. Dalam pemantauan saya kawasan petani-petani majoriti kawasan cina masih di peringkat awalan dan masih belum di cuba di kawasan Parit 9 ada sebahagian petani Melayu. Saya sedang mencuba kaedah ini, kita dapat kurangkan kos tapi kalau pendapatan hasil padi itu mesti ditingkatkan juga. Pada masa yang sama, jika ditingkatkan ia juga akan menyebabkan kos dikurangkan, ditambah sedikit sahaja. Ia ada tahap yang akan dinaikkan lagi. Sekiranya hasil itu dapat ditingkatkan di kawasan Melayu. Kalau satu keping tanah dapat ditingkatkan 8 tan hingga 10 tan. Ini sasaran, saya berharap Yang Berhormat EXCO dapat adakan kajian dalam konteks ini. Seterusnya saya hendak tambah lagi satu tentang adakah Yang Amat berhormat maklum tentang intensif peningkatan hasil padi yang diumumkan oleh Kementerian Pertanian tempoh hari, dulu tahun 2007, 1 Mac masih ada tunggakan saya diberitahu. Masih ada tunggakan insentif peningkatan hasil padi, 1 tan RM1,250.00 masih ada lagi tunggakan sehingga ke hari ini, ada juga petani yang tidak tahu macam mana perkiraan, macam mana hendak dikira 1% daripada peningkatan insentif itu dikira, walaupun ia melalui BERNAS dan sebagainya. Saya tanya 10, 11 petani dia tidak tahu kira cuma dia, kalau masuk duit dalam bank dia mengucapkan syukur macam itu sahaja tetapi mereka tidak tahu pengiraan. Sepatutnya kita sebagai Kerajaan Negeri, kita kena ambil maklum, kita kena minta peringkat *federal*, nyatakan bagaimana cara, kaedah, garis panduan pengiraan itu. Sepatutnya orang tahu, macam mana kita dapat duit itu. Kita dapat duit macam durian runtuh, kena loteri. Ini cukup pelik. Perbelanjaan negara tidak boleh dana awam tidak boleh ditaruhkan sedemikian rupa dalam bentuk subsidi. Rakyat tidak tahu ini dapat lebih, ini dapat kurang. Apa cara garis panduan, saya minta penjelasan.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Kita maklum program intensif peningkatan hasil padi ini pada 1 Mac 2007, usaha kerajaan persekutuan

menggalakkan petani-petani meningkatkan hasil padi mereka. Di mana, dia ada kaedahnya. Pada 3 musim berturut-turut yang ada peningkatan itu yang diberi intensif, dan ia betul khabarnya RM650.00 bagi setiap tan tambahan hasil. Untuk tambahan 3 musim lalu dia dapat 8 tan. Pada musim ke 4 dia dapat 9 jadi kenaikan 1 tan itu, di bayar RM650.00 memang dia galakkan pada petani untuk meningkatkan hasil dan ini kerajaan pusat berapa jumlah yang belum bayar. Apa yang Kerajaan Negeri buat ialah dalam sistem ini petani tidak diajar macam mana hendak meningkatkan hasil mereka.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya hendak mencelah. Saya minta penjelasan Berkenaan 3 musim tambahan itu ada tambahan intensif yang diberi tapi sehingga hari ini, pihak BERNAS atau pihak kerajaan tidak membekalkan formula pengiraan tersebut. Formula itu tiada. Mesti ada satu formula. Saya hairan sampai ke hari ini, saya cari dengan pelbagai pihak dan saya cari dengan BERNAS. BERNAS tidak hendak bagi saya. Dia kata Sekinchan mesti ada sesuatu, jadi dia takut. Mereka tidak bagi. Mereka takut dengan Sekinchan. Jadi saya hendak tahu bagaimana perbelanjaan wang awam melalui subsidi ini tiada formula. Saya minta kalau boleh Yang Berhormat dapatkan pada kerajaan pusat, formula dia.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Saya akan mendapatkan formula ini dan beri kepada Sekinchan. Mungkin Menteri di peringkat persekutuan ini takut Sekinchan. Sebab pendedahan-pendedahan yang Sekinchan buat ini nampak pun takut, tapi saya boleh minta, saya boleh bantu Sekinchan dalam mendapatkan formula ini.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan, sudah habis. Baik. Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih Tuan Pengurus, Kajang ingin mengambil bahagian berkaitan Vot B08 Jabatan Pertanian Butiran 505000, Pentadbiran dan Kewangan RM11,000.00 gaji dan upahan. Kajang ingin membawa satu masalah, yang mungkin masalah yang Kajang dapat memang sesuatu masalah yang di dapati yang di dalam Jabatan Pertanian Negeri Selangor di mana didapati pertukaran Pengarah jabatan begitu kerap dalam 4 tahun lebih ini memang kerap sudah beberapa orang Pengarah ditukar keluar dan ada pegawai baru yang di masuk. Tapi bagaimanakah pengurusan di dalam jabatan dengan adanya pertukaran yang begitu kerap kini.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Terima kasih Kajang. Saya memang akui sepanjang saya menjadi EXCO sudah 2 hingga 3 pengarah sudah tukar. Apa yang saya lihat dan pentingnya ialah kakitangan yang berada di jabatan tersebut kena faham hala tuju dan tugas yang mereka laksanakan, dan mereka hadir bersama dalam Mesyuarat STANCO dengan saya. Bertukar pun pengarah, asalkan tugas-tugas

dilaksanakan dengan baik ia tidak menjadi alasan. Untuk kenaikan pangkat pengarah sebelum ini, ia tujuan naik pangkat kita tidak boleh menghalang pegawai-pegawai untuk naik pangkat. Ini karier mereka, dan saya memang agak sukar sebab jawatan tinggi dalam jabatan ini ialah kakitangan kerajaan persekutuan dan mereka terikat dengan penstrukturran jabatan. Dan saya rasa sama juga jawapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi, tukar-tukar orang naik pangkat. Tapi yang penting bagi saya Kajang ialah kalau semua kakitangan faham hala tuju jabatan dan mereka akan laksanakan perkara tersebut. Program-program ini dapat dilaksanakan dengan baik dan boleh buat kerja dengan baik. Cuma saya minta kalau boleh di persekutuan pun kalau jawatan sekarang ini pengarah tidak ada, dan hanya dipangku oleh timbalannya dan nampak sangatlah untuk mengganti pengarah ini.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Seterusnya berkaitan kot 29000 perkhidmatan ikhtisas atau perkhidmatan lain. Kajang mendapati dalam skim pemodenan pertanian objektif yang ditetapkan adalah untuk memajukan pertanian dalam menggunakan teknologi moden yang menghasilkan penghasilan yang tinggi dan juga nilai yang lebih tinggi. Memandangkan Negeri Selangor mempunyai tanah yang lebih tinggi iaitu bernilai. Pertanian yang di selenggara dalam negeri kita ini kita nampak banyak masih berdasarkan pertanian tradisi. Pertanian tradisi di mana produktivitinya agak-agak rendah dan nilai komersial agak rendah. Jadi Kajang ingin bertanya adakah Jabatan Pertanian kita melibatkan rundingan perunding-perunding ikhtisas atau pun pakar-pakar dalam merancang dan juga mengkaji apakah *the next* pertanian yang harus diadakan di Negeri Selangor yang mana memudahkan tanah yang kurang tetapi mempunyai hasilan yang tinggi khasnya nilai komersial yang tinggi. Satu contoh yang Kajang ingin membawa misalnya minyak kelapa yang dihasilkan dari kelapa. Minyak kelapa yang di hasil yang biasanya memang mempunyai nilai yang kurang tapi kalau minyak kelapa dara yang dihasilkan dari segi peningkatan dari segi teknologi maka nilainya meningkat seratus peratus. Dan juga jenis pertanian herba *biomedical* tanaman ini mungkin mendatangkan hasil yang lebih tinggi. Dan juga selain daripada itu, pihak kerajaan juga adakah memberi perhatian pada latihan-latihan atau kursus-kursus untuk usahawan, di mana bukan sahaja setakat sekarang usahawan industri desa, IKS yang di beri perhatian kerana kita di Negeri Selangor sebuah negeri yang maju dan juga menerajui dikatakan seluruh Malaysia ini. Maka kita harus memberi latihan dari segi usahawan dalam kursus-kursus pendedahan keusahawanan bukan sahaja dari segi memproses bahan –bahan mentah malah lebih lagi dalam komersial dan juga untuk masuk dalam pasaran global. Sekian terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI :** Yang pertamanya memaklumkan bahawa kesesuaian tanaman juga mengikut kawasan tanah. Kawasan tanah di kawasan Hulu Langat dan Sepang tumpuan ini sesuai untuk ubi isi sesuai untuk

tanaman nanas. Di kawasan TPM Ulu Yam fokusnya ialah kepada sayur-sayuran. Di kawasan TPM yang lebih tinggi ialah untuk buah-buahan. Jadi apa yang kita buat sementara kawasan padi ialah kawasannya adalah padi. Pemilihan jenis tanaman ada setengah-tengah tanaman itu sesuai dan memberi pulangan yang tinggi sebagai contohnya nanas. Untuk petani nanas pendapatan RM3,000.00 ke atas tanah keluasan 5 ekar sahaja tetapi kalau ubi untuk mendapat pulangan RM3,000.00 ia perlukan 15 ekar. Jadi kita pastikan penanaman itu mengikut kesesuaian. Tetapi untuk ternakan program ini nampak untuk menguntungkan, di mana ternakan ayam ataupun telur ayam yang lebih menguntungkan. Program-program *natural farming* seumpamanya dengan sekumpulan sipi penternak-penternak ayam lebih berjaya dari kawasan yang kecil, disediakan oleh pihak *provider* iaitu CP. Untuk kelapa dia bertembung antara santan kelapa dan juga industri, ada usaha kita untuk menghasilkan kelapa dara di kawasan Sabak Bernam. Untuk apa ini herba *biomedical* juga kita telah ke arah situ. Dalam air tin ini dia ada *stage by stage*. Untuk peringkat awal, memang kita hanya nak mengajar mereka bagaimana menghasilkan air tin, tapi usahawan-usahawan yang telah berjaya kita dapati sudah pergi *mechanize*. *Mechanize* untuk menghasilkan produk-produk air tin. Dan tumpuan kita supaya mereka boleh masuk dalam *supermarket-supermarket* dan tumpuan selepas ini, pastikan supaya mereka dapat sijil halal untuk memudahkan mereka masuk ke *supermarket*. Kerepek-kerepek Selangor sudah masuk ke pasaran antarabangsa. Saya rasa tidak cukup kerepek sekarang ini. Ubi tidak cukup, bila mana *demand* untuk antarabangsa dah meningkat. Kerepek Selangor dah masuk ke Australia dan juga ke *Europe*. Jadi, ada usahawan telah meningkat. Jadi, ada dalam *stage by stage*. Kita dapati bila mana usahawan dah mampu masuk pasaran antarabangsa, timbul masalah kedua iaitu tak cukup bahan mentah. Hari ini, tak cukup ubi di kawasan untuk kita, kawasan Sepang dan juga Kuala Langat. Dan kita dalam usaha untuk memodenkan lagi. Kalau boleh kita mengharapkan ada *venture* di antara usahawan dengan pihak swasta dan *technology provider* disediakan oleh pihak swasta dan pihak usahawan menyediakan pengeluaran seperti untuk pertanian, tidak ada *join* dengan SIPI. Kalau boleh, untuk yang lain juga begitu. Dengan cara ini boleh ditingkatkan kawasan yang kecil ini, kita boleh tingkatkan hasil untuk pengeluaran di Negeri Selangor.

Untuk ternakan lembu, kita sedang kumpulkan mereka dan supaya pengumpulan susu lembu ini dapat diusahakan setempat dan juga produk-produk penghasilan, hiliran daripada susu lembu dapat kita buat. Saya rasa, kita maklumkan PKPN Negeri Selangor antara terbaik di Malaysia. Beberapa peratus daripada PKPN seluruh Malaysia datang daripada Negeri Selangor.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih Tuan Pengurus.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Sg. Burong.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi yang telah memberikan peluang kepada Sg. Burong untuk mengambil bahagian untuk membincangkan anggaran peruntukan pembangunan di bawah B08 VP08, Jabatan Pertanian PTJ 20-50000. Tuan Pengerusi, pertanyaan walaupun masih menyumbangkan peratus kepada KDNK negeri yang agak kecil tetapi ia merupakan satu sektor yang amat penting kerana ia menyumbangkan kepada sumber makanan di negeri dan negara. Dan sumbangan daripada petani, nelayan dan ke atas makanan di negeri dan negara ini adalah amat penting. Sg. Burong mungkin bangkitkan pertama sekali soal masalah tanaman padi yang merupakan tanaman yang sangat penting. Ia merupakan tanaman sekuriti negara, tanaman yang pastikan ada jaminan makanan yang mencukupi untuk negeri dan negara ini. Tapi malangnya sebagaimana tadi telah disebutkan ialah kita menghadapi masalah kekurangan air dalam waktu-waktu yang tertentu terutamanya dalam musim yang pertama pada setiap tahun. Macam musim hujung tahun ini, musim tengkujuh memang banyak lah hujan dan masalah air itu tidak begitu penting. Tetapi dalam musim yang pertama, iaitu pada awal tahun, biasanya sawah-sawah padi akan mengalami kekurangan air. Sekarang ini, kita mahu melihat dasar Kerajaan Negeri secara bersungguh-sungguh dalam pastikan bekalan air mencukupi. Saya ingin menarik perhatian EXCO Pertanian yang telah mencanangkan program *recycle* air ini. Saya ingat bukan kali ini lah, lama dah. Tetapi sampai hari ini, kita masih belum menjadi kenyataan. Sebagai langkah-langkah untuk mengatasi pengaliran air, saya difahamkan Kementerian Pertanian Industri Tani telah pun melaksanakan pembinaan kolam-kolam takungan yang bertujuan untuk menampung air di waktu keadaan air diperlukan maka air daripada takungan air ini akan disalurkan kepada sawah-sawah yang memerlukan termasuklah di kawasan Sekinchan. Seperti yang disebutkan oleh Sekinchan tadi. Tapi malangnya, Tuan Pengerusi, sikap yang ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri terhadap usaha-usaha Kementerian Pertanian ini adalah tidak *friendly*. Usaha-usaha yang dilaksanakan pertama sekali, pada masa yang lepas, untuk membina kolam takungan ini telah pun ditahan. Dan ini sebenarnya lah salah satu daripada beberapa faktor yang telah menjaskan bekalan air, malahan pembinaan untuk menyelenggara dan membersihkan *main channel* yang merupakan satu saluran air yang sangat penting itu pun telah dikenakan berbagai-bagai tekanan-tekanan termasuk menekan wang tahanan kepada kontraktor-kontraktor yang melaksanakan projek tersebut.

Adakah ini sikap yang ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri untuk sama-sama membantu meningkatkan usaha-usaha ke arah menghasilkan pertahanan di industri ini, pertanian. Yang kedua, saya juga ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi tentang pembinaan

infrastruktur-infrastruktur terutamanya kepada nelayan-nelayan yang merupakan nelayan-nelayan kecil yang hari ini kemungkinan industri asas tani, pertanian dan industri asas tani memang memainkan peranan, peneraju ke arah pembinaan jeti-jeti kecil ini dengan begitu banyak sekali. Apa yang saya ingin bangkitkan ialah *to compliment*, dengan izin apa yang telah dibuat oleh Kementerian ini, saya sangat berharaplah EXCO Pertanian ini melihat bagaimana kemudahan-kemudahan ini dipertingkatkan. Pembinaan kompleks LKIM yang sangat penting kepada industri pertanian ini nampaknya juga dihalang. Usaha-usaha oleh Majlis Daerah yang cuba menghalang pelaksanaan pembinaannya dan mempertikaikan status tanah. Yang mengatakan tanah yang diperolehi oleh LKIM ini adalah tidak sah. Saya rasa perkara-perkara ini dalam suasana kita untuk membantu nelayan dan petani ia tidak sepatutnya dilakukan. Yang kedua, saya setuju sangat dengan pandangan sahabat saya Sekinchan yang mahu melihat peningkatan hasil petani ini melalui kenaikan harga padi. Walaupun kerajaan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah melaksana program untuk menaikkan hasil pendapatan pengeluaran padi melalui insentif peningkatan hasil padi dengan memberikan insentif yang diberikan sebanyak RM650.00 bagi setiap tan, bagi peningkatan hasil padi antara 3 musim berturut-turut. Saya dan kerajaan persekutuan sebagai dasarnya telah menetapkan bahawa, harga padi, minima ialah RM750.00. Oleh sebab harga padi ini ditentukan oleh pengawalan dan permintaan maka akan berlaku pada maksimumnya keperluan untuk meningkatkan hasil padi terutamanya oleh pembeli-pembeli padi dan juga penjual padi. Dan kerana itu, saya sangat berharap EXCO Pertanian bolehlah melihat bagaimana mungkin subsidi atau sokongan insentif diberikan. Kalau kerajaan persekutuan telah memberikan insentif kepada insentif hasil padi yang meningkatkan penghasilan padi, sekarang ini giliran pula Kerajaan Negeri untuk membantu petani-petani memberikan subsidi pada harga padi. Kalau misalnya harga padi diharapkan, sebagai contoh lah, naik daripada RM1,250.00 per tan, kilo metrik tan, maka kalau Kerajaan Negeri bagi subsidi RM100.00 kepada petani pun saya ingat Alhamdulillah. Dan ini sudah tentunya akan berikan faedah yang baik kepada petani-petani kita.

Yang ketiganya, saya ingin menarik perhatian tentang dalam bajet ini, saya cuba melihat lah di sini tentang projek-projek yang membantu petani-petani dalam industri air, ikan air tawar. Tak nampak pula bajet-bajet tersebut ditunjukkan dalam bajet 2013 ini. Pernakan air tawar, kita pun hari ini dihidangkan dengan makanan yang enak, pada tengah hari ini iaitu ikan keli. Ikan keli ini merupakan hasil yang dikeluarkan oleh penternak-penternak terutamanya penternak-penternak usahawan kecil di luar bandar, di kampung-kampung dan mereka ini telah membelanjakan banyak wang untuk menjadikan modal dan juga menyediakan input-input untuk menghasilkan ternakan mereka. Tapi, kita tahu ikan keli harganya tidak menarik. Satu kilo lebih kurang di bawah RM5.00 dan mereka ini mempunyai, telah menerima pendapatan yang tidak

begitu baik daripada hasil pengeluaran ikan keli. Jadi, saya ingin menyarankan kepada EXCO supaya dapat membantu penternak-penternak ikan air tawar yang begitu banyak sekali dalam Negeri Selangor ini untuk, supaya membolehkan mereka dapat pulangan daripada hasil pendapatan yang mereka usahakan tersebut.

Tuan Pengurus, saya juga ingin mengambil peluang ini untuk ingin membangkitkan mengenai masalah penyelenggaraan kawasan pengairan di sawah padi terutamanya kunci-kunci ataupun pintu-pintu air di mana masalah yang berlaku terutama di dalam keadaan musim yang tidak dapat diramalkan. Hari ini kita dapat musim tengkujuh begitu lama sekali dan telah menyebabkan terutamanya banjir-banjir kilat ataupun banjir-banjir yang datang secara cepat di kawasan-kawasan perparitan, pengairan sawah padi. Masalah yang berlaku ialah penyelenggaraan pintu-pintu, kunci air automatik yang saya rasa dari segi penyelenggarannya ataupun pengurusannya, kurang diberikan perhatian. Ini menyebabkan kerosakan kerana kalau kita dibiarkan pintu automatik ini berjalan dengan sendirinya dan kemudian apabila ia telah dioperasi, ia tidak diberhentikan maka ia akan menyebabkan kerosakan pada pintu ini. Kalau kita perhatikan, terdapat permohonan ya, hari ini kerja-kerja emergency di JPS, yang begitu banyak sekali di musim tengkujuh ini, di kawasan kunci-kunci air, ini menunjukkan sebenarnya bukan sebab kunci air itu rosak disebabkan oleh kedudukannya yang lama dan sebagaimana tetapi oleh cara pengendalian kunci-kunci air. Jadi saya sangat berharap bahawa EXCO Pertanian dapatlah mengambil perhatian tentang perkara-perkara ini. Saya juga ingin membangkitkan bahawa tadi EXCO ada sebut bahawa Menteri Pertanian takut dengan DUN Sekinchan, tapi sebenarnya, hakikatnya saya ingat, Sekinchan yang takut dengan Menteri. Sebab saya yakin dan percaya dialog-dialog, perjumpaan-perjumpaan telah pun dijadualkan. Saya masih teringat lagi, Menteri ada panggil Sekinchan untuk mengadakan dialog tentang isu insentif padi tetapi bila sampai masanya di Dewan Sekinchan bila dijadualkan alasan telah diberikan untuk Sekinchan tidak hadir. Saya ingin mencabar Sekinchan kalau betul-betul ingin membangkitkan isu ini dan janganlah kita terlalu peribadi. Saya ingat dalam persidangan Dewan ini selalu ditimbulkan bahawa Menteri ini dengan sebutan-sebutan yang tidak baik. Kalau tidak mengapa tidak tulis surat sahaja kepada Menteri sebagaimana Menteri telah tulis surat kepada Dewan ini untuk memberi taklimat tentang isu benih padi dan isu padi yang telah pun tidak dijawab oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Surat telah dihantar dan diterima oleh Pejabat Menteri Besar tetapi tidak ada dan hari ini kita panggil supaya dia beri taklimat dan bolehlah sama ada di dewan ini ataupun Sekinchan sendiri pergi berjumpa sendiri dengan Menteri. Tak perlu lagi kata Menteri takut. Kita nak kata Menteri takut pun Menteri tak boleh nak jawab di dewan ini. Macam mana dia nak jawab, dia tak ada di dewan ini. Jadi kalau di luar dewan mungkin dia kata dia tak takut. Atau dia kata pula mungkin orang yang kata dia takut tu yang takut. Jadi saya ingin mengesyorkan lebih baiklah....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Boleh mencelah.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Boleh, boleh.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Burong yang mempertahankan kuat dengan Menteri, ini ada harapanlah nak dicalonkan semula. Saya cuma nak bilang di sini di mana sudah beberapa kali saya sudah berjumpa bersama dengan Menteri di dalam beberapa perjumpaan termasuk isu sarang burung walid. Saya berjumpa berdepan dengan Menteri tapi Menteri ini bukan senang untuk kita berbicara dengan caranya. Bukan senang caranya. Saya ungkapkan samseng itu tepat pada masanya. Sampai bergaduh. Bila tanya soalan tu apabila kita nak berbincang dengan caranya bukan jenis Menteri yang bertaraf profesional sebagai Menteri yang cukup *firm to be Minister*. Ini Menteri kampungan saya nak bagi tahu. Ini betul. Apa yang diucapkan oleh Sungai Burong tadi tentang Kerajaan Negeri tidak *friendly*. Bukan, yang tidak *friendly* ini adalah Menteri Pertanian di mana ada banyak projek di kawasan Sabak Bernam apabila satu program dilaksanakan Menteri bukan ada maklum kepada Pejabat Daerah, maklum kepada Majlis Daerah, langgar terus. Kemudian baru gaduh. Ini berlaku banyak kali. Ini saya boleh tunjuk dengan fakta-fakta kalau nak. Inilah yang menjadi masalah. Jadi oleh itu saya minta kalau kita nak berbincang, boleh. Bukan tak boleh. Nak muzakarah tak ada masalah. Bukan Muzakarah PAS dengan UMNO, bukan. Muzakarah antara Sekinchan dengan Menteri Pertanian.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Faham, faham. Maksud tu faham tapi janganlah buruk sangka. Saya nak ikutlah peraturan. Kalau saya bercakap bukanlah saya nak mempertahankan Menteri, nak lobi jawatan supaya saya dicalonkan semula. Saya hanya menerangkan fakta sahaja. Inilah sikap yang ditunjukkan Sekinchan. Memaparkan keperibadian sendiri. Dok mengata Menteri tetapi kita pun tahu di dalam dewan ini siapa cara persembahannya, cara berhujah, marah-marah. Jadi kalau nak salahkan Menteri pun saya pun ada kewajaran untuk mempersalahkan DUN Sekinchan juga dalam dialog tersebut. Jadi saya ingat muzakarahlah elok-elok. Demi untuk menyelesaikan masalah rakyat. Janganlah tuduh menuduh. Itu satu beban nak pergi mahkamah, itu kena hadapi atas tindakan DUN Sekinchan sendiri. Jadi saya ingat itulah ucapan perkara-perkara yang saya ingin bangkitkan pada Yang Berhormat Dato' Pengerusi. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kerajaan ada 5 minit kalau nak jawab.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Sungai Burong pernah menjadi pentadbir tanah. Tahu peraturan-peraturan tanah dan pembangunan di kawasan tanah.

Apabila mana-mana agensi nak membangunkan satu kawasan mendalamkan sungai, membuat terusan, buat takungan dia telah melepassi jawatankuasa tanah dan kena bawa ke MTES. Saya sebelum ni tiada masalah dengan Menteri tapi bila Menteri yang baru ini mengarahkan pegawai-pegawai pusat tidak boleh jumpa saya, tidak bagi taklimat kepada saya dan pembangunan dibuat tanpa melalui proses pentadbiran negeri jadi Kerajaan Negeri tiada halangan cuma kita minta tolong supaya pembangunan tanah mengikut peraturan-peraturan. Kelulusan daripada hutan, saya masuk kawasan hutan. Kenapa jabatan lain nak buat *highway* pun nak masuk dalam MTES minta kebenaran tapi dalam kes ini...

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tuan Pengerusi boleh saya nak minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Boleh, boleh sebab masa tak habis lagi tadi.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya nak minta penjelasan ni sebab pegawai Pengarah Barat Laut itu sendiri telah menyatakan kenyataan akhbar. Dalam kenyataan akhbar itu menyatakan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menjalankan pembinaan kolam takungan ini jadi tak ada sebab dia tak ikut prosedur. Ini diterangkan sendiri, pegawai kerajaan yang menerangkan sendiri. Buat kenyataan akhbar menyatakan, ini ada bukti mengatakan Kerajaan Negeri telah pun bersetuju.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Setelah di tahan baru nak masuk MTES. Setelah ditahan kita kenakan kompaun pada kontraktor baru nak masuk ke MTES. Baru kelulusan diberi. LUAS tidak dirujuk. Dan kita keluarkan *statement* suruh rujuk LUAS jadi Sungai Burong tahu sebab pernah menjadi pentadbir tanah dan peraturan-peraturan tanah kena buat. Keduanya juga soal LKIM nak buat jeti dan jeti juga kenalah dapatkan kebenaran daripada pentadbir tanah. Dan sebelum membuat pembangunan pentadbir tanah kenalah rujuk kesesuaian dan sebagainya. Tetapi pembangunan dibuat tanpa merujuk kepada pentadbir tanah.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tuan Pengerusi saya ingat saya kena betulkan fakta ni. Dia sebenarnya tanah ini telah diluluskan oleh Pejabat Tanah itu rekod fakta tidak boleh ditolak. Kelulusan dari Pejabat Tanah ada. Kelulusan dari Majlis Daerah pun ada untuk pelan pembangunan. Jadi sebenarnya perkara ini tidak seharusnya timbul. Tetapi mengapa ditimbulkan oleh pendukung PKR pimpinan di kawasan.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Pembangunan di kawasan Sungai Yu tidak merujuk pentadbiran.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Pasir Penambang.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI :** Pasir Penambang saya tak melihat tapi di kawasan Sungai Yu tidak merujuk kepada pentadbir tanah. Saya minta kepada Sungai Burong menasihatkan LKIM, Sungai Burong pernah menjadi pentadbir tanah LKIM kena merujuk kepada pentadbir tanah agar apa-apa yang berkaitan dengan tanah kena rujuk kepada Kerajaan Negeri. Soal hasil padi apa yang kita buat ialah kita cuma dapatkan *premium price* kepada BERNAS. Petang ini ada perundingan Jabatan Pertanian dengan BERNAS supaya mana-mana petani yang sawahnya *natural farming* telah melepas sijil saham mendapat *premium price*. Pendekatan Kerajaan Negeri tidak subsidi. Kita ajar petani meninggikan kualiti hasilnya dengan itu dia dapat *premium price*. Kalau subsidi yang digunakan kerajaan yang lepas dia tidak selesaikan masalah jadi kita ajar petani membuat baja sendiri, *stop burning* (tidak membuat pembakaran), dan dia cuba dapatkan *premium price*. Hari ini sidang mesyuarat untuk mendapatkan *premium price*. Kalau Sungai Burong baca habis peruntukan ada RM2.2 juta peruntukan untuk perikanan. Untuk *agriculture*, jadi ada peruntukan RM2.2 juta untuk perikanan. Dalam pertanian ini ada perikanan, pertanian dan veterinar. Jadi ada vot untuk perikanan dan saya juga menggalakkan supaya *agriculture* dibuat supaya meningkatkan hasil ternakan ikan darat.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Minta penjelasan Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Sebab saya tengok dalam jadual-jadual ada untuk sayur, buah-buahan, tanaman, perikanan laut pun ada tapi yang air tawar tidak ada. Itu yang saya bangkitkan itu.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Sungai Burong merujuk kepada Perikanan. Rujuk perikanan. Ada RM2.2 juta. Dalam perikanan ada subsidi untuk peningkatan hasil nelayan. RM800,000.00. Itu untuk bantu nelayan. Di sini biasanya kita akan bagi di antara nelayan di laut dan nelayan di darat dan memang kita bantu untuk projek-projek *agriculture* untuk ternakan ikan air tawar.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Tuan Pengerusi saya ingin membuat *clarification* sedikit sebab bila kita cakap nelayan itu, bantuan nelayan biasanya kita refer pada nelayan-nelayan laut. Bila penternakan ikan air tawar ini dia tidak nelayan. Dia hanya pengusaha penternakan ikan air tawar.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI :** Perikanan ini maknanya ikan. Laut ataupun darat. RM2.2 juta untuk perikanan. Jadi dia boleh ikan laut atau ikan darat. Memang ada bantuan.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Tuan Pengerusi ini sebenarnya masalah kalau tidak pada masa ini saya nak cerita, ini faktanya keadaan pada hari ini. Penternak-penternak air tawar ini mengalami masalah kerana tidak ada sebenarnya rujukan kepada mana agensi sebab mereka tidak termasuk dalam kategori tersebut. Memanglah kalau kita ikut terminologi biasa bila kita sebut perikanan orang yang mengusahakan ternakan ikan sama ada air tawar, ikan lauk, ikan hiasan dan sebagainya tetapi dalam perkara pemberian bantuan ini selalunya kita lihat kalau kita tidak spesifik kita akan tertinggal. Misalnya ternakan hiasan, ternakan air tawar. Jadi saya sangat berharaplah kalau dah dimasukkan tu kita boleh tengoklah nanti pelaksanaan bajet itu. Yang sebenarnya bahawa penternak-penternak ikan air tawar ini dapat sumbangan, sokongan daripada EXCO Pertanian.

**TUAN SPEAKER :** Tapi penternakan ikan ada juga yang air masin. Penternakan air laut juga. Itu lagi keliru.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI :** Jadi saya rasa perikanan tu boleh terimalah. Dia ada vot bantuan nelayan. Itu jelas. Kemudian ada peruntukan Jabatan Perikanan. DI sini saya bahagikan antara nelayan dan penternak ikan di air tawar ataupun ikan hiasan atau ikan rekreatif. Memang ada Vot Perikanan RM2.2 juta.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ambil bahagian B8 muka surat 299, aktiviti 50500 hingga 51000 jumlah untuk pertanian adalah RM14.175 juta. Memandangkan B6 sudah dimasukkan ke dalam jadual saya ingin membangkitkan peruntukan untuk pembangunan.

**TUAN SPEAKER :** Pembangunan? Tidak boleh. Pembangunan sudah lalu.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Sudah masuk dalam jadual B6 jadi pembangunan bagi Jabatan Pertanian adalah B08 muka surat 303, saya ingin menyentuh hanya 3 perkara pecahan kepala 10, 13 dan 14. Dan cara saya akan laksanakan dengan EXCO cara berdialog.

**TUAN SPEAKER :** Tapi ni P Yang Berhormat. Ini P. Pembangunan. Ini dah masuk dalam B06 dah.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Kerana dah masuk dalam B6 saya nak bangkitkan sebagai pembangunan B8.

**TUAN SPEAKER:** Tapi sudah lalu memang tak boleh. Sebab dah diluluskan dah. Tidak soal untuk membahaskan lagi dah.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Ok, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Tanjung Sepat.

**Y.B. DATO' DR. KARIM BIN HAJI MANSOR:** Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi ruang kepada saya untuk membahaskan B08 Jabatan Pertanian, PTJ 2050000000.

**TUAN SPEAKER:** Itu pun P kan? Pembangunan. Pembangunan dah lalu. Ramai yang tadi terlepas. B06, ini dah masuk B06.

**Y.B. DATO' DR. KARIM BIN HAJI MANSOR:** Saya masuk B08.

**TUAN SPEAKER:** P08. P tak boleh sebab dah masuk dalam B06 tadi. Ini kena belajar dulu. Ramai yang terlepas tadi.

**Y.B. DATO' DR. KARIM BIN HAJI MANSOR:** Muka surat 303.

**TUAN SPEAKER:** Ya, itu dah masuk dalam B dah. Masuk dalam B06.

**Y.B. DATO' DR. KARIM BIN HAJI MANSOR:** Saya cuma nak panjangkan sikit mengenai IKS

**TUAN SPEAKER:** Dah lulus. Prinsipnya dah lulus. Tak boleh bahaskan lagi.

**Y.B. DATO' DR. KARIM BIN HAJI MANSOR:** Saya cuma nak timbulkan isu sikit, satu perkara saja.

**TUAN SPEAKER:** Dah lulus. Kalau belum lulus kita boleh bahaskan. Dah lulus tak boleh bahaskan lagi. Sama juga masalah Hulu Kelang tadi. Baik, ada lagi untuk B8?

Baik jadual B8 iaitu wang sejumlah RM14,175,488.70 untuk kepala B8 Jabatan Pertanian menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B9 Pejabat Tanah dan Galian RM20,713,033.46.

**TUAN SPEAKER:** Ya Sekinchan. Baik, untuk B9 saya juga peruntukan 1 jam untuk bahagian ni dan setiap ADUN diberikan masa 15 minit.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Di sini ingin saya rujuk kepada untuk Pejabat Tanah dan Galian 50500 mengenai dengan pentadbiran dan kewangan, gaji 1100 Gaji dan Upahan muka surat 333. Di sini saya ingin nyatakan dalam perbahasan ini di mana dalam pentadbiran tanah ini khususnya dalam Pejabat Tanah dan Galian ini banyak tanah-tanah di Negeri Selangor ini sudah diurus tadbir dengan begitu tertib melalui sistem e-komputer di mana tempoh hari Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah melaksanakan di mana kita boleh *check* sekarang melalui *online* apabila pergi ke Pejabat Daerah. Ini satu peningkatan, satu *improve* yang cukup nyata di mana banyak lagi PTG di negeri-negeri yang lain tidak mengamalkan sistem sedemikian. Selangor antara yang terdahulu di depan. Tahniah dan syabas diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Dan di sini juga dalam kita maju ke depan berusaha untuk tambah baik pentadbiran tanah ini saya ingin juga mengambil maklum dan kita kerajaan harus ambil maklum tentang teguran daripada Laporan Ketua Audit Negara 2011 di mana ada menegur tentang pentadbiran PTG ini dan Pejabat Daerah dan Tanah khususnya mengenai kelewatan ketara yang berlaku dalam proses permohonan tukar syarat tanah. Ini yang sering dirungutkan dan rintihan ini bukan saja dalam teguran audit, dalam peniaga-peniaga, pemaju-pemaju dan pemilik-pemilik tanah di seluruh Negeri Selangor seluruhnya mereka sering kali memanjang aduan ini kepada kita sebagai Ahli-ahli Dewan ini. Saya bagi contoh dalam teguran audit kali ini di mana Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat, Piagam untuk proses tukar syarat tanah piagamnya 3 bulan. Maknanya tempoh *time frame* adalah 3 bulan. Pejabat Daerah dan Tanah Petaling 6 bulan dan Pejabat Daerah dan Tanah Klang 3 bulan. Maknanya dalam 3 contoh ini, 3 *sample* yang diambil ini pun yang diambil oleh audit timbul ketidakserasan masa tak serupa. Walaupun tajuknya sama iaitu tukar syarat tanah tapi ada yang 3 bulan ada yang 6 bulan. Tapi dalam teguran audit apa yang lebih mendukacitakan kita adalah tempoh sebenar yang diperlukan apabila kelulusan itu kadang-kadang ambil masa sampai 36 bulan pun ada. 36 bulan hingga 72 bulan pun ada. Dan ini dalam teguran audit. Maka dengan itu saya meminta Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dalam kita memajukan Negeri Selangor dalam pentadbiran khususnya memperbaiki pentadbiran tanah kita supaya lebih efektif maka dalam kelewatan sedemikian itu kalau boleh kita elakkan. Cuba kita baiki bagaimana sampai boleh 36 bulan. Ini baru 3 bulan, 6 bulan, 36 bulan. Bayangkan kalau untuk satu projek untuk pembangunan kita cadangkan tunggu paling tinggi 3 bulan atau 6 bulan. Kita tunggu setengah tahun, apabila tunggu setengah tahun, dimaklumkan tunggu lagi 36 bulan hampir 3 tahun maka kos untuk satu pembangunan

itu telah melonjak berkali-kali ganda. Ini tidak berbaloi dalam menjana pembangunan di Negeri Selangor. Ini juga bagi menarik pelabur-pelabur yang datang ke Negeri Selangor pemaju yang nak suntikan dana untuk pembangunan dalam satu projek itu mereka akan takut. Jadi saya minta penjelasan khusus kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tentang teguran audit ini khususnya dalam tukar syarat tanah ini.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Dato' Pengurus. Saya melihat perkara ini perlu diperbetulkan segera. Salah satu daripada masalah yang saya dapati ialah jawapan daripada pegawai ialah maklumat tidak didapati. Bila maklumat tidak didapati perkara itu tidak bergerak. Itu sebabnya maklumat mesti dapat terutama mengenai tukar syarat tanah itu. Antara perkara yang selalu saya dapati secara teknikal ialah tentang keluasan tanah itu secara terperinci. Kita mesti ada *land survey*. *Title* itu mesti ada *land survey* dan didapati ada kalanya terpaksa menunggu berbulan kerana *surveyor* tidak dapat menyiapkan kerja tersebut. Itu berlaku. Sudah tentulah orang dari luar kata ini tak boleh. *Cannot be an excuse*. Tak boleh sebab jumlah *surveyor* tak cukup. Dan saya bercadang dan ada kalanya berjumpa untuk membawa sekumpulan *surveyor* daripada India supaya datang ke mari untuk kerja dia mensurvey saja. Jadi saya telah dijumpai oleh *Institut of Surveyor* jangan buat macam inilah. Saya was a bit upset sebab saya tengok lambat. Sekarang teknologi bukan pakai chain survey, pakai *light* pun boleh. Jadi saya tidak bertujuan nak bagi sebab-sebab. Ini keadaan praktikal yang ada di situ. Kedua, saya dapati juga orang yang meminta dan orang yang memiliki tanah boleh jadi tak serupa. Sebab dia ada perjanjian jual beli tanah dan akhirnya belum habis dia tukar tanah dia dah memiliki tanah. Jadi apabila dia minta atas nama diri dia kompeni AYZ tapi yang sebenarnya dalam *title* tanah tu ABC. Jadi Pejabat Tanah tak nak kenal orang yang menghantar tu sebab dia tak nak kenal sebab dia bukan. Pada dia apa yang ada dalam buku itu, itu yang dia buat. Sudah tentulah orang tu datang tunjukkan ini *agreement* dah *sign*, ini duit dah bayar mengapa pula buat macam itu. Kemudian dia kena jawapan, ini saya nak ceritakan fasal birokratik. Dia tak boleh terima cakap macam itu. Dia kata panggil orang yang memiliki tanah itu dan suruh dia *sign*. Orang yang miliki tanah pula lupa pula nak *sign* sebab bila harga dah berubah kerana bila dia jual dua tahun dahulu sekarang kalau dia nak *sign* harga sekarang untuk setengah tempat dalam Petaling Jaya harga berubah sebanyak 15% ke 20%. Dia nak *new negotiation*. Tiada kena mengena dengan Kerajaan Negeri. Jadi saya telah cuba mengadakan apa pun *excuse* kita kena buat. Itu saya. Dan saya telah *test* pemindahan untuk *blanket transfer* untuk 300 unit boleh dibuat dalam masa 4 jam. Maknanya boleh buat tapi semua orang dalam jabatan itu tidak boleh keluar daripada bilik itu sehingga dia setuju. Maknanya dia ada banyak Jabatan *survey value*, pegawai tanah itu semua di buat. Jadi saya rasa saya setuju dengan ini. *Basednya* ialah *documentation*. Kedua, banyak mereka yang kurang pasti tentang selok-belok penukaran tanah. Dia ingat senang sahaja. Dia beli tanah

kemudian pergi ke Pejabat Tanah dan tukar nama. Tak boleh. Jadi ada juga *lawyer* saya nak bagi tahu, peguam dia ada kes orang tu nak beli tanah dia gunakan peguam untuk melihat sama ada tanah itu milikan apa. Dan ada *fee* untuk peguam tersebut. Apa jadi peguam tak semak kes masuk MTES tanah itu sebenarnya dah tanah kerajaan. Orang salah beli. Dia beli pada orang tu tapi yang miliki adalah tanah kerajaan. Jadi oleh sebab itu saya nak sediakan satu tip. *It's call customer tips.* Dia ni tolong *customer* bukan panggil orang lain. Dia tolong *customer*. Tolong selesaikan masalah ini. Ini masalah tanah. Dan penting juga saya nak ingatkan kalau di Perlis saya bukan nak ambil contoh tak baiklah tapi kalau di Perlis urus niaga pertukaran tanah tak sampai 20 atau minggu. Kalau di Selangor 2000 tu tak sedikit. Maknanya dari segi kuantitinya banyak. Jadi jawapan kita apa pun we *must break this bureaucratic*. Salah satu daripada cadangan saya ialah *personal guarantee*. Katalah orang tu kata nak tukar dia betul dan setuju semua kita *guarantee* kalau silap dia menanggung tanggungan tersebut. Jadi dengan cara itu negeri tidak tertanggung dia pun tidak tertanggung. Itu sahaja.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Pengurus. Yang saya dengar jawapan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mengenai dengan selok-belok pengurusan tanah khususnya dalam teguran audit tapi saya ingin tambah lagi tentang bagaimana piagam yang tertera di pejabat-pejabat itu. Kadang-kadang pelanggan datang dia tanya datang Hulu Langat kata 3 bulan, datang Petaling 6 bulan. Nanti datang Pejabat Klang kata 3 bulan. Jadi nampak ada celaru. Ini kena buat pembetulan dan sebagainya.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Pengurus saya bukan itu sahaja saya dengar dia nyanyi lagu piagam pengguna. Dia nyanyi semua lagu. Lepas tu dalam hati saya habislah semua kita. Itu saja. *I understand, I come from sektor swasta. What we say is customer always king.* Maknanya kita dah ada dan kita tahu *customer is king*. Saya tahu tapi saya juga tahu budaya kita perlu diubah. Maknanya *the responsibility* itu *statement* itu kita ubah. Itu sebab sekarang kita mula nak ubah dan mengubah budaya kerja bukan senang. Saya nak beri tahu Dewan pengalaman saya agak lama juga boleh jadi saya hanya tak ada rambut putih tapi pengamalan saya sangat lama tentang perkara ini. Mengubah budaya memakan masa yang lama. Jadi buat masa ini kita sudah mengalih budaya tersebut untuk *customer* penting daripada kita. *That's how we look at it.* Saya ingat kita sudah mula berubah. Tapi tidak sampai ke tahap kalau kita bandingkan dengan Hong Kong. Tapi Hong Kong pun Yang Berhormat Sekinchan kena tahu dia cepat dan saudara kalau tak cepat saudara juga salah. Hari ini kita bincang, esok pagi sebelum kita bangun *agreement* dah sampai ke bilik kita. Sama ada kita sampai ke tahap itu atau tidak itu kita kena jaga tapi pada saya satu minggu *one week is a fair day*. Kita punya *target delivery* mesti satu minggu.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat memandangkan masa dah 5.30 petang maka kita tangguhkan perbahasan di peringkat jawatankuasa. Baik, Dewan bersidang semula.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian memandangkan jam sudah menunjukkan 5.30 petang, maka saya tangguhkan Dewan sehingga hari esok 27 November 2012 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 5.30 petang)**